

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 55

Isnin

29 Oktober 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2013

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.21

(Halaman 26)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2013

Jawatankuasa:-

Maksud P.21

(Halaman 26)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 29 Oktober 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) sejauh manakah transformasi tercapai di bawah Dasar Agro Makanan Negara terutama di Sabah; dan
- (b) setakat mana industri agro makanan telah mencapai kepada industri yang lebih moden dan dinamik serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:

Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua soalan, (a) dan (b). Bahagian (a), bagi mencapai objektif Dasar Agro Makanan Negara yang telah pun dilancarkan pada tahun 2011 sehingga ke tahun 2020, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang giat melaksanakan berbagai-bagai program atau projek-projek pembangunan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah. Pelaksanaan projek-projek ini sebahagiannya telah pun bermula dan sebahagiannya lagi sedang dalam peringkat perancangan untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Bagi tahun 2011 sehingga tahun 2012, sebanyak 42 buah projek telah dilaksanakan di Sabah melibatkan peruntukan sebanyak RM78.73 juta yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, dan perikanan serta sumber pertumbuhan baru seperti rumput laut. Beberapa projek NKEA pertanian di negeri Sabah di antaranya ialah rumput laut, sistem sangkar bersepadu, replikasi i-ZAQ iaitu sistem kolam bersepadu dan juga penanaman padi di kawasan jelapang serta kluster tenusu. Secara keseluruhannya, kejayaan sebenar projek-projek transformasi seperti di atas mengambil masa untuk dinilai memandangkan ia melibatkan beberapa fasa pelaksanaannya.

Bahagian (b), di bawah Dasar Agro Makanan Negara, tumpuan diberikan kepada peningkatan kecekapan industri agro makanan di sepanjang rangkaian nilai supaya industri ini

menjadi lebih produktif, berdaya saing dan berintensif pengetahuan. Ini dapat dilihat pada tahun 2011 di mana sektor pertanian secara keseluruhannya mencatat pertumbuhan positif pada kadar 5.6% atau RM43.19 bilion dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak 7.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Dalam tempoh yang sama juga, sektor agro makanan sahaja telah berkembang kepada kadar 5.8% atau RM20.21 bilion dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak 46.8% kepada KDNK sektor pertanian.

Produk komuniti pertanian bernilai tinggi seperti sarang burung walit, akuakultur, ikan hiasan, rumpai laut, herba dan juga rempah ratus, florikultur dan cendawan akan diusahakan secara intensif bagi meningkatkan sumbangan agro makanan kepada KDNK di samping dapat menjana pendapatan yang tinggi kepada pengusaha pertanian. Ini termasuklah pelaksanaan projek-projek NKEA pertanian yang telah pun dikenal pasti dengan pendapatan sasaran untuk menjana pendapatan negara kasar sebanyak RM49.1 bilion menjelang tahun 2020.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Usaha kerajaan dan kementerian untuk meningkatkan makanan tambahan di Malaysia memang satu usaha yang kita puji. Cuma mungkin barangkali usaha ini harus diteruskan di peringkat negeri terutama sekali di peringkat daerah.

Soalan tambahan saya, petrol adalah sebahagian usaha untuk menambah hasil makanan tangkapan laut, jadi saya ingin tahu subsidi untuk nelayan mengikut negeri di Malaysia terutama sekali di negeri Sabah dan bagaimana kementerian mengawal supaya subsidi ini tidak disalah gunakan?

Kedua, saya ingin tahu, berapakah jumlah hasil tangkapan ikan di daerah Sandakan? Sebab Daerah Sandakan merupakan kawasan penangkapan hasil makanan laut terutama sekali *supply* dengan izin kepada daerah Sandakan di Sabah kalau tidak di Malaysia keseluruhannya. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga soalan tambahan. Pertama, memang kementerian berhasrat untuk memastikan bahawa setiap bantuan-bantuan yang diperuntukkan melalui Kementerian Pertanian yang begitu banyak, ianya mesti benar-benar sampai kepada golongan sasaran.

■1010

Sebab itulah kementerian telah pun menubuhkan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen di seluruh negara dengan hasrat kita supaya majlis ini akan dapat membantu kementerian untuk memastikan projek-projek yang sampai di kawasan Parlimen masing-masing akan dapat dilaksanakan dan juga mencapai matlamat kita supaya *target group* akan mendapat faedah.

Kedua, mengenai subsidi minyak. Saya ingin menjelaskan bahawa kementerian terus mengadakan kajian bagaimana kita dapat mengatasi mengenai penyelewengan minyak yang didakwa berlaku. Salah satu cara yang telah pun diambil tindakan ialah dengan mengadakan

audit di kapal-kapal tangkapan laut dalam di mana dalam audit yang kita telah buat pada tahun lepas hingga tahun ini, sebanyak 360 buah tangkapan laut dalam telah pun kita batalkan lesen. Ini kerana kita dapati kapal-kapal ini tidak memenuhi syarat-syarat kita termasuk penyalahgunaan minyak.

Dalam masa yang sama, nelayan-nelayan kita memberikan bantuan yang sama di seluruh negara seperti kita memberikan elaun RM200 tiap-tiap bulan. Kita juga telah membenarkan skim insurans kepada nelayan-nelayan dan juga kita memberikan bantuan-bantuan pinjaman RM20,000 ke bawah tanpa penjamin.

Mengenai soalan yang ketiga jumlah kapal di kawasan yang saya sebut tadi, saya minta notis diminta secara bertulis kerana saya tidak ada angka-angkanya. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, mendengar jawapan tadi, semacam ada kemajuan apabila kerajaan melaksanakan Dasar Agro Makanan terutama apabila Yang Berhormat Menteri *quoted* pertumbuhan 5.8% atau sama nilai RM20.21 bilion. Soalan saya ialah kalau saya berpendapat antara *indicator* yang lebih tepat untuk mengukur sukses atau tidak suatu dasar yang berkaitan dengan makanan negara ialah kurangnya nilai import makanan yang kerajaan terpaksa belanjakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan nilai semasa import makanan dalam Ringgit Malaysia terutama dalam komponen daging dan beras? Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Jumlah yang import Yang Berhormat nyatakan mengikut butiran-butiran tertentu seperti maklumat yang ada pada saya, jumlah bahan makanan dan juga jenis tindakan. Ini kita tidak nafikan bahawa jumlah import ini dari perangkaan yang ada pada saya, ia banyaknya ialah melibatkan input-input pertanian seperti bahan-bahan makanan, seperti baja.

Oleh kerana itulah kita sekarang ini sedang berusaha seperti mana saya katakan tadi bahawa dalam kita hendak mencapai Dasar Agro Makanan Negara rangkaian nilai kita akan titik beratkan seperti kita kena adakan baka. Benih baka ini pun kita import daripada luar negara.

Kemudian yang kedua makanan haiwan, baja. Ini rangkaian yang kedua. Jadi kalau dua ini yang sedang kita usahakan. Kalau kita dapat mengeluarkan secara sendiri, maka saya lihat bahawa jumlah import kita boleh kurangkan. Terima kasih.

2. Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah bomba sukarela yang beroperasi aktif di seluruh negeri Kedah dan apakah kemudahan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada mereka.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Pendang. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh

Yang Berhormat Kuala Krau bertarikh 7 November 2012 memandangkan kedua-dua soalan ini mengenai pasukan bomba sukarela.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pasukan bomba sukarela ditubuhkan di antara lainnya untuk memastikan bantuan awal bagi kerja-kerja pemadaman, kebakaran dan penyelamatan dapat diberikan dengan lebih pantas terutamanya di kawasan-kawasan yang berjauhan daripada balai bomba. Pasukan bomba sukarela turut membantu dalam penjagaan dan peperiksaan pili bomba serta memberikan khidmat nasihat kepada masyarakat setempat mengenai risiko kebakaran serta langkah-langkah pencegahan kebakaran yang boleh dilakukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terkini terdapat sebanyak 350 pasukan bomba sukarela yang telah ditubuhkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 47 pasukan bomba sukarela dengan jumlah keahlian 2,030 anggota bergerak aktif di seluruh negeri Kedah.

Bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan pasukan bomba sukarela dalam melaksanakan kerja-kerja mencegah dan menyelamatkan kebakaran, pelbagai jenis bantuan termasuklah kenderaan bomba dan latihan serta peralatan kebombaannya seperti pam, jaket api, kasut api dan helmet telah pun dibekalkan bagi setiap pasukan bomba sukarela.

Selain daripada itu, pelbagai program dan latihan turut dianjurkan oleh jabatan bomba dan penyelamat bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan juga kecekapan kebombaannya pasukan bomba sukarela baik di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Antara program-program yang diadakan termasuk konvensyen, seminar, pertandingan kawat kecekapan, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhasrat untuk menganjur satu konvensyen pada tahun ini bagi bomba sukarela yang bertugas di utara Semenanjung yang melibatkan tiga buah negeri seperti Kedah, Pulau Pinang dan negeri Perlis. Di samping itu, kementerian juga sedang berusaha untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan untuk peruntukan khas geran bantuan bagi menampung kos pengurusan pengoperasian pasukan bomba sukarela yang sedang bergerak aktif. Peruntukan khas ini adalah untuk membantu pembiayaan kos seperti bahan bakar, pemeriksaan PUSPAKOM, penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan termasuklah insurans bagi kenderaan bomba sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan pasukan bomba sukarela sememangnya cukup signifikan dan amat penting. Ini kerana mereka bukan sahaja telah membantu jabatan bomba dan penyelamat dalam usaha melawan kebakaran, malahan pasukan bomba sukarela turut berganding bahu dan berusaha ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat setempat dalam menghadapi kecemasan khususnya kebakaran.

Sehubungan itu sebagai insentif kepada 13,800 anggota pasukan bomba sukarela di seluruh negara, kerajaan pusat telah pun bersetuju untuk memberi perlindungan insurans secara berkelompok kepada anggota-anggota bomba sukarela mulai 1 Januari 2013. Langkah ini merupakan inisiatif awal kerajaan ke arah mewujudkan pasukan bomba bantuan yang mana pembayaran elaun tetap sebagaimana yang diberikan kepada anggota RELA akan dipertimbangkan. Namun, dengan mengambil kira bahawa cadangan ini akan turut melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan, maka perkara ini masih sedang diperhalusi. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri yang telah memberikan jawapan. Sebagaimana yang disebut tadi, terdapat 47 pasukan bomba sukarela. Kita dapati bahawa pasukan bomba sukarela ini memang pasukan pertama sampai ke tempat kebakaran. Kita pun tidak pasti kenapa bomba yang sudah dibentuk oleh Jabatan Bomba lambat sampai. Mungkin jarak yang dekat dengan tempat kebakaran. So, itu kemungkinan.

Saya ingin mengesyorkan supaya pihak kementerian memberi perhatian yang lebih kepada anggota-anggota bomba sukarela. Ini kerana setiap tahun menjelang hujung tahun misalnya, mereka kekurangan dana dan terpaksa merayu kepada syarikat, orang-orang individu tertentu untuk mendapat sumbangan kewangan. Bahkan untuk membeli minyak kenderaan pun mereka tidak berkeupayaan untuk melaksanakan tugas tersebut.

Jadi saya harap pihak kementerian satunya, memberi perhatian kepada dana yang diperlukan oleh pasukan bomba sukarela ini. Keduanya, apakah tidaknya kita mengambil satu KPI kepada setiap pasukan itu. Misalnya banyak mana kebakaran yang telah diambil bahagian untuk memadamkan api kebakaran ataupun menerima panggilan daripada orang ramai untuk pergi ke tempat kebakaran supaya insentif ini dapat diberi berdasarkan kepada KPI yang telah dilaksanakan oleh pasukan bomba tersebut.

■1020

Jadi, saya harap pihak kementerian dapat meneliti perkara tersebut dan memberi perhatian terhadap kebajikan setiap anggota, kerana mereka ini sukarela dan juga bekerja sendiri kebanyakannya. Jadi saya harap pihak kementerian perlu memberi perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Pendang. Memang benar sumbangan dan juga tugas yang dijalankan oleh bomba sukarela ini memang kita harus memberi penghargaan kepada keseluruhannya. Saya juga minta supaya Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen juga dapat turut memberi sumbangan dengan sebolehnya dalam kemampuan kita untuk bantu bomba-bomba sukarela. Saya percaya semua Ahli Parlimen dari Barisan Nasional memang pada setiap kali bila ada permintaan dari pasukan-

pasukan bomba sukarela dalam kawasan mereka, mereka ini harus memberi sumbangan. Tak kira berapa banyak pun.

Oleh sebab itulah kementerian saya pun memberi pertimbangan juga sebab kita tahu, selain daripada membekalkan peralatan-peralatan, sudah tak ada lain kerajaan memberi kepada mereka. Sebab itulah saya telah pun mengarah supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat pada tahun ini buat kajian dengan secara terperinci sama ada tahun depan kita dapat memberikan pertimbangan supaya setiap bomba sukarela yang didaftarkan dengan kerajaan diberikan hanya RM3,000 setahun untuk membantu mereka sedikit sebanyak, walaupun kita tahu RM3,000 ini memang tidak mencukupi.

Selain daripada itu juga, saya telah pun dapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat melalui permintaan kepada Jemaah Menteri supaya pada tahun depan semua pasukan bomba sukarela yang berdaftar dengan kerajaan, semua ahlinya diberikan perlindungan insurans secara berkelompok. Kita haraplah kalau boleh dari semasa ke semasa kita dapat memberi sumbangan tak kira dari siapa pun, Ahli Parlimen mahupun individu ataupun syarikat-syarikat, sebab kita tahu mereka ini telah banyak membantu.

Tadi Yang Berhormat tanya tak faham sebab apa pasukan bomba sukarela sampai dulu. Kemungkinan kewujudan bomba sukarela memang dalam setengah-setengah tempat di mana balai bomba tidak wujud. Sebab itulah bila berlakunya kebakaran, mereka ini akan sampai dulu. Oleh kerana mereka ini diberikan latihan sekurang-kurangnya lapan jam untuk setiap ahli bomba sukarela, mereka ini dapat menjalankan tugas awalan dulu. Bila bomba kerajaan sampai barulah mereka ini bersama-sama berganding bahu untuk memadamkan api. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Pendang belum ada lagi balai bomba Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri kerana sistem bomba sukarelawan ini. Saya melihat bomba sukarelawan di kawasan saya, orang-orang yang menyertai itu memang menunjukkan minat dan semangat kesukarelawan yang amat mengagumkan.

Saya nak tahu setakat ini apakah jenis kursus latihan yang telah diberikan kepada sukarelawan bomba ini, mengikut piawaian tertentu dan juga mereka kena cari pejabat sendiri. Mereka kena cari kenderaan sendiri. Kenderaan ubah suai menjadi kenderaan bomba. Sebab itu saya sendiri pernah minta bantuan dari Menteri supaya kenderaan bomba yang bermutu dibekalkan kepada mereka. Mereka memang merupakan pasukan yang *on the front line*. Dia *the first one to arrive at the scene of fire*. Jadi kita perlu memberi keutamaan selain daripada kebajikan yang telah disampaikan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan saya juga

harap alatan itu amat penting. Misalnya pakaian. Pakaian bomba itu amat mahal. Berapa ribu satu pasang dan itu adalah asas dari segi keselamatan sukarelawan.

Jadi pakaian itu diutamakan dan kalau boleh kemampuan mengizinkan, kita beri juga elaun nominal kepada sukarelawan ini untuk merestui sumbangan dan jasa mereka. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya masih ingatlah permintaan dari Yang Berhormat Tebrau ini. Hendak minta sebuah kenderaan kebombaam untuk pasukan bomba sukarela di kawasan Tebrau. Saya masih ingat. Tak apa. Jika ada, jika ada peluang, saya akan cari sebuah kenderaan untuknya. Seperti kita semua maklum Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: ...Selain daripada bekalan peralatan kepada anggota-anggota bomba sukarela, Kerajaan Persekutuan juga pada setiap tahun mengatur supaya jentera-jentera kebombaam ini diberikan kepada pasukan bomba sukarela yang bergerak aktif. Kita pada setiap tahun kita mengkaji dari segi jumlah telefon yang diterima, jumlah berapa kalinya mereka keluar untuk menjalankan tugas, untuk memadamkan api. Bila kita ambil pada keseluruhannya prestasi satu-satu pasukan bomba sukarela dan kalau mereka ini cukup aktif, mereka ini diberikan jentera kebombaam dulu sebelum kita memberi pertimbangan kepada lain.

Akan tetapi dari segi pembekalan topi, pakaian seragam, kasut kebombaam ini kita bagilah lazimnya kepada pasukan-pasukan bomba sukarela. Kita kena memberi pertimbangan dulu yang mana aktif dapat dulu, yang lain kurang aktif kita bagi juga tetapi tak begitu banyaklah sebab seperti kita semua maklum, satu set dari topi sampai kasut ini kosnya berjumlah RM2,000 sekurang-kurangnya. Ini sebab ada setengahnya harus diimport. Bukan diimport, dibeli dari luar negara. Jangan lupa di seluruh negara terdapat 350 pasukan bomba sukarela.

Tadi saya sudah beritahu kita bagi insurans, pertama kali ini. Pada tahun depan walaupun tak pasti kita boleh dapat atau tidak lagi tetapi kita memang mempunyai perancangan untuk memberikan setiap pasukan bomba sukarela RM3,000. *For a start*, bagi permulaan. Selepas itu kita juga sedang menjalankan kajian untuk meneliti bagaimana kita dapat wujudkan satu sistem pemberian elaun kepada mereka. Kita tak dapat lagi keputusan. Kita sendiri bila kita dapat keputusan dan muktamad, barulah kita nak buat permohonan kepada kerajaan untuk memberikan. Akan tetapi saya tak tahulah berapa lama kita dapat mengetahui sama ada kita berjaya atau tidak. Walau bagaimanapun, usaha memang ada untuk membantu mereka, sebab kita memang memberi penghargaan kepada semua anggota-anggota bomba sukarelawan.

Saya sentiasa beritahu kepada rakyat kita, bila ada masalah kebakaran, bila ada *accident* di jalan raya, baru kita tiba-tiba ingat, "*Oh, kita kena panggil bomba*". Selepas itu mereka lupa pula, kan? Ini satu sikap yang tak baguslah. Kita mintalah supaya semua rakyat

dapat sentiasa memperingati supaya bomba sentiasa ada bersama dengan kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Bomba sukarela kawasan Santubong di kawasan Kampung Bakoh Indah Yang Berhormat, salah satu yang terbaik di Malaysia.

Saya jemput Yang Berhormat Datuk Ismail Kasim.

■ 1030

3. **Datuk Ismail Kasim [Arau]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan beberapa kes yang telah diambil oleh SKMM terhadap blog yang terang-terang terlibat dalam menabur fitnah terhadap pemimpin negara dan sejauh mana pemantauan berterusan yang dibuat setakat ini dalam memastikan penulis blog dapat mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh SKMM.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Pengerang bertarikh 6 November 2012 dan 21 November 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu pemantauan dan penguatkuasaan terhadap laman sesawang, portal dan *blog*.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, semua undang-undang Malaysia diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan. Justeru, kandungan di media portal adalah tetap tertakluk di bawah peruntukan undang-undang negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau Akta 588, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Di bawah seksyen tersebut, sebanyak 32 kes siasatan telah dibuka pada tahun 2011. Sepanjang Januari hingga Ogos 2012, sebanyak 74 kes telah disiasat untuk kesalahan melibatkan media baru di bawah seksyen tersebut. Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh SKMM termasuk membuat laporan kepada pihak pentadbir laman sesawang untuk mengeluarkan atau mengalihkan kandungan yang diadukan, mengeluarkan notis amaran kepada pengendali laman web dan menyekat akses kepada laman web yang terlibat.

Sekiranya didapati melanggar undang-undang bertulis Malaysia, tindakan menyekat akses kepada laman-laman sesawang turut dilakukan terutamanya untuk laman-laman sesawang yang berpangkalan di luar negara. Sebagai langkah pencegahan, sejumlah 1,475 laman sesawang telah disekat pada tahun 2011. Dari bulan Januari sehingga Ogos 2012,

sejumlah 1,675 laman sesawang telah disekat di mana 1,585 darinya merupakan laman sesawang *fishing*. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, kita akui tindakan tegas yang telah dibuat oleh SKMM berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penulis-penulis *blog*, portal dan sebagainya. Kita sedar bahawa kita tidak dapat lari dari berhadapan dengan hakikat bahawa dunia maya sekarang, apa yang berlaku di seluruh dunia – masalah tandas tidak cukup di Makkah, kita tahu di sini, apa yang berlaku semua kita akan tahu. Jadi, kita sekali lagi akan berhadapan dengan satu generasi 10, 15 tahun lagi yang betul-betul lahir dalam proses dan era zaman ini. Jadi, selain daripada tindakan yang boleh diambil, mungkin kita boleh menyekat daripada akses kepada *website* yang kita anggap boleh mencetuskan keganasan dan sebagainya seperti '*the pirate bay*', '*megavideo*', '*megaupload*' dan lain-lain. Ada tujuh, lapan *website* yang dianggap bahaya yang boleh menyebabkan generasi muda terlibat.

Akan tetapi, ini tindakan-tindakan yang boleh kita lakukan termasuk mereka yang menulis, rakyat Malaysia yang berpangkalan di luar negara atau bukan rakyat negara kita yang menghina pimpinan dan sebagainya. Akan tetapi, yang kita ingin laksanakan di sini selain daripada kita mengambil tindakan undang-undang, pemantauan, siasatan susulan dan sebagainya. Apakah usaha yang kita ambil dalam menyedarkan penulis-penulis *blog* dan portal ini? Saya sedar 80% kebanyakan baik tetapi ada yang lain mereka tidak memahami Akta Hak Cipta, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan, *Penal Code* dan sebagainya. Mereka tidak tahu hal ini.

Ini kerana mereka tidak terikat kepada etika dan garis panduan seperti *journalist-journalist* yang lain yang terlibat dalam penulisan akhbar, penyiaran-penyiaran TV dan sebagainya. Jadi, saya mohon adakah SKMM mengambil langkah-langkah susulan untuk kita memberi kesedaran kepada rakyat terutama generasi baru yang sedang membesar sekarang ini? Ini supaya kita lihat di samping kita maju, kita akses berkaitan maklumat tetapi kita mempunyai generasi dan warga yang lebih bertanggungjawab untuk agama, bangsa dan negara. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Arau atas pertanyaan tambahan dan sedikit juga menyarankan untuk tindakan-tindakan tertentu diambil. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau. Tindakan untuk menyekat semata-mata tidak akan berhasil sekiranya rakyat kita tidak mengambil sikap tanggungjawab dalam penggunaan *internet*. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang dianggap oleh kementerian ini yang dianggap terbaik untuk mengawal kandungan negatif adalah melalui pendidikan pengguna untuk menggunakan *internet* secara positif.

Oleh itu, pengguna perlu membuat pilihan bijak kerana tidak semua kandungan yang boleh didapati di *internet* selari dengan pandangan dan budaya tempatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2011 sebanyak 34 aktiviti seperti seminar, ceramah dan juga penampilan di kaca televisyen telah dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penggunaan *internet* dan alam sosial secara positif.

Usaha sebegini akan dilakukan sepanjang tahun ini dan masa akan datang. Kementerian melalui SKMM telah dan juga sedang giat menjalankan program sebagaimana yang telah saya katakan di Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lepas iaitu kita adakan program dikatakan "*Klik Dengan Bijak*" di seluruh negara dengan matlamat mendidik dan mempromosi penggunaan internet secara positif di kalangan para pengguna internet di Malaysia supaya generasi yang terdedah kepada zaman internet ini akan menggunakan alat internet sebagai yang lebih berguna dan untuk membudayakan kita secara positif di negara ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kedua-dua ini Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkepanjangan bagai agam dan bercakap berlarutan tanpa itulah habis - Ini soal jawab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Itu pandangan masing-masinglah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Arau, jangan berkepanjangan lagi. Itu melanggar peraturan. *[Ketawa][Disampuk]* Melanggar peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, asalkan...*[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini kedai kopikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya suka ingat satu sahaja, asalkan kualiti jangan dikata periuk hitam Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam itu kes-kes yang disekat, saya nampak 1,470, 1,625 – Itu hanya dituju kepada pemimpin, Menteri-menteri. Apakah *blog-blog* yang ditujukan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Permatang Pauh dan sebagainya, adakah tindakan diambil untuk menyelesaikan masalah? Jika kita bandingkan dengan negara-negara yang lain misalnya Singapura, China dan sebagainya, apakah tahap kita di dalam pengawalannya?

■1040

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebagaimana yang telah saya terbaca di dalam akhbar tempatan di Sarawak, Yang Berhormat Kepong adalah seorang Ahli Parlimen yang dikatakan bertaraf antarabangsa dengan kematangan beliau di dalam hujah-hujahnya dalam ucapan. So, tahniahlah Yang Berhormat Kepong. Pada pagi ini, iaitu tabiat untuk mengatakan yang lain itu lebih macam-macam, itu bukan tabiat Ahli Parlimen bertaraf antarabangsa, Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Penguatkuasaan undang-undang tidak pilih kasih. Ia tidak memilih siapa yang dituduh ataupun siapa yang dikenakan oleh pemblog-pemblog atau pencerita-pencerita di dalam laman-laman tersebut. Ini mengikut siapa yang terkena dan boleh membuat aduan. Sebagaimana yang selalu dikatakan di Dewan yang mulia ini, aduan boleh dibuat kepada mana-mana pihak penguatkuasaan undang-undang di negara ini, kepada SKMM dan boleh juga dilakukan melalui pihak polis. Sekiranya ia melibatkan kementerian-kementerian yang lain, maka aduan juga boleh dibuat.

Daripada aduan tersebut, maka tindakan boleh diambil, dan sekiranya disiasat tetapi tidak ada apa-apa yang difikirkan menyalahi undang-undang, maka tindakan tidak akan diambil. Apa yang telah saya huraikan di sini Yang Berhormat, tidak semata-mata berkenaan dengan orang kerajaan sahaja, tetapi ini adalah kesemuanya. Percayalah, kementerian dan penguatkuasaan memang tidak pilih kasih dan ia memang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kesemua kes-kes yang dianggap tidak mematuhi undang-undang negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ternyata sekali *second hand news* ini kena tapis dan selidiklah Yang Berhormat ya. Jelas pada pagi ini, sama juga. Apa yang saya lihat di dalam surat khabar itu mengatakan Yang Berhormat Kepong ini mengikut peraturan, itu sahaja.

4. **Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah terkini pekerja asing yang berada di negara ini sehingga 1 September 2012.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah pekerja asing di Malaysia yang sah dan berdaftar sehingga 31 Julai 2012 adalah seramai 1,581,264 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara atau PLKS oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek, tidak padat, tidak kena pada sasaran. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut statistik yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia, pekerja asing di dalam negara ini berjumlah 1.9 juta setakat 1 Julai 2012. Masalah sosial, jenayah dan persaingan dengan pekerja tempatan menjadi bertambah parah, malah tangkapan dibuat hari-hari pekerja tanpa izin. Kalau hendak dikira yang tidak diizinkan, *masya-Allah*, tidak tahu berapa jumlahnya. Malah mengikut laporan yang diperoleh, ada sehingga boleh mengundi, yang tidak ada pendaftaran negara tetapi ada pendaftaran pemilih dan ini kesan yang amat buruk kepada negara kita.

Soalan pokok saya, *biometric...* [Disampuk] Dengar dahulu, ini penting Yang Berhormat Sri Gading. *Biometric* diwujudkan untuk sasaran data pekerja asing. Apa sudah jadi dengan alat *biometric* itu? Belanjanya puluhan juta dan 6P menjadi slogan yang diwacanakan, apa hasilnya? Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan dakwaan kononnya warga asing ini telah banyak melakukan jenayah-jenayah di dalam negara ini, sebenarnya memang tidak benar apa yang dinyatakan itu, hanya sekadar diuar-uarkan sahaja oleh Yang Berhormat Kuala Langat...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Mana *figure* nya?... Boleh buktikan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Kedua Yang Berhormat, berkaitan dengan kononnya warga asing ini telah didaftarkan sebagai pengundi, tidak ada bukti yang menunjukkan apa yang dinyatakan itu.

Berkaitan dengan *biometric* yang telah dilaksanakan. Bahawa proses dilaksanakan berkaitan dengan sistem *biometric* ini, kita telah dapat melaksanakan dengan jayanya di mana cap jari mereka dapat diperoleh dan daripada apa yang telah kita laksanakan ini, ada juga di antara PATI yang hadir ke negara kita kembali balik di mana kita dapat mengenal pasti berkaitan dengan passport-pasport jika ada yang palsu melalui *biometric* inilah yang kita telah dapat kesan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah tidak menjadi rahsia lagi bahawa ramai warganegara kita merasa bahawa warganegara asing ini atau pekerja asing ini menjadi ancaman kepada rakyat dan negara. Ancaman dari sudut keselamatan, ancaman dari sudut ekonomi, merebut pekerjaan-pekerjaan dan juga peniagaan, ancaman dari sudut kesihatan, ancaman dari sudut sosial dan ancaman dari susut budaya dan bahasa.

Sejauh mana sebenarnya Kementerian Dalam Negeri dapat angka pekerja asing yang diperlukan dalam mengisi pekerjaan dalam negara kita? Itu yang pertama. Kedua, setakat ini berapa ramai majikan yang menipu, minta maaf perkataan itu, majikan yang menipu dari segi proses pengambilan pekerja asing ini? Ketiga, saya ingin bertanya tentang kebanjiran warganegara daripada Afrika ini yang semakin menjadi ancaman dan sejauh manakah tindakan diambil kepada mereka yang melanggar berbagai-bagai kesalahan yang mengancam keselamatan warganegara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Sehubungan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sri Gading berkaitan dengan sejauh mana keperluan kita dalam memerlukan pekerja asing ini, sebagaimana yang kita sedia maklum Yang Berhormat, bahawa negara kita ini sedang membangun dan kita memerlukan pekerja-pekerja yang perlu di dalam bidang-bidang seperti pembuatan, perladangan, pembinaan, pertanian dan perkhidmatan.

■1050

Jadi, apa yang kita lihat dari segi pekerja tempatan bukan suatu perkara yang mudah kita dapat daripada respons daripada pekerja-pekerja tempatan ini dari segi itulah. Maka kita perlu mendapatkan pekerja daripada luar negara. Jadi kalau tidak dari segi pembangunan negara kita akan terbantut. Jadi justeru itu, di samping kita mendapatkan pekerja daripada luar negara, bahawa kita tidak mahu juga pekerja asing ini membanjiri negara kita ini. Jadi, dalam proses kita mengambil pekerja asing ada proses-proses yang tertentu untuk memastikan sebelum kita mengambil mereka bahawa dari segi dasarnya yang telah disyaratkan oleh Kementerian Sumber Manusia, semua permohonan pengambilan pekerja asing yang baru adalah dikehendaki mendapatkan sijil perakuan *Job Clearing System* dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Jadi, untuk mendapatkan sijil ini majikan-majikan perlu memohon kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) supaya bagi membolehkan JTK ini mengiklankan jawatan-jawatan yang kosong ini kepada pekerja-pekerja tempatan. Sekiranya tidak ada respons kemudian barulah pihak JTK akan mengeluarkan sijil JCS ataupun *Job Clearing System* ini. Bukan itu sahaja, majikan juga perlu melalui proses yang satu lagi, di mana majikan akan ditemu duga, melihat dan meneliti sama ada keperluan yang diminta oleh majikan ini berkaitan dengan pekerja asing

itu benar-benar diperlukan oleh mereka. Jadi, ini proses-proses yang kita lakukan untuk memastikan tiada kebanjiran di pekerja asing di dalam negara kita.

Berkaitan dengan warga negara asing yang ada di dalam negara kita kerana Yang Berhormat Sri Gading sebutkan tadi berkaitan dengan ada timbul masalah-masalah yang berlaku, yang mana kita lihat ada di antaranya, kebanyakan daripada mereka dari pelajar-pelajar yang salah gunakan visa pelajar. Tindakan yang dilakukan oleh kementerian ialah sentiasa membuat pemantauan dan juga memperketatkan dalam proses mengeluarkan visa-visa ini dengan ada kerjasama dengan jabatan-jabatan kawal selia yang ada berkaitan dengan pendidikan tinggi ini.

Seterusnya, dalam kita mengambil tindakan banyak jugalah tahanan-tahanan dan juga tangkapan yang kita buat dan mereka ini diusir dari semasa ke semasa. Terima kasih.

5. Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi semua hospital kerajaan dalam melayani pesakit yang baru dimasukkan ke wad untuk mendapatkan rawatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit katil di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, pesakit-pesakit yang perlu dimasukkan ke wad atas tujuan pemerhatian dan rawatan adalah kes-kes yang dirujuk dari jabatan kecemasan, klinik pakar ataupun kes-kes elektif bagi pelbagai prosedur rawatan yang telah dirancang awal. Kemasukan pesakit ke wad di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia diuruskan di unit pendaftaran dan kemasukan pesakit hospital berkenaan. Pesakit-pesakit akan dimasukkan ke wad disiplin yang berkaitan serta mengikut kesesuaian status penyakit pesakit. Pesakit berusia 12 tahun ke bawah dimasukkan ke wad kanak-kanak, pesakit-pesakit ini akan dihantar masuk ke wad dengan diiringi oleh anggota-anggota perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, polisi hospital pada masa kini menetapkan bahawa setiap pesakit diberi *identification wristband* dengan izin, yang mempunyai data seperti nama dan Nombor Pendaftaran Perubatan (MRN) pesakit sebaik sahaja dimasukkan ke wad untuk dipakai oleh pesakit sepanjang berada di hospital. Jururawat di wad akan menyambut kedatangan pesakit dan menunjukkan katil yang telah disediakan untuk mereka. Para pesakit dan ahli keluarga yang hadir akan diberikan sedikit pengenalan atau orientasi mengenai keadaan dan kemudahan di wad dan hospital, faktor keselamatan, waktu melawat dan sebagainya. Pesakit juga dinasihatkan agar menyerahkan barang berharga kepada ahli keluarga untuk dibawa pulang. Walau bagaimanapun pihak hospital ada menyediakan tempat simpanan yang dijaga oleh jururawat bertugas untuk sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pesakit masuk ke wad, jururawat akan menyiapkan semua fail berkaitan bagi merekodkan segala pelan rawatan yang akan diberikan. Jururawat

juga akan memaklumkan kepada doktor bertugas tentang kemasukan pesakit tersebut. Bagi pesakit yang stabil, jururawat dikehendaki memberitahu doktor dalam masa 15 minit setelah pesakit tiba di wad. Doktor pula dikehendaki melihat dan merekodkan sejarah serta memeriksa dalam masa 30 minit hingga 60 minit daripada masa pesakit masuk ke wad.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi pesakit yang tidak stabil walaupun telah diberi rawatan awal di jabatan kecemasan jururawat perlu memaklumkan kepada doktor serta-merta setelah pesakit tiba di wad. Doktor pula dikehendaki melihat kes tersebut sebaik sahaja dimaklumkan. Setelah itu pelan rawatan pesakit akan dirangka oleh doktor yang bertugas dan pelaksanaannya dibantu oleh jururawat di wad tersebut. Secara kebiasaannya doktor-doktor akan melakukan rondaan wad dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang. Pesakit yang tidak stabil yang berada di *acute bay* dengan izin, sesebuah wad akan diperiksa dengan lebih kerap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, proses kerja kemasukan pesakit ke wad di hospital seperti yang dinyatakan di atas adalah kelaziman yang biasa diikuti oleh semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan polisi hospital yang diguna pakai pada waktu ini. Kelainan atau perbezaan pada proses kerja di antara hospital-hospital adalah bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu dan kemampuan sesebuah hospital seperti kejadian bencana dan juga keadaan pesakit. Walau bagaimanapun, pengurusan rawatan pesakit tetap menjadi keutamaan oleh pihak hospital. Sekian, terima kasih.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi. Nampaknya dari segi SOP itu memang cantik dan menarik dan memang memberikan kesenangan hatilah kepada pesakit-pesakit. Akan tetapi bagaimanapun saya melihat kepada keadaan hakikat sebenarnya, di mana saya rasa bukan saya sahaja mungkin ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menerima rungutan dan aduan daripada pesakit-pesakit yang masuk hospital. Terutama yang kemalangan dan sebagainya, terutama pada hari-hari hujung minggu seperti hari Jumaat dan Sabtu. Apabila pesakit ini dimasukkan ke hospital, aduan yang kita terima dibiarkan sahaja setelah dapat katil, rehatlah sendiri, tahanlah sakit itu sampai hari Isnin barulah dia buat diagnostik, baru tentukan apa ubat hendak makan. Jadi dua atau tiga hari itu kawan kita ini menahan sakit dan terpaksa telefon wakil rakyat, minta bantu untuk dapatkan ubat. Sekurang-kurangnya berilah rawatan ataupun ubat tahan sakit sementara menentukan jenis ubat yang hendak digunakan.

Jadi ini amat malanglah. Saya tidak tahu ini ada atau tidak masuk ke dalam SOP ataupun menjadi amalan hospital, pegawai-pegawai perubatan ataupun *nurse* atau jururawat ini semua memang membiarkan pesakit ini bila hujung minggu. Ini sangat sedihlah kita tengok. Kesian kepada pesakit-pesakit ini. Kalau ini menjadi amalan, adakah ianya hendak diubah ataupun hendak dikekalkan? Ini menjadi kerisauan kita kerana banyak aduan diterima. Jadi,

minta-mintalah pandangan dan ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1100

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Yang Berhormat, izinkan saya untuk memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa seperti yang kita ketahui, hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia beroperasi setiap hari 24 jam, tujuh hari dalam seminggu. Bagi menyokong perkhidmatan ini Yang Berhormat, anggota-anggota di hospital akan bertugas mengikut syif dan juga bertugas atas panggilan. Di samping itu, perkhidmatan yang disediakan termasuklah perkhidmatan tambahan ataupun sokongan seperti dewan bedah, farmasi, Jabatan Radiologi dan juga makmal yang dibuka untuk menampung perkhidmatan selepas waktu pejabat dan juga pada hari-hari pelepasan dan juga termasuklah hari minggu.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita mengakui bahawa kapasiti daripada segi bilangan anggota yang bertugas serta perkhidmatan adalah lebih kecil jika dibandingkan pada waktu-waktu biasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pesakit sebenarnya tidak wajar menderita kesakitan sepanjang hari minggu kerana terdapat anggota yang bertugas di setiap wad dan juga jabatan walaupun dalam jumlah yang kecil, Yang Berhormat. Bukan menjadi amalan di peringkat hospital Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membiarkan pesakit menahan kesakitan sehingga hari Isnin sebelum rawatan yang bersesuaian dapat diberikan.

Ini merupakan tanggungjawab pegawai-pegawai termasuklah pegawai serta pakar perubatan kita untuk memberikan rawatan kepada pesakit termasuklah pemeriksaan fizikal, memberikan ubat-ubatan yang sesuai dan jika perlu untuk menghantar spesimen-spesimen ke makmal serta melakukan pemeriksaan x-ray untuk mendapatkan diagnosis awal. Sekiranya berlaku seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi, perkara ini bolehlah dirujuk kepada pegawai perubatan atau jururawat yang bertugas dan sekiranya perkara ini masih terus berlaku, pesakit dinasihatkan untuk membuat aduan secara rasmi kepada pihak pengurusan hospital yang mana pihak pengurusan hospital akan melakukan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang wajar ke atas pegawai-pegawai yang melakukan kesalahan tersebut Yang Berhormat.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat sama ada apakah tindakan yang dijalankan oleh pihak kementerian, sukacita saya untuk menyatakan di sini bahawa pihak kementerian sebenarnya dalam proses mengkaji pada tahap akhir ataupun menyemak semula polisi hospital kita, di setiap hospital termasuklah SOP yang saya sebutkan tadi untuk mengendalikan pesakit ke wad-wad. Ini dilakukan Yang Berhormat adalah untuk meningkatkan lagi perkhidmatan sedia ada dan cadangan kementerian adalah untuk mengeluarkan garis panduan berbentuk polisi ini seawal tahun akhir tahun ini juga Yang Berhormat. Terima kasih soalan yang dikemukakan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rujuk tentang isu SOP, garis panduan dan saya hargai jawapan yang diberikan bagi kakitangan hospital kerajaan yang bekerja keras setiap hari. Apa yang saya ingin tanyakan di sini ialah SOP berkait dengan hospital dan penyelenggaraan hospital.

Saya merujuk pada laporan *TheSun* yang bertarikh 15 Oktober Yang Berhormat, "Power Outage", dengan izin di UMMC yang mana satu kegagalan elektrik berlaku selama 36 jam di Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana salah sebuah generatornya tidak berfungsi. Generator tidak berfungsi selama lima jam sehingga pihak pengurusan terpaksa mengambil daripada pihak ketiga. Ini berlaku di hospital yang amat terkemuka dan walaupun berada dalam seliaan Kementerian Pengajian Tinggi seperti Yang Berhormat disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kata bahawa setiap hospital termasuklah di bawah jagaan Kementerian Pengajian Tinggi perlu mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan.

Jadi saya ingin minta satu jawapan yang jelas apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan SOP dalam segi penjagaan penyediaan elektrik kerana kita bercakap tentang nyawa-nyawa pesakit semasa 36 jam itu, *major surgeries were postponed*, dengan izin, lif tidak berfungsi dan sebagainya. Jadi saya mohon jawapan kerana setakat yang diberitahu oleh Menteri adalah menunggu siasatan daripada UMMC, PPUM, pada saya tidak memadai. Mohon jawapan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai di atas soalan tambahan yang diberikan tadi. Seperti Yang Berhormat maklum dalam jawapan kepada soalan tambahan Yang Berhormat Bukit Katil, saya telah menyebut mengenai usaha pihak kementerian untuk menyemak semula SOP, bukan sahaja SOP ini Yang Berhormat terhad pada pengendalian pesakit di wad-wad tetapi termasuk juga rawatan klinikal dan penyelenggaraan hospital seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Termasuklah kes-kes yang berlaku contohnya kes yang berlaku yang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kolaborasi ini bukan hanya terhad di peringkat Kementerian Kesihatan sahaja Yang Berhormat. Akan tetapi kita menggalakkan partisipasi daripada UMMC sendiri, hospital yang dikendalikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi termasuk juga hospital-hospital swasta dan sebagainya supaya wujud satu SOP (*standard operating procedure*) yang bakal dijadikan sebagai garis panduan untuk membantu bukan sahaja pengendali hospital tetapi juga pegawai-pegawai perubatan dan termasuklah kakitangan sokongan di setiap hospital. Ini boleh dianggap sebagai satu perkembangan yang positif bukan sahaja di peringkat kementerian tetapi juga dalam usaha kita untuk mewujudkan perkhidmatan yang lebih baik untuk disampaikan kepada rakyat khususnya pesakit-pesakit kita hospital-hospital sama ada yang dikendalikan oleh

Kementerian Kesihatan ataupun yang dikendalikan oleh pihak universiti dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

6. Tuan John Fernandez [Seremban] minta Perdana Menteri menyatakan selaras dengan konsep 1Malaysia:-

- (a) berapa ramaikah jumlah Yang Amat Arif Hakim wanita yang ditempatkan di Mahkamah Persekutuan; dan
- (b) berapa ramaikah jumlah Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Persekutuan yang berasal dari negeri Sabah dan Sarawak dan berapa ramaikah jumlah Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Persekutuan yang bukan berbangsa Melayu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) bilangan hakim Mahkamah Persekutuan pada masa ini adalah seramai sembilan orang dan dua orang daripadanya adalah wanita. Soalan (b), jumlah hakim Mahkamah Persekutuan yang berasal dari negeri Sabah dan Sarawak adalah satu orang dan daripada jumlah hakim Mahkamah Persekutuan yang ada, ialah satu orang bukan berbangsa Melayu.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri atas jawapan daripada soalan saya. Mengikut jawapan daripada Menteri, pandangan saya ialah kerajaan tidak berapa *gender sensitive* sebab jikalau kita tengok di peringkat Mahkamah Persekutuan, lebih kurang daripada 910, kita ada dua orang hakim sahaja daripada wanita. Itu mengambil kira dalam negara kita, kita ada lebih kurang 50% pengundi daripada kaum wanita. Oleh sebab itu saya merayu kepada kerajaan untuk menyemak balik situasi dan lebih *gender sensitive* dan memberikan peluang kepada hakim wanita, lebih hakim wanita di peringkat Mahkamah Persekutuan.

Point yang lain, di Mahkamah Persekutuan sahaja, walaupun kerajaan selalu mengatakan 1Malaysia itu idea yang baik, tetapi kerajaan mesti mahu dengan izin, '*Walk to Talk*'. Dahulu di Mahkamah Persekutuan - Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang *Indian Chauvinist*, dengan izin tetapi dahulu di Mahkamah Persekutuan kita ada satu orang sahaja daripada kaum India iaitu Tan Sri Sri Ram. Setakat hari ini, masa ini, di peringkat Mahkamah Persekutuan, *we do not have a single Indian judge*. Saya harap kerajaan boleh semak balik situasi ini dan ambil tindakan. Saya suka tahu apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan lebih berbilang bangsa di semua peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dan semua tempat yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri.

■1110

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, kenyataan Yang Berhormat yang awal tadi tidak betul. Ini kerana cagak 900 orang

itu yang dikatakan ada hakim di seluruh Malaysia. Ada 900 orang?... Berapa ratus?...
[Disampuk] Saya dengar tadi. Ada 900 orang, saya dengar. Ya?

Tuan John Fernandez [Seremban]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ada 900 orang? Kalau daripada 900 orang ada 2 orang, itu sudah dekat 30%. Jadi, kita sentiasa berusaha untuk memastikan kita melantik dan kita *gender sensitive*. Akan tetapi Yang Berhormat, saya rasa hakim wanita pun tidak suka kalau dia dilantik semata-mata kerana dia perempuan. Dia mesti dilantik kerana dia *on merit*. Jadi saya rasa tidak betul kalau Yang Berhormat kata kita tidak *gender sensitive*. Kita sentiasa terbuka untuk melantik hakim-hakim daripada golongan wanita. Bukan kerana dia wanita tetapi kerana dia *on merit* atau memang berkelayakan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan hakim yang datang daripada golongan masyarakat India. Yang Berhormat sendiri tahu iaitu kebanyakan daripada mereka yang rakyat Malaysia, peguam daripada masyarakat India, mereka lebih berminat untuk mengamalkan undang-undang daripada mereka menjadi hakim. Kalau kita tengok di luar sebagai contoh. Orang seperti Cecil Abraham, Cyrus Das, kalau mereka ini dipelawa untuk menjadi hakim, saya percaya kita pernah cuba dan mereka tidak berminat. Pertamanya, sudah tentu lebih lumayan kalau menjadi *private practitioner*. Keduanya, cara hidup seorang hakim itu dia tidak boleh bergaul, *socialize*. Jadi, ini menyebabkan kurang minat di kalangan peguam-peguam daripada golongan masyarakat India yang lebih terkemuka di *private sector*.

Kalau dilihat bahawa di kalangan hakim-hakim ini, ramai yang datang daripada golongan Melayu bumiputera. Ini adalah kerana kita semua faham iaitu Hakim Mahkamah Tinggi kebanyakannya dilantik daripada *service* dan *service* ini sudah tentulah ramai orang Melayu. Jadi, sebab itulah kita melihat daripada segi jumlahnya, Melayu dan bumiputera itu lebih daripada masyarakat lain. Namun, kita sentiasa berusaha untuk menggalakkan mereka daripada *private sector* untuk tampil ke hadapan memberikan *action service* untuk bekerja sebagai hakim. Saya kira kalau Yang Berhormat ada kawan-kawan yang berminat, boleh cakap dengan dia, kita *online*. Kita *online*. Tidak susah. Boleh memohon untuk menjadi hakim secara *online*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang akan menjawab. Akan tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar UKM dan UTM di sebelah sana. Mudah-mudahan jadi wakil rakyat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada soalan asal. Saya juga memang menyokong tentang kesamarataan gender. Saya katakan, saya tengok soalan ini, soalan asal, merujuk kepada soalan tentang gender, merujuk tentang hakim bukan bangsa Melayu. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dengan mengetepikan soal-soal remeh-temeh ini, apakah mutu sistem khususnya penghakiman oleh semua hakim-hakim dalam

negara Malaysia termasuklah dari segi pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Ini kerana kalau kita tengok, inilah perkara-perkara yang lebih penting berbanding dengan akhir-akhir ini isu-isu soal kaum, soal bangsa yang lebih diutarakan oleh pihak pembangkang. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hakim-hakim di negara kita dalam mereka membicarakan kes-kes, mereka adalah *color blind*. Tidak mengira siapa yang dituduh atau didakwa iaitu, sama ada dia orang besar atau orang kecil, Orang Putih atau Orang Hitam. Itu tidak dipedulikan melainkan apa yang ternyata fakta di hadapan mereka.

Saya kira iaitu daripada segi mutu, saya kira sudah bertambah baik. Ini kerana sepertimana yang kita semua sedia maklum, kalau tidak silap saya pada tahun 2011, Malaysia mendapat nombor 12 dari segi kemudahan berurusan dan sebahagian besar daripada itu ialah sumbangan juga daripada pihak mahkamah kita.

7. Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, purata pendapatan isi rumah bulanan petani, penternak dan nelayan pada tahun 1999, 2009 dan terkini serta apakah usaha konkrit yang diambil untuk melonjakkan pendapatan mereka agar mencapai sekurang-kurangnya RM2,400 sebulan menjelang 2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, purata pendapatan bulanan petani bagi tahun 1999 adalah sebanyak RM450. Jumlah pendapatan ini telah pun meningkat kepada RM972 pada tahun 2009 dan RM1,076 pada tahun 2011. Manakala Laporan Kajian Sosioekonomi Nelayan 1995 yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, purata pendapatan isi rumah nelayan adalah sebanyak RM1,250.88 sementara Laporan Banci Sosioekonomi Nelayan dan data isi rumah tahun 2007 – 2008 yang dijalankan oleh LKM juga, purata pendapatan isi rumah nelayan telah pun bertambah kepada RM2,640.

Manakala purata pendapatan isi rumah bagi penternak ialah di antara RM500 sehingga RM2,800 berdasarkan jumlah dan juga ternakan mereka. Walau bagaimanapun, pendapatan penternak di Malaysia adalah berbeza-beza dan bergantung kepada bidang atau jenis penternak yang diusahakan, skala perusahaan dan juga termasuk juga aktiviti ekonomi lain yang diusahakan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa akan terus membantu petani-petani untuk melonjakkan pendapatan mereka ke arah yang lebih tinggi menjelang tahun 2020 terutamanya bagi penternak berskala kecil dan sederhana. Antara usaha dan juga pendekatan yang diambil adalah seperti berikut.

- (i) menggalakkan petani dan penternak mengamalkan amalan pertanian baik;
- (ii) penggunaan benih dan baka yang bermutu tinggi;

- (iii) penggunaan teknologi perladangan dan juga pengeluaran yang berkesan; dan
- (iv) ekonomi yang bersesuaian.

Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri tentang penjelasan tadi. Akan tetapi kita dapat lihat bahawa majoriti tiga kumpulan kecil ini adalah terdiri daripada kumpulan isi rumah di bawah 40%. Rata-rata mereka telah lanjut usia. Kawasan ternakan dan juga tanaman yang cukup terhad serta tangkapan yang kecil dan juga pendapatan yang cukup tidak lumayan langsung. Petani, penternak dan nelayan ini sentiasa terdedah dan dihimpit dengan berbagai-bagai cabaran dan juga malapetaka seperti cuaca buruk, kemarau, banjir dan juga penyakit-penyakit tanaman selain daripada harga-harga komoditi ataupun harga-harga keluaran mereka yang tidak menentu.

Jadi, untuk membantu mereka keluar daripada masalah ini dan menstabilkan pendapatan mereka. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu jaringan keselamatan sosial seperti *crop insurance* ataupun SOCSO ataupun dengan izin, *guaranteed minimum price* untuk barang-barang keluaran mereka supaya kita dapat satu skim harga penimbal.

■1120

Soalan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, bagi memartabatkan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan peruntukan yang sedia diberi selain daripada insentif dan juga subsidi yang telah kita gariskan dalam Bajet 2013? MPP ini memainkan peranan yang cukup penting dalam menggerakkan pertanian dalam kawasan masing-masing. Jadi seharusnya pengerusi-pengerusi dibekalkan dengan peruntukan yang mencukupi supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada petani, penternak dan juga nelayan dalam kawasan masing-masing. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu peka mengenai masalah dan juga rintangan yang dihadapi oleh sektor pertanian yang menghadapi berbagai-bagai rintangan. Jadi kerana itulah Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani sentiasa memikirkan bagaimana untuk kita hendak membela nasib petani, nelayan dan penternak.

Di antara yang telah kita laksanakan ialah memperkenalkan insurans. Sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini bahawa insurans untuk penanaman padi, hasil-hasil tanaman padi yang kena bencana alam, kena serangan penyakit ini telah pun diumumkan baru-baru ini dan sebanyak RM50 juta telah pun diperuntukkan dan boleh dimohon oleh petani yang mempunyai sawah di bawah 10 hektar.

Kedua, kita juga telah memperkenalkan insurans kepada nelayan kerana kita sedar bahawa nelayan ini apabila mereka menghadapi masalah dan apabila ada berlaku kemalangan atau kematian, keluarga yang ditinggalkan juga ditimpa masalah. Oleh kerana itu, dengan insurans yang kita kenalkan ini, baru-baru ini bila ada seorang nelayan meninggal dunia di laut, maka keluarganya diberikan pampasan sebanyak RM100,000. Ada juga yang *accident* di darat, kita berikan pampasan RM50,000.

Untuk cadangan Yang Berhormat mengenai lain-lain tanaman, *crop* dan sebagainya, perkara ini sedang dalam kajian kerana padi ini kita mulakan kerana kita ada angka-angka yang mudah untuk kita laksana tetapi mengenai sayur dan ternakan ini, kita masih dalam kajian. *Insyah-Allah*, kerajaan akan sentiasa memikirkan bagaimana cara untuk kita memperkenalkan sistem insurans untuk tiga kumpulan ini.

Untuk memastikan bahawa petani-petani mendapat faedah daripada hasil tanaman mereka, kementerian telah pun memperkenalkan dasar 60% di mana kita hendak memastikan bahawa setiap petani yang mengeluarkan hasil mereka, mereka mendapat sekurang-kurangnya 60%. Sebagai contoh, kalau harga di pasaran RM5, maka pengeluaran yang dihasilkan oleh petani sekurang-kurangnya mesti mendapat lebih kurang RM3 atau RM2.50. Ini sedang dirancang dengan kita perkenalkan *contract farming* dan juga kita perkenalkan sistem *anchor. Company* yang akan dapat memastikan bahawa hasil daripada ladang akan terus ke pasaran tanpa melalui golongan orang tengah.

Mengenai peruntukan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen, saya sedar tahun lepas kita bagi RM100,000, tahun ini RM50,000. Ini bergantung pada peruntukan yang kita perolehi daripada Bajet. Jadi kalau tahun ini saya tengok kalau bajet ada, kita akan bagi lebih kepada Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dari sudut purata pendapatan per kapita petani untuk tiga sektor tadi, nampak gayanya negara kita adalah antara yang terendah dari segi ratio pendapatan per kapita berbanding dengan Thailand, Filipina dan juga beberapa negara. Kalau dibandingkan dengan Eropah, memang terlalu jauh. Akan tetapi di peringkat ini saya hendak tanya ada atau tidak satu kajian dilaksanakan tentang jumlah ratio, perbezaan ratio tadi, petani dan juga peruntukan kerajaan? Sebagai contoh, tiga tahun kebelakangan ini rasionya sebanyak RM5.7 bilion, peruntukan daripada kementerian Yang Berhormat.

Saya juga hendak tahu sekiranya ada, kalau tidak, secara bertulis. Ada atau tidak angka yang menunjukkan jurang etnik atas ketiga-tiga sektor penternak, petani dan nelayan di dalam negara kita, jurang pendapatan dari sudut *ethnicity* yang menerokai bidang ini di negara kita? Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya nyatakan lebih awal tadi bahawa – yang saya sebut itu purata. Kalau kita hendak tengok perbezaan ini, ia

kena bergantung pada usaha yang dibuat seperti keluasan tanah yang dibuat sama ada berskala besar atau berskala kecil. Itu salah satu cara yang kita nampak bahawa kalau dibuat secara individu, berskala kecil, ia memang tidak akan mendatangkan hasil yang lebih baik. Jadi oleh kerana itu kita kena galakkan petani melaksanakan program pertanian ini dengan secara berskala besar seperti kita kenalkan dengan cara sistem pengurusan secara ladang.

Kalau Yang Berhormat hendak lebih *detail*, saya boleh beri. Sebagai contoh, kalau saya tengok di sini, orang bela lembu pun berbeza-beza. Ada orang bela lembu 10 ekor, ada orang bela lembu 50 ekor. Jadi pendapatannya memang berbeza-beza. Jadi dalam dasar kita, bila kita menolong petani ini, kita tidak melihat daripada kaum tetapi kita melihat bahawa golongan petani, penternak dan nelayan ini yang layak dan patut diberikan bantuan. Kalau secara *detail* Yang Berhormat minta tadi, saya boleh bagi secara bertulis. Kalau hendak *in detail* perbezaan ini, saya akan bagi laporan yang lain. Terima kasih.

8. Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah pelajar yang MARA beri pinjaman dalam bidang perubatan yang belajar di Universiti Timur Tengah (nama-nama universiti) bagi tahun 2011 hingga 2012.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, MARA berterima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat dari Pasir Mas kepada perkembangan sektor pendidikan pelajar-pelajar tajaan MARA. Adalah menjadi kewajipan MARA sebagai pemegang amanah bumiputera untuk meningkatkan bilangan graduan dan profesional bumiputera yang berdaya saing dan bertaraf dunia. Sehubungan dengan itu, MARA telah menyediakan kemudahan penajaan pelajaran kepada bumiputera yang berpotensi dan berkelayakan serta memerlukan bantuan bagi mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam bidang yang diberi keutamaan termasuk bidang perubatan.

Bagi bidang perubatan, MARA menaja pelajar-pelajar ke universiti yang diiktiraf oleh JPA serta Majlis Perubatan Malaysia iaitu MMC. Di antara negara yang kita menghantar pelajar-pelajar MARA adalah seperti di Ireland, Australia, Rusia dan Timur Tengah. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelajar yang diberi tajaan untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di universiti Timur Tengah pada tahun 2011 adalah seramai 1,715 dan pada tahun 2012 pula seramai 1,871 orang. Pelajar-pelajar tajaan MARA ini mengikuti pengajian di *Ain Shams University, Alexandria University, Cairo University, Mansoura University, Tanta University*, Universiti Ain Shams, Universiti Al-Azhar dan *Zagaziq University* di negara Mesir. Sementara di negara Jordan pula, pelajar-pelajar tajaan MARA mengikuti pengajian di *Jordan University of Science and Technology*. Sekian, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar masih ramai lagi pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah terutamanya di negara Mesir seperti nama-nama universiti yang Yang Berhormat sebut tadi belum mendapat apa-apa pinjaman, jauh sekali biasiswa? Sehingga ada mereka yang terbantut apabila sampai ke tahap tahun satu dan dua kerana tidak ada keupayaan kewangan daripada pihak keluarga.

Saya ingin tahu juga daripada Yang Berhormat, apakah tajaan ini – berapa jumlah yang mendapat pinjaman penuh? Ertinya pinjaman termasuk yuran universiti bersekali dengan sara hidup. Ini kerana saya didatangi juga oleh pelajar-pelajar ini yang mengatakan mereka hanya diberi pinjaman membayar yuran sahaja tetapi tidak sara hidup. Ada kes-kes seumpama ini.

■1130

Jadi saya harap mendapat jawapan daripada Yang Berhormat dan keprihatinan dari pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sebab saya percaya kalau kena kepada lain-lain kaum yang menghadapi masalah pinjaman seumpama ini saya rasa sudah riu-hendah seluruh negara.

Akan tetapi, *Alhamdulillah* bagi keluarga orang Melayu yang sentiasa bersyukur, orang Islam yang tahu masalah yang dihadapi oleh MARA, mungkin kekangan kewangan tetapi kita harap supaya perkara ini mendapat perhatian yang serius supaya tidak ada yang tercicir. Ini supaya semua pelajar mendapat pinjaman kerana ia juga dilindungi di bawah perlembagaan negara, di mana biasiswa ataupun kemudahan pinjaman ini adalah sebahagian daripada hak keistimewaan kaum bumiputera. Sekian, terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat faham dan tahu bahawa pertama, bukan semua yang memohon akan layak menerima bantuan sama ada pinjaman ataupun biasiswa. Seperti saya jawab dalam jawapan utama saya tadi, pinjaman atau biasiswa ini akan diberi cuma kepada orang yang berkelayakan serta memerlukan bantuan.

Akan tetapi sekiranya ada betul-betul yang terbantut pada hujungnyanya, walaupun pada mulanya dia fikir dia mampu membayar pengajiannya kalau terbantut pada hujung semester ataupun hujung akhir tahun mereka menuntut, Yang Berhormat sila majukan nama secara spesifik kepada kementerian ini khasnya kepada MARA.

Yang kedua, jumlah yang menerima bantuan dalam bentuk pinjaman ataupun biasiswa, saya tidak ada angka di sini tapi saya juga yakin semua faham ada yang meminjam, diberi pinjaman tetapi kalau keputusan peperiksaannya cemerlang ia boleh ditukar menjadi biasiswa penuh. Sekiranya Yang Berhormat betul-betul memerlukan angka tersebut saya akan beri secara bertulis, siapa yang mendapat pinjaman dan berapa yang mendapat biasiswa penuh.

Tentang ada yang tidak diberi biasiswa penuh, seperti yang saya katakan tadi penilaian ini dibuat oleh pegawai kita di MARA berasaskan yang pertama ialah keperluan penuntut

tersebut ataupun *student* tersebut dan kedua kita juga melihat tentang kemampuan kewangan kita pada tahun tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 30 Oktober 2012.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang dijadualkan di nombor 12 dinaikkan ke nombor tujuh menggantikan giliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dijadualkan nombor 22 dinaikkan ke nombor 11, menggantikan giliran Kementerian Pengangkutan dalam susunan giliran kementerian di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Anggaran Pembangunan 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Keempat]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.21 [Jadual] -

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2013] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tenom.

11.35 pg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masih diperingatkan juga Yang Berhormat, kita masih sepuluh minit hari ini seorang berucap Yang Berhormat. Ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara B.21, Butiran 00100 berkenaan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Tuan Pengerusi, di kawasan saya Tuan Pengerusi Tenom adalah di antara kawasan pertanian yang banyak menghasilkan hasil pertanian seperti buah-buahan pisang, sayuran-sayuran dan lain-lain.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Saya melihat bahawa di kawasan saya pada setiap hari Rabu dan juga hari Ahad selalu diadakan tamu. Bagi orang Sabah tamu itu tidak asing iaitu di mana tempat semua hasil pertanian dijual pada hari itu. Saya ingin menyatakan Tuan Pengerusi berkenaan dengan peranan FAMA ini terutama di kawasan saya...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ...Saya melihat amat penting. Sekejap. Habiskan sedikit. Saya melihat peranan FAMA yang diwujudkan oleh pihak kerajaan hari ini amat penting lebih-lebih lagi bagi kawasan saya adalah di kawasan pedalaman, menghasilkan pertanian yang begitu banyak dan saya rasa peranan FAMA amat diperlukan di tempat saya.

Saya melihat bahawa apabila wujudnya tamu ini, kita faham juga pihak FAMA sering ada pasar tani dan secara tidak langsung bila ada program pasar tani bersama-sama dengan tamu itu boleh memperkasakan dan meletakkan tamu itu atau pasar tani tadi, memberi ruang kepada semua pekebun-pekebun kecil menjual hasil-hasil pertanian mereka.

Cuma Tuan Pengerusi saya memohon kepada pihak kementerian melalui FAMA supaya dapat mewujudkan pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian yang lengkap dengan fasilitinya. Bermakna mempunyai kemudahan penyimpanan hasil-hasil pertanian yang boleh memastikan hasil-hasil pertanian tadi dalam keadaan segar. Apabila mempunyai keadaan kesegaran yang baik, sudah tentu akan memberi harga yang baik kepada pekebun-pekebun kecil ini. Ya.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dalam nada yang sama Tuan Pengerusi. Struktur sudah okey, FAMA ini daripada peringkat kebangsaannya sampai ke peringkat negeri dan daerah. Cuma kita ingin melihat ruang penambahbaikan dalam sistem FAMA itu yang tidak boleh menjamin satu produk dan perkhidmatan yang konsisten.

Sebagai contoh kalau kita mengharapkan ikan sembilang atau ikan keli keluar pada pasar tamu hari Rabu ataupun hari minggu tersebut, bila kita tanya kepada penjual mereka mengatakan musim tidak ada. Maknanya produk dan perkhidmatan FAMA tadi begitu kebergantungan kepada musim sedangkan kita mengharapkan *all season*. Apa sahaja FAMA akan sentiasa menyediakan waima buah durian pun. Nampaknya pasar-pasar di Chow Kit itu lebih berprestasi tinggi, lebih baik daripada FAMA kerana di Chow Kit *you can find* durian *all season* Tuan Pengerusi. Sepanjang musim ada sahaja D24, 48, 54, Musang King, XO dan sebagainya. Akan tetapi bila kita tanya FAMA, FAMA kata tidak ada musim. Itu yang kita tidak begitu yakin dengan sistem yang ada di dalam FAMA boleh menjanjikan satu konsistensi di dalam produk dan perkhidmatan yang disediakan. Apa komen tentang perkara ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Setujulah Yang Berhormat dan masukkan dalam ucapan saya pada pagi ini. Kita lihat peranan FAMA ini Tuan Pengerusi, seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat Tangga Batu dan saya ada menyentuh sedikit berkenaan dengan

penambahbaikan untuk mewujudkan fasiliti dan kemudahan. Sebagai contoh penyimpanan dan juga sebagai tempat pertemuan di antara pekebun-pekebun kecil dengan peraih-peraih ataupun pemborong-pemborong hasil pertanian. Yang mana saya lihat terdapat satu kes Tuan Pengerusi, apabila satu masa itu di daerah saya mempunyai lambakan pisang yang begitu banyak sekali iaitu pisang berangan di mana apabila berlakunya lambakan pisang berangan tersebut, maka di situ terdapat tidak konsisten harga yang dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil tadi.

■ 1140

Mereka terpaksa menjual dengan tidak ada pilihan, menjual dengan harga yang murah walhal jika mereka mempunyai tempat dan mempunyai satu tempat yang boleh orang cakup macam saya sebutkan tadi sebagai pusat pengumpulan tadi, sudah tentu saya rasa para petani tadi iaitu para pengeluar-pengeluar pisang tadi menikmati harga yang baik dan kita tidak mahu juga wujud juga peraih-peraih yang menekan pekebun-pekebun kecil. Sepatutnya mereka menerima harga pisang tersebut dengan sejumlah harga yang berpatutan tetapi mereka mengambil kesempatan. Jadi saya harap pihak FAMA dalam membantu para petani dalam soal untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dapat dibantu. Seperti mana yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya memang terdapat banyak hasil pertanian yang mempunyai potensi yang begitu baik dan yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tanya sikit?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduk sekejap. Yang Berhormat Pasir Salak, sekejap.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, sekejap.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya ingin menyentuh sikit perkara 10000 iaitu berkenaan Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya melihat bahawa agensi ini adalah salah satu agensi yang mana boleh membawa transformasi pertanian sehinggalah ke peringkat kampung-kampung Tuan Pengerusi. Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma nak tanya Yang Berhormat Tenom, bersetuju tak kalau sekiranya Perbadanan Pertanian Negeri juga memainkan peranan, jangan tunggu FAMA sahaja. FAMA ini dia tunggu mama... *[Ketawa]* Kalau tak ada mama, dia tak boleh berjalan. Perbadanan Pertanian Negeri itu digerakkan, jadi bukan sahaja daripada segi *plantation, production* tetapi juga *processing, marketing, export*. *Export*, jangan tunggu FAMA. Kalau tunggu FAMA saya rasa sampai bila tak selesai masalah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Kalau tunggu mama, kena tunggu papa Tuan Pengerusi. Ya, memang betul Tuan Pengerusi. Saya

bersetuju pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi bahawa perlu ada *collaboration* atau kerjasama di antara pihak pertubuhan negeri dan juga persekutuan supaya gerakan-gerakan untuk meningkatkan lagi membantu para petani kita ke satu tahap yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya ada terbaca dalam satu akhbar yang menyatakan bahawa antara pelan dalam LPPP iaitu 2012 dan 2015 ialah untuk memantapkan pengeluaran bahan makanan asas iaitu agro makanan. Saya lihat dalam artikel tersebut di mana LPPP menumpukan kepada pengeluaran ayam daging dan bekerjasama dengan pihak NAFAS dan saya lihat ini satu perancangan yang baik yang mana boleh membantu untuk meningkatkan lagi hasil ternakan ayam yang mana selalunya negara kita Tuan Pengerusi, apabila tibanya hari-hari perayaan selalu kita dengar rungutan-rungutan daripada pihak-pihak tertentu menyatakan bahawa bekalan ayam daging tak cukup dan macam-macam lagi dan pernah juga disuarakan oleh Pertubuhan Penternakan Negeri Sabah yang menyatakan mereka kluatir berkenaan dengan pengimportan daging-daging dari luar ini yang mana setidak-tidaknya telah menjejaskan daripada sudut harga yang mereka nikmati.

Selalunya apabila adanya pengimportan daging-daging ayam daripada luar, persoalannya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah kebersihan, kehalalan produk-produk ini dapat dipastikan? Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, dengan ada lambakan pengimportan yang dibenarkan pada-pada satu masa, adakah ini dapat melindungi para penternak ayam kita? Saya ingin kembali tadi berkenaan dengan usaha Lembaga Pertubuhan Peladang tadi...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Tenom, mohon mencelah Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap ya, sekejap.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Berkenaan dengan daging halal tadi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya, ya. Nanti saya bagi. Berkenaan dengan usaha Pertubuhan Peladang dalam ternakan ayam tadi. Saya bagi contoh seperti mana kata Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Kalau di negeri Sabah, antara GLC-GLC kerajaan negeri yang melaksanakan aktiviti menternak ayam ini iaitu *Desa Group* yang mana *Desa Group* ini adalah antara pengeluar yang ketiga di negeri Sabah untuk ternakan ayam. Jadi sebagai usaha, saya lihat dalam peruntukan ini pun ada berkenaan dengan ternakan ayam dan saya ingin menumpukan supaya pihak LPPP memberi kontrak ataupun melaksanakan program ini hingga ke peringkat PPK.

LPPP menternak ayam. Kerjasama dengan salah satu GLC di negeri Sabah, *Desa Group* sebagai pusat penyembelihan. Dia ada kilang lengkap dan ayam tadi bila sudah cukup besar bolehlah dipasarkan dan diberi kepada salah satu GLC tadi seperti mana yang saya katakan tadi iaitu *Desa Group* dan ini secara tidak langsung, secara kecil-kecilan ini, saya

percaya ini dapat memberi galakan ataupun memberi penambahan pendapatan kepada penternak-penternak secara kecil-kecilan yang mana tadi pagi kita dengar sebentar tadi jawapan daripada menteri adalah hasrat kementerian untuk memastikan pendapatan tiga golongan ini supaya dapat ditingkatkan dan...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: [Bangun]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Nak pohon mencelah sikit sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey, sikit sahaja ya.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tenom tadi berkenaan dengan daging-daging ayam yang kita mahu pastikan halal bukan sahaja halal tetapi *halalalan toyyiban* ya. Saya berkongsi sebenarnya keprihatinan tersebut cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tenom, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Malaysia tidak ada akta makanan halal? Kita tidak ada akta makanan halal malah kita tidak mewajibkan semua ayam yang dijual di pasar itu disembelih secara halal dan sekiranya para penyembelih yang bertauliah itu tidak hadir, tidak ada akta yang mengawal sama ada berkenaan dengan kebersihan atau halalnya satu-satu produk tersebut.

Kita mewajibkan daging yang diimport itu mempunyai *certificate* halal tetapi kita tidak mewajibkan daging-daging ayam ataupun daging yang dijual di pasar kita ini ataupun yang disembelih di Malaysia mesti mempunyai *certificate* halal daripada JAKIM. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya rasa kerajaan ada memperuntukkan peraturan supaya setiap ternakan yang disembelih secara halal. Nanti biarlah pihak kementerian menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kuantan.

Jadi sedikit Tuan Pengerusi sebelum saya menutup perbahasan saya. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam soal pengawalan bahan-bahan makanan ternakan ini kerana bila kita lihat apabila berlaku sedikit kenaikan kepada harga-harga makanan ternakan ini seperti macam industri ayam, makna apabila peningkatan sebanyak dua sen, tiga sen ataupun lima sen telah memberi impak yang besar kepada penternak-penternak ayam ini apabila berlakunya kenaikan bahan-bahan makanan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di manakah pengawalan ini dapat memastikan bahawa tidak ada kesempatan orang-orang tengah untuk menaikkan harga dan menjual bahan-bahan makanan ternakan ini kerana saya lihat apabila berlaku kenaikan sedikit maka ianya boleh sebanyak sedikit boleh menjejaskan kepada penternak-penternak secara kecil-kecilan ataupun secara besar-besaran dan juga Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti perbahasan di peringkat Jawatankuasa, terima kasih, Tuan Pengerusi.

■1150

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sudah tunggu sampai empat hari daripada hari Rabu... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dua hari, dua hari Yang Berhormat. Hari Rabu dengan hari ini.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan tentang isu kepala Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras. Saya merujuk kepada B.21, Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras, ingin saya bertanyakan berkenaan prestasi industri ini. Memandangkan ia berkait rapat dengan keselamatan makanan ataupun *food security* serta *survival* rakyat sebagai sumber makanan utama yang boleh memberikan kesan kepada kestabilan negara. Apakah status tahap jaminan bekalan beras negara ketika ini?

Dengan pengumuman Perdana Menteri dalam Belanjawan 2013, berkenaan penambahan beberapa jelapang padi di beberapa buah negeri, sejauh manakah Malaysia mampu mengurangkan kebergantungan terhadap beras import? Ini kerana menurut *ASEAN Development Bank Report* dalam laporan *ASEAN and Global Rice Situation and Outlook Report*, mengatakan bahawa, dengan izin, “*Malaysia’s import demand mostly from Vietnam, Thailand and Pakistan is estimated to grow 40% from around 1 million tonnes in 2011 to about 1.5 million tonnes by 2021...*” Ini membuktikan bahawa kebergantungan Malaysia terhadap beras import adalah tinggi dan terus meningkat. Adakah kita mungkin mencontohi negara-negara jiran seperti Thailand dan Vietnam yang kini menjadi negara pengeksport terbesar beras negara di negara-negara ASEAN. Apakah perancangan kementerian terutamanya untuk memastikan bahawa kita cukup beras dalam negara. Keduanya, bilakah masanya kemungkinan kita akan menjadi pengeksport beras. Dalam Butiran Program Khusus 120000 yang memperuntukkan sebanyak RM2.4 bilion. Hampir 60% daripada peruntukan ini digunakan untuk program-program beras dan padi.

Jadi, kita hendak lihat wang yang digunakan ini bagaimana negara ini boleh mencapai status negara pengeksport. Saya ingin bertanya, apakah Malaysia meletakkan satu sasaran iaitu untuk meng*upgrade* status kepada negara pengeksport beras dan mengurangkan kebergantungan kita kepada beras import. Saya juga mohon penjelasan, mungkinkah pengurusan BERNAS milik Tan Sri Syed Mokhtar Bukhary melalui pegangannya dalam Treadmills Sdn. Bhd. tidak mampu untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya saing serta setanding dengan negara pengeluar yang mengeksport beras seperti Thailand dan Vietnam.

Tambahan pula Tuan Pengerusi, dengan peruntukan subsidi beras berjumlah RM12 bilion setahun, sepatutnya membolehkan rakyat menikmati harga beras yang lebih berkualiti dan lebih murah seandainya kadar pengeluaran padi negara dapat ditingkatkan. Bukan sahaja

mencukupi untuk bekalan makanan negara yang selaras dengan dasar jaminan dan bekalan makanan tetapi juga menambah pendapatan negara dengan peningkatan status sebagai negara pengekspor beras.

Butiran selanjutnya saya ingin menyentuh Butiran 10710 – Pembangunan Industri Lembu, Kerbau dan Pedaging. Saya seterusnya merujuk kepada B.21, isu lembu ini juga berkait rapat dengan keselamatan makanan serta isu negara. Saya ingin bangkitkan persoalan langkah menyelamatkan industri ini setelah berlaku penyelewengan dan salah guna dana awam oleh NFCorp. Menurut Laporan Ketua Audit Negara, kerajaan mempertimbangkan untuk mengenakan tindakan undang-undang sivil ke atas NFCorp. kerana gagal memenuhi syarat perjanjian serta prestasi projek yang tidak dapat dicapai. Ingin saya tegaskan di sini bahawa tindakan ini tidak menjamin bahawa RM250 juta dana awam tersebut dapat dikembalikan sepenuhnya berasaskan beberapa perkara:

- (i) tindakan undang-undang sivil akan hanya melibatkan NFCorp. memandangkan perjanjian yang dimeterai adalah di antara kerajaan dan NFCorp;
- (ii) perlakuan penyelewengan dan pembelian aset mewah yang tidak ada kena-mengena dengan projek fidlot kebangsaan banyak berlaku di dalam syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh keluarga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mantan dan bukannya NFCorp.;
- (iii) syarikat-syarikat ini secara undang-undang tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab atau obligasi kepada kerajaan ataupun perjanjian dana awam RM250 juta kerana ianya hanya melibatkan NFCorp., maka ia tidak boleh disaman; dan
- (iv) NFCorp. tidak mempunyai aset yang besar dan mengalami kerugian sejak ia beroperasi. Jika kerajaan berjaya sekalipun dalam tindakan saman sivil tersebut, NFCorp. hanya akan diisytiharkan mufliis dan masih tidak mampu membayar kembali RM250 juta yang dipinjamkan.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada Menteri kerana tidak ada apa pun butiran dalam Laporan Audit yang menyentuh mengenai kes NFC ini. Dalam anggaran perbelanjaan tahun 2013, selain daripada anggaran peruntukan *beef valleys* sebanyak RM34 juta, tiada penjelasan berguna yang diberikan mengenai projek NFC yang telah gagal dan telah diselewengkan ini. Sementara itu Laporan Ketua Audit Negara juga tidak ada menyentuh. Seolah-olah kes ini hendak ditutup walaupun kes ini dibawa ke mahkamah tetapi ianya menjadi tanggungjawab kepada kerajaan yang ada, kementerian yang ada, untuk memperjelaskan bagaimana mereka hendak memastikan bahawa wang ini dapat dikembalikan. Apakah *recovery*

plan pihak kementerian untuk memastikan bahawa projek ini akan diteruskan dengan jayanya kerana ramai yang bergantung dalam projek ini.

So, Yang Berhormat Menteri pun sudah masuk, *alhamdulillah*, dengar betul-betul. So, jadi seperti mana yang dapat dilihat dalam jadual perbelanjaan peruntukan untuk *beef valley* ini di mana mengalami penggunaan yang paling tinggi pada tahun 2010. Di mana sebanyak RM34 juta telah diguna pakai bagi tujuan pembangunan projek *beef valley* ini. Namun keberkesanan penggunaan peruntukan dipertikaikan dengan berlakunya, di antaranya kelewatan menandatangani perjanjian perlaksanaan di antara kerajaan dengan NFCorp., selama tiga tahun.

Ini berikutan kedua-dua, kerajaan dan NFCorp., gagal mencapai persefahaman dalam menentukan obligasi kerajaan dan NFCorp. dalam pelaksanaan program keusahawanan lembu *feedlot*, penamatan perjanjian atas kepentingan negara serta pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara. Perjanjian ini akhirnya ditandatangani selepas 32 mesyuarat telah diadakan. Bukan itu sahaja, di kawasan fidlot tersebut juga mempunyai infrastruktur yang tidak digunakan. Contohnya, peralatan *water intake outlet* yang bertujuan untuk menyiram tanaman *fodder* yang tidak pernah digunakan sejak dipasang. Begitu juga empat buah telaga tiub yang bertujuan untuk pengairan kawasan *feedlot* juga tidak pernah digunakan.

Di samping peruntukan sebanyak RM73.64 juta oleh kementerian, Kerajaan Malaysia juga memperuntukkan sebanyak RM250 juta sebagai pinjaman kepada NFC dengan kadar faedah 2% setahun bagi membiayai kos pembangunan dan kos operasi NFC. Perjanjian pinjaman ini ditandatangani oleh Kementerian Kewangan dan NFC pada 6 Disember 2007. Sehingga akhir tahun 2010 sebanyak RM194.72 juta telah disalurkan kepada NFC.

Namun, kegagalan projek NFC tidak terhenti di situ. Antara tanggungjawab NFC dalam pelaksanaan projek ini adalah untuk melaksanakan *satellite farmers* ataupun *Entrepreneur Development Programme* bagi melahirkan 130 orang pengusaha ladang satelit. Namun, sehingga 31 Disember 2010, NFC masih belum melaksanakan program ini. Jadi, kerja-kerja pembinaan pagar sekeliling ladang NFC juga mengalami peningkatan dari nilai kontrak asal. Kontrak asal bagi kerja pembinaan pagar dan jalan ladang yang berjumlah RM11.48 juta meningkat sebanyak RM2.12 juta iaitu 8.5%.

Persoalan yang timbul daripada isu ini setelah selain skandal yang melibatkan penggunaan pinjaman sebanyak RM250 juta daripada kerajaan kepada projek NFC ini adalah daripada peruntukan kementerian kepada NFC sebanyak RM73.64 juta, hanya RM24.93 juta digunakan oleh NFC. Ke mana perginya dana berlebihan sebanyak RM48.71 itu? Jadi, isu ini telah terlepas pandang oleh semua pihak dan tidak ada jawapan daripada pihak Menteri.

Walaupun saya sebut tadi memang kes ini dalam mahkamah, namun ianya tidak mengelakkan atau melindungi kementerian daripada memberikan penjelasan kerana, apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa projek ini dapat, dengan izin, *to be recovered*.

Apakah status auditnya kah, *re-tendemy* kah? Kita harus tahu tentang perkara ini kerana kes ini telah menjadi satu kes nasional yang telah melibatkan orang kampung, orang Melayu, orang yang susah. Jadi, projek ini memang kononnya untuk membantu orang Melayu, orang kampung tetapi tidak dapat terlaksana kerana ada penyelewengan yang besar. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

■1200

12.00 tgh.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Rezeki. Butiran 040000 – Perikanan dan Butiran 090000 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Tuan Pengerusi, kita melihat industri perikanan negara semenjak kita mencapai kemerdekaan adalah berada dalam keadaan yang cukup baik sebenarnya walaupun banyak perkara yang harus diperbetulkan terutamanya kita melihat ini di antara sumber protein yang termurah di mana kita perlu memperkasakan dan setakat ini hanya 1.37% sahaja sumbangan industri perikanan ini dalam KDNK negara.

Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian supaya kita melihat industri ini menjadi *significant economic sectors* dengan izin, kita harus mengambil langkah-langkah tegas. Bukan di sini saya berniat hendak menyalahkan LKIM tetapi kita lihat kita mempunyai kakitangan yang cukup ramai dalam LKIM dan perlu juga idea-idea baru disuntik bukan setakat kita melihat dengan apa yang kita melaksanakan sekarang tetapi termasuk kita juga perlu ada pertukaran idea di antara kita dengan universiti lain terutama di sekitar ASEAN yang telah mencapai kemajuan dalam industri perikanan ini.

Jadi setakat ini kita lihat berlaku kepupusan sumber yang begitu ketara kerana kita merupakan di antara perairan yang berkongsi dengan banyak negara lain yang menyebabkan kita memerlukan teknologi yang terbaru, model-model terbaru dan termasuk juga dari segi soal pemasaran termasuk peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam menyelesaikan perkara ini yang mana kita harus memberi galakan dan juga insentif kepada pelabur-pelabur untuk melabur dalam industri akuakultur ini kerana ini merupakan di antara *engagement* yang harus diberi perhatian oleh pihak kementerian kerana walaupun kita telah menjadi organisasi pada beberapa badan antarabangsa perikanan tetapi ada masalah-masalah yang harus kita hadapi terutamanya melibatkan soal-soal pendaratan ikan yang merupakan di antara perkara-perkara utama yang harus diberi perhatian oleh kerajaan.

Kita menghadapi banyak kegagalan terutamanya dalam pendaratan ikan tuna di Lautan Hindi. Kita cuba membuat di Langkawi tetapi saya tengok apa perkembangannya setakat ini masih tidak ada laporan yang jelas. Begitu juga dengan zon pendaratan ikan tuna di Batu Maung, Pulau Pinang juga tidak ada perkembangan yang begitu baik untuk kita jadikan sebagai perkembangan dalam industri perikanan di negara kita.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk melihat apakah faktor-faktor yang di dalam kawalan kita, kalau faktor iklim ini di luar kawalan kita, yang di dalam kawalan kita ini melibatkan – kita tidak menyalahkan soal-soal dasar semata-mata tetapi ada banyak perkara yang harus diberi perhatian. Misalnya sekarang kita lihat eksploitasi sumber yang tanpa had ini dan dengan keadaan kekurangan sumber, berlaku perebutan kita dengan negara jiran ASEAN kita, di mana kita lihat iklim yang tidak menentu ini di luar kawalan kita, kita tidak dapat buat apa-apa, tetapi perairan marin kita juga berada dalam keadaan yang tidak stabil, yang boleh dilihat selain daripada proses pencemaran yang disebabkan oleh laluan kapal, tumpahan minyak dan lain-lain, kemudian berlaku kurang kawalan kepada pukuk-pukuk tunda yang kurang daripada 38mm yang boleh menghapuskan sumber perikanan itu sendiri.

Jadi dalam hal ini adakah mencukupi untuk kita terutama Jabatan Perikanan sebagai *regulator* yang melaksanakan undang-undang, dan sekarang ini bersama dengan APMM, yang kita lihat perlu ada satu tindakan yang konstruktif supaya kita lihat industri huluan dan industri hiliran ini mendapat satu keadaan yang sama kerana ia melibatkan banyak perkara yang terlibat dalam industri perikanan.

Jadi di sini saya memohon pihak kerajaan selain daripada tumpuan kita kepada perikanan laut dalam dan juga pembangunan sektor akuakultur ini, apakah langkah-langkah lain yang boleh dibuat oleh kerajaan setakat ini untuk memastikan industri perikanan ini berada dalam keadaan yang betul-betul mencapai satu tahap yang kita tidak perlu lagi mengimport, walaupun dalam jumlah yang tidak begitu besar tetapi kita tidak perlu mengimport lagi daripada luar negara. Kita sedar bahawa perubahan-perubahan dari masa dahulu, sistem tauke, sistem mesin kapital yang telah ditukarkan kepada proaktif kapital sekarang ini merupakan di antara langkah-langkah perubahan menggambarkan kemajuan dalam industri perikanan di negara kita.

Jadi dalam hal ini saya mintalah supaya berlaku satu kelestarian yang begitu baik, berada di landasan yang sebenarnya, pihak kerajaan harus melihat sumber perikanan kita ini perlu di dalam jagaan kerajaan supaya rata-ratanya terutamanya nelayan kecil pantai masih, walaupun curahan peruntukan subsidi kita bagi berterusan termasuk bantuan bulanan, subsidi petrol, subsidi minyak dan lain-lain walaupun ada sedikit penyalahgunaan dan sebagainya, dijual di negara asing dan lain-lain, ikan-ikan tidak didaratkan di negara kita, tetapi perkara-perkara ini sebenarnya mesti kita atasi dengan kadar segera untuk memastikan bahawa pengawasan-pengawasan yang dibuat oleh kementerian untuk memartabatkan industri perikanan ini merupakan industri yang terpenting dalam memberi sumbangan dalam KDNK negara.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya mohon pihak kerajaan, setakat ini sudahkah kita mengadakan pertukaran maklumat di kalangan negara-negara ASEAN terutamanya melibatkan di peringkat institusi pengajian tinggi yang ada *fishery department* dan sebagainya supaya

perkongsian maklumat ini kita dapat jalinkan untuk kita melihat bahawa kita dapat membuat satu kerjasama yang lebih jelas supaya tidak berlaku pencerobohan yang menyebabkan nelayan-nelayan kita kehilangan pendapatan dan sebagainya. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Marang.

12.07 tgh.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum*, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh beberapa perkara serba ringkas, seboleh-bolehnya apa yang tak disentuh dan tambahan kepada apa yang disebut rakan-rakan yang lain. Mengenai Butiran 040200 – Pengurusan dan Perlindungan Sumber, Butiran 23300 – Pengurusan dan Pemuliharaan Ikan dan Butiran 23400 – Kemudahan Perikanan.

Saya ingin mengulangi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau, walaupun kita mempunyai kawasan laut yang sangat luas mengelilingi kita, sepatutnya kita mempunyai sumber perikanan yang cukup tetapi di sana masih ada kelemahan-kelemahan yang masih lagi tidak diselesaikan. Contohnya ialah pukut tunda yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, bukan sahaja menangkap ikan yang tidak patut ditangkap seperti benihnya yang kecilnya habis disapu, menghilangkan masa depan sumber perikanan negara kita.

Ada negara yang mengharamkan pukut tunda. Ada negara yang memberi kebenaran bukan sahaja mengikut zon bahkan saiz ikan yang ditangkap dan dikuatkuasakan betul-betul seperti di Amerika, Australia sehingga memberi kesan yang sangat baik. Mereka dapat memelihara sumber ikan-ikan mereka. Kedua, pukut tunda yang besar ini kebanyakannya mengambil pekerja daripada negara asing, daripada Vietnam, daripada Thailand dan sebagainya. Ini timbul yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi, mengapa tuna tidak masuk ke negara kita ini. Boleh jadi dibawa ke negara lain, di pasar ikut laut ataupun dibawa. Ini satu hak yang perlu kepada penguatkuasaan yang sungguh-sungguh daripada pihak kerajaan.

Kedua, kemudahan perikanan. Subsidi diesel ini sangat baik, satu langkah yang perlu dipuji untuk membantu nelayan-nelayan miskin tetapi apabila ada nelayan yang besar ini, kadang-kadang mereka lebih menguasai untuk mendapat kemudahan ini. Mereka yang kecil terpinggir. Saya tidak tahu sejauh mana penguatkuasaan untuk menghalang diesel yang banyak ini untuk dijual, dibocor di laut. Dahulu ada, tahun lepas kalau tidak silap saya, satu tindakan telah diambil di beberapa tempat. Ada kesannya sedikit sebanyak tetapi kita bimbang hal-hal ini masih lagi berlaku. Ini menjejaskan nelayan miskin.

■1210

Tambahan tadi yang tentang sumber ikan, hendak tambah lagi. Satu usaha yang dibuat oleh kerajaan membina tukun ini sangat baik. Sangat baik untuk menambahkan hasil laut kita.

Kadang-kadang tidak ada kesedaran di kalangan nelayan sendiri. Contohnya, bila pihak kerajaan menyediakan tanda, pelampung, mereka pergi tahan pukat. Pukat yang boleh menghalau ikan, bukan yang boleh mendatangkan ikan. Pukat itu melekat pada tukun, ditinggalkan begitu sahaja. Ini meliarkan ikan, ikan tidak pergi, tidak membiak di situ. Kadang-kadang ada nelayan yang potong kabel itu. Kabel besi, macam mana dia cari dan potong. Akhirnya dia hilang, dia pun tidak jumpa, yang bawa pukat tunda pun tidak tahu. Akhirnya tukun itu jadi hilang, tidak tahu mana perginya.

Kemudian, kilang air batu. Ini perlu diselaraskan. Di sana kemudahan kadang-kadang tidak disalurkan kepada nelayan kecil oleh kerana jarak antara pelabuhan dengan pelabuhan. Contohnya di kawasan saya Marang ada dua pelabuhan nelayan. Satu Chendering dan satu lagi Kuala Marang. Jaraknya 3 kilometer. Armada laut dalam yang besar-besar banyak duduk di Chendering. Kilang air batu di Chendering. Yang kecil banyak duduk di Marang. Mereka terpaksa pergi 3 kilometer. Kerajaan perlu membuat satu kajian. Bukan saya hendak suruh sekarang. Buat kajian dahulu, kalau sesuai dibuat kilang air batu juga di tempat yang kecil, kerajaan boleh mengambil langkah itu. Itu sahaja masalah yang saya timbulkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

12.12 tgh.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 090000 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pada masa ini PNK Limbang telah jauh lebih baik. Banyak program telah pun dibuat untuk menambah menaik taraf ekonomi para nelayan. Akan tetapi pada masa ini memang ada lagi cita-cita PNK di Limbang iaitu untuk menubuhkan, membina kilang ais sebab pada masa ini memang kekurangan *supply*, yang ada di Limbang itu memang tidak mencukupi khususnya kepada ikan-ikan yang ditangkap dan juga ikan-ikan yang datang daripada Sabah ke Limbang.

Jadi, kita mintalah kepada Menteri sekiranya dapat menimbang kerana permohonan telah pun dibuat oleh PNK Limbang melalui LKIM di Limbang iaitu untuk membina mini kilang ais untuk diusahakan oleh PNK Limbang. Tidak mahal Yang Berhormat Menteri, mungkin dalam anggaran RM700,000 ke RM800,000 sahaja.

Satu lagi ialah tentang subsidi beras. Pada masa ini saya difahamkan iaitu Butiran 120900 iaitu tentang peruntukan subsidi beras yang diperuntukkan untuk Limbang. Pada masa ini ianya amatlah tidak mencukupi dan banyak rungutan-rungutan bahawa ianya tidak sampai kepada sasaran, tidak tahu ke mana perginya. Akan tetapi yang tentunya ianya tidak mencukupi. Jadi, saya mintalah kepada kerajaan untuk melihat perkara ini supaya melihat ke mana perginya dan sekiranya tidak mencukupi, apakah ianya dapat ditambah peruntukan beras subsidi untuk di Limbang ini? Itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

12.14 tgh.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran – 120000 Program Khusus iaitu daripada Butiran 120400 sehingga Butiran 121000 ada enam subsidi yang berkaitan dengan beras yang telah pun dibangkitkan sebelum ini oleh Yang Berhormat Ampang. Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan kerana bila saya jumlahkan balik enam subsidi ini berjumlah RM2.2 bilion.

Jadi, apakah rancangan kerajaan ataupun dasar kerajaan untuk mendapatkan jumlah beras yang cukup dalam negara ini? Saya kira ini tidak termasuk lagi pengumuman oleh Perdana Menteri mengenai tiga lagi jelapang padi yang akan dibina tetapi ini yang sedia ada. Saya kira itu. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan rancangan kerajaan, berapa juta tan beras yang boleh kita hasilkan dalam masa setahun mungkin untuk mengurangkan import beras dan sebagainya?

Kedua, Butiran 121100 mengenai TEKUN. Mungkin ini sebagai ulangan kerana sikap peminjam TEKUN ini selalu mengatakan bahawa kalau pinjam TEKUN tidak perlu bayar. Baru-baru ini kebetulan ada masyarakat atau rakyat saya yang datang, dia kata dia hendak minta mikro kredit daripada Selangor. Akan tetapi dia sebut "*TEKUN tidak payah bayar, mikro kredit kena bayar.*" Jadi saya kata "*kalau TEKUN tidak payah bayar, pergi minta TEKUN.*" Dia kata "*saya sudah hutang banyak, tidak bayar.*"

Jadi, ini saya risau, perkara ini pernah kita bangkitkan dahulu. Adakah sikap ini masih berleluasa? Pihak peminjam tidak bayar kepada TEKUN. Sepatutnya TEKUN ini peruntukannya boleh digunakan oleh orang-orang lain yang memerlukan peruntukan. Berkat dengan ini juga saya masih juga melihat apabila peminjam ingin meminjam daripada peruntukan TEKUN ini, perlu mendapat tandatangan daripada wakil rakyat Barisan Nasional. Yang kami tidak laku, itu kata mereka. Jadi, adakah ini benar berlaku? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang.

12.15 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kali ini saya berucap di peringkat Jawatankuasa. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana kalau mengikut Laporan Audit, saya merujuk terus kepada butiran pengurusan 10100. Laporan Audit mengatakan bahawa kementerian ini dalam lingkungan sangat baik dan baik. Maknanya ini dari segi Laporan Audit ke atas akaun pengurusan kewangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Malah kalau kita merujuk kepada Laporan Audit, tidak ada satu kementerian pun pada tahap memuaskan dan tidak memuaskan. Tidak ada.

Maknanya tahun lepas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani termasuk kementerian-kementerian lain mengurus kewangan dengan baik. Ini satu fakta Tuan Pengerusi. Cuma ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Laporan Audit tentang beberapa projek. Sama ada di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini atau kementerian-kementerian lain. Bukan projek tahun lepas kerana Laporan Audit ini adalah Laporan Audit tahun 2010. Kalau yang dibangkitkan itu tahun 2009 atau 2008 tetapi di audit pada tahun 2010 itu tidak bermakna prestasi Kementerian Pertanian termasuk kementerian lain tidak baik atau lemah. Kita mesti melihatnya dari sudut yang positif.

Kedua Tuan Pengerusi, tadi ada dibangkitkan tentang NFC. Tak kan lah Ketua Audit Negara tidak ada kerja lain, hendak lapor perkara yang sama, yang sudah dilaporkan pada tahun 2010? Tidak logik langsung. Jadi, hujah apa ini? Saya nampak lebih kepada soal hendak berucap dalam Dewan Rakyat kemudian hendak dibawa ke luar. Pada saya tidak perlu dijawab sebab sudah pun dijawab panjang lebar dalam sesi yang lepas, tahun lepas.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: NFC sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Kami berdua, Yang Berhormat Ledang dengan saya ini adalah Ahli dalam Jawatankuasa PAC Parlimen. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ledang. Sebentar tadi kita mendengar hujah daripada Yang Berhormat Ampang. Bagaimana beliau menimbulkan lagi isu NFC di dalam Dewan ini walaupun kes ini sedang dibicarakan di dalam mahkamah.

Saya minta pandangan Yang Berhormat. Di dalam Laporan Audit Negara ada mengatakan bahawa di Kedah, Kerajaan Negeri Kedah juga mempunyai skandal lembunya sendiri, di mana Kerajaan Negeri Kedah telah membelanjakan RM1 juta dan habis wang itu begitu sahaja untuk mengimport dan membela lembu daripada Australia. Sebiji macam NFC lebih kurang. Akan tetapi kita tidak nampak pula isu ini dibawa oleh pembangkang. Ada yang mengatakan bahawa kononnya RM1 juta itu adalah jumlah yang kecil tetapi kalau dibandingkan dengan ekonomi negeri Kedah sudah tentu RM1 juta itu adalah besar.

■1220

Saya ingin terangkan kepada Yang Berhormat, walaupun skandal RM1 juta ini kalau dibandingkan dengan peratusan terhadap bajet Kerajaan Negeri Kedah lebih kurang RM1 bilion, ia merupakan lebih kurang 0.1%. NFC juga RM250 juta yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ampang tadi itu kalau dibandingkan dengan bajet Kerajaan Persekutuan, hanyalah lebih kurang 0.1% juga. Jadi minta pandangan Yang Berhormat, ada terdapat atau tidak *double standard* sementara mereka mengkritik NFC tetapi pada masa yang sama menutup mata kepada satu skandal lembu (*cowgate*) di Kedah itu sendiri?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tunggu kenyataan akhbar kami pada hari esok. Akan tetapi yang jelas Tuan Pengerusi ialah dengan izin, *double-double-double-double standard*.

Seorang Ahli: Oh, banyak *double*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dengan izin, itu yang jelas sekalilah. Kalau hendak tegur, tegur semua. Kita terbuka dan kita positif sebab tujuannya ialah kita hendak mempertingkatkan lagi, hendak menambah baik mana-mana kekurangan. Laporan Audit itu Tuan Pengerusi bukan satu hukuman, belum lagi hukum. Lebih kepada penemuan untuk tujuan siasatan di peringkat kementerian. Mana yang salah bawa ke tengah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta Penjelasan, minta penjelasan sikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap. PAC pula sedang bersidang Tuan Pengerusi. Esok kita bersidang. Akan dipengerusikan sementara oleh Yang Berhormat Kepong. Mana? Kalau orang kata kita tidak demokrasi, kita izinkan Timbalan PAC esok mempengerusikan Mesyuarat kerana Pengerusi iaitu Yang Berhormat Padang Terap sedang menunaikan fardu haji. Hebat kita. Hebat.

Seorang Ahli: Padang Terap...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Sorry* Yang Berhormat Padang Terap. *Sorry*, bukan Padang Terap. Yang Berhormat Padang Besar, Perlis. Sekejap.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: PAC sedang bersidang. Oleh sebab Tuan Pengerusi sudah tegur saya, saya minta maaf.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kedua Tuan Pengerusi...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja. Minta penjelasan mengenai Kedah tadi ini yang dikatakan skandal itu...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kedua ialah Butiran...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Adakah melibatkan isteri excokah, suami excokah atau Menteri Besar? [*Dewan riuh*] Tidak, itu yang dikatakan skandal, yang dikatakan skandal. *Business* rugi bukan skandal. Berapa banyak laporan dalam audit, *business* rugi. Akan tetapi yang dikatakan skandal, bila suami Menteri ataupun rakan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, jangan *double standard*. Itu duit kerajaan, rakyat Kedah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Itu yang kita hendak tanya. Ini hendak tanya Yang Berhormat Ledang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini hendak bagi tahu Yang Berhormat, jangan hendak belok sana sini, *corner* baring.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Kalau isteri Yang Berhormat Kota Beludkah ataupun isteri Yang Berhormat Ledangkah, itu skandal. Akan tetapi hendak tanya macam mana?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Krai ini dia pernah berkhidmat di Ledang. Dia pernah berkhidmat di Ledang, di kawasan saya. Saya faham sangat perangai dia ini, faham sangat. [Ketawa] Akan tetapi yang jelas, saya hendak sebut sekali lagi, *double-double-double standard* dan duit kerajaan. Duit kerajaan, bukannya duit Yang Berhormat Kuala Krai. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, Butiran 9000 – Lembaga Kemajuan Ikan. Dua perkara sahaja Tuan Pengerusi. Pertamanya, bilalah hendak tukar nama kepada Lembaga Kemajuan Nelayankah, Pengusaha Nelayankah, bukan Lembaga Kemajuan Ikan sebab dahulu kita sudah bincang, ini yang hendak maju ini ikan atau apa?

Akan tetapi saya hendak menjurus kepada satu perkara sahaja Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, dahulu Kementerian Pertanian pernah menyebut tentang Projek ZIA (Zon Industri Akuakultur). Jadi saya hendak tahu sangat, status ZIA ini ataupun Zon Industri Akuakultur sebab dahulu pernah sebut bahawa projek Zon Industri Akuakultur ini hendak buat satu jenis aktiviti ataupun industri perikanan bagi membela nelayan-nelayan ala-FELDA ataupun ala-FELCRA. Maknanya, nelayan ini tidak boleh bawa ke FELDA, nelayan ini tidak boleh bawa ke FELCRA kerana mereka lebih kepada air, lebih kepada ternakan ikan, tangkapan ikan. Mustahil, saya kira begitu untuk mereka bercucuk tanam ataupun menjadi peneroka tetapi mereka ada potensi dari segi perikanan. Jadi, bagaimana projek ala-FELDA ini yang pada peringkat awal dahulu dimulakan dengan kaedah Zon Industri Akuakultur. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang.

12.24 tgh.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam membahaskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya merujuk kepada tiga Butiran. 120900 – Subsidi Harga Beras, 120700 – Insentif Pengeluaran Padi, 120400 – Pemberian Subsidi Harga Padi.

Tuan Pengerusi, satu-satunya entiti yang diberikan izin oleh kerajaan untuk import beras dari luar negara ialah BERNAS. Kita import dari Vietnam, Thailand, Pakistan, India antaranya. Mengikut rekod, kita sekarang import sehingga satu juta tan metrik setahun. Semakan saya mendapati semenjak tahun 2008, antara 60% hingga 80% daripada keseluruhan import tahunan BERNAS adalah daripada Vietnam. Beras Vietnam ini harganya lebih murah berbanding beras Thailand. Murahannya sehingga USD60 hingga USD80 bagi satu tan metrik.

Apa yang ingin saya timbulkan ialah kalau sedemikian besar peratusan import beras dari Vietnam, kenapa kita tidak nampak beras Vietnam dalam pasaran? Apa yang kita nampak ialah beras yang tertera label beras Thailand atau apakah pihak yang berkenaan, pihak pemborong ataupun pihak pengimport ini dia ambil peluang di atas *loopholes* definisi Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) yang mendefinisi misalnya beras Super Tempatan, ST15 kandungan hancurnya tidak boleh melebihi 15%. Akan tetapi dalam definisi itu termasuk juga, "*dan apa-apa peratus beras import*". Itu pun boleh dianggap sebagai beras tempatan.

Jadi oleh sebab beras Vietnam ini harganya murah, walaupun kualitinya rendah, saiznya cuma 6.8 milimeter berbanding beras Thailand dan beras Malaysia 7.2 milimeter. Beras Vietnam ini juga *tasteless* dan ia berkapur berbanding dengan beras Thailand dan beras Malaysia. Jadi kerana harganya murah, kita import dengan banyak. Kemudian, kita gunakan *loopholes* dalam definisi Perintah Beras, maka kita jadikan ia sebagai beras tempatan. Barangkali ST15 dan sebagainya. Ini barangkali Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan kerana realitinya di dalam pasaran sana kita tidak jumpa beras Vietnam, sebaliknya beras Thailand. Kalau itu berlaku, apakah ini bermakna BERNAS dan peniaga mengaut keuntungan berganda? Pengguna membayar harga tinggi mengikut harga beras Thailand, tetapi sebenarnya beras Vietnam yang dikampitkan atau dicampur beras Thailand dan beras Vietnam. Apakah ini berlaku dan setakat mana kementerian melalui badan kawal selia mengambil tindakan?

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah benar dalam tempoh terdekat ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bagi lagi AP kepada BERNAS untuk import beras dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat yang namanya Jejak Bakat untuk import beras *stockpile* dalam kira-kira 50,000 tan metrik lagi dari Pakistan dan kemudian khabarnya sudah ada perencanaan untuk BERNAS membeli balik *back to back* dari Jejak Bakat ini ataupun itu sekadar satu *rumors* sahaja di pasaran.

Tuan Pengerusi, BERNAS hanya membeli 400,000 tan metrik bersamaan 25% dari keseluruhan 1.7 juta tan metrik padi yang dikeluarkan di dalam negara. Hal ini menyebabkan BERNAS tidak mempunyai beras tempatan yang cukup untuk membekalkan beras seperti Super Tempatan 15. Keperluan bulanan yang saya semak dalam laporan BERNAS ialah 60,000 tan metrik sebulan bersamaan 720 tan metrik setahun, sedangkan BERNAS hanya membeli 400,000 tan metrik sahaja daripada padi yang dikeluarkan dalam negara. Persoalannya, kenapakah BERNAS tidak membeli beras tempatan daripada kilang-kilang swasta yang lain untuk mencukupkan bekalan beras Super Tempatan 15 ini seperti yang semakan saya, LPN dahulunya pernah buat. Kita faham beras import ia tidak perlukan subsidi. Peruntukan subsidi dihadkan kepada beras tempatan, hasil kisanan kilang padi tempatan sahaja.

■1230

Sejak subsidi beras diperkenalkan tahun 2008, ratusan juta diterima oleh BERNAS. Peruntukan tahun ini pun hampir RM500 juta lebih. Kelihatannya BERNAS macam mengambil jalan mudah dan lebih menguntungkan dengan membekalkan beras import sebagai beras super tempatan. Pada masa yang sama BERNAS menerima subsidi kerajaan.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, apakah di pasaran sana berlaku manipulasi jenis atau gred beras. Beras Malaysia dan beras Thailand macam saya sebut tadi, harga beras Malaysia lebih murah lebih rendah walaupun kualitinya hampir sama. Apakah berlaku dalam pasaran pemborong mengambil beras Malaysia dan di campur dengan beras Thailand dan dijual sebagai beras Thailand, sebab beras Thailand dia tidak ada siling harga.

Beras kita apabila digredkan ST5, ST10, ST15 ada harga siling, itu yang saya faham tetapi beras Thailand, dia tidak ada harga siling, tetapi kerana kualiti beras kita hampir sama dengan kualiti beras Thailand, maka apa yang dibuat oleh pemborong, ialah diambil beras Malaysia dan dicampur dengan beras Thailand dan dijual sebagai beras import Thailand dengan harga tinggi, harga pasaran. Ini saya anggap sebagai satu manipulasi terhadap jenis ataupun gred beras.

Ada dua jenis manipulasi di sini iaitu penipuan terhadap jenis beras dan penipuan terhadap gred beras. Dalam pasaran kalau disebut Super Tempatan 5, maksudnya tidak boleh melebihi 5% hancur tetapi kalau kita ambillah hari ini kita belilah beras ST 5 ini, peratus hancurnya terdiri daripada 5%, boleh jadi 10% hingga 15%. Jadi setakat mana aspek penguatkuasaan oleh kementerian menyedari hakikat di bawah perkara manipulasi jenis ataupun gred beras.

Tuan Pengerusi, keperluan Super Tempatan 15 sebulan adalah 40 tan metrik di Semenanjung, 20,000 tan metrik untuk Sabah dan Sarawak. Ini bermakna Super Tempatan 15 sahaja menyamai 30% daripada keperluan beras sebulan dalam negara kita. Maksudnya dalam setiap sepuluh kampak dalam pasaran, tiga adalah beras ST 15. Isunya adalah apakah hakikatnya begitu. Saya berpendapat perbelanjaan besar kerajaan yakni dalam bentuk subsidi tidak dapat dinikmati oleh sasaran pengguna seperti yang dihasratkan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pagi tadi ketika sesi soal jawab. Apakah tindakan kementerian dalam menangani ketirisan dan penyelewengan ini. Padi tempatan saya percaya berkualiti tinggi. Kilang-kilang padi juga menggunakan teknologi tinggi. Beras tempatan yang dihasilkan mempunyai kualiti yang boleh menyaingi beras import. Kementerian juga banyak mengadakan program galakan insentif. Maka kita ada insentif pengeluaran beras lagi. Namun hasilnya ialah beras yang saya sebut tadi Super Tempatan 15 yang dijual ternyata tidak mematuhi spesifikasi gred.

Ini perkara yang terakhir Tuan Pengerusi yang saya hendak sebut ialah saya masih ingat waktu mula-mula menjadi Ahli Dewan Rakyat tahun 2008. Waktu itu kita mengalami krisis beras sampai ada lima kali pindaan dibuat ke atas yang dipanggil perintah beras, kawalan gred dan harga. Bulan Jun tiga kali pinda, bulan November dua kali pinda. Jadi isu kawalan harga terkawal, tetapi isu manipulasi gred dan jenis beras itu masih berlaku tetapi pada masa itu adalah kerajaan pernah berjanji untuk mengkaji semula isu monopoli BERNAS.

Bahkan satu kajian tentang keberkesanan BERNAS itu dibuat. Saya difahamkan EPU ada melantik syarikat perunding untuk membuat kajian tersebut. Tuan Pengerusi seingat saya, sekarang tahun 2012, hasil kajian belum pernah dibentangkan. Namun pada awal 2011, tiba-tiba BERNAS menerima kelulusan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk melanjutkan konsesi import BERNAS selama 10 tahun lagi dan berakhir tahun 2021. Mengikut perjanjian asal 1996, hanya memperuntukkan tempoh lanjutan lima tahun sahaja. Sekarang sudah jadi sampai tahun 2021. Bolehkah kementerian nyatakan apakah terma dan syarat perjanjian yang baru dalam tempoh konsesi yang dilanjutkan sehingga tahun 2021. Apa terma dan syaratnya yang baru. Sedangkan opsyen 1996 hanya memperuntukkan tempoh lanjutan lima tahun.

Apa tempoh konsesi yang panjang itu ada kaitan dengan pinjaman belian balik saham Bernas yang difahamkan melebihi RM1,000 juta dengan kadar faedah 6% setahun kerana kita tahu ketika Tan Sri Syed Mokhtar ambil adalah daripada sebuah syarikat yang berdaftar di Hong Kong daripada budaya generasi kemudiannya nafas minat dan segala macam. Itu melibatkan transaksi perniagaan yang agak *complicated*, tetapi saya cuma berminat apabila ianya dilanjutkan tempoh untuk BERNAS mendapat monopoli mengimport ini sehingga tahun 2021, apakah terma dan syarat konsesi itu kekal sama ataupun berubah.

Selepas 16 tahun BERNAS masih lagi memerlukan beras import untuk menampung kerugian operasi. Katanya kalau industri beras tempatan sahaja dia rugi tetapi kalau dia terus mendapat konsesi import, dia boleh tampung kos dan sebagainya. Akan tetapi dalam tempoh 16 tahun, kita tengok kilang-kilang swasta tumbuh operasinya berjalan baik, kilang baru dibina. Jadi kalau industri beras tempatan hanya menyebabkan rugi, tentulah fenomena ini tidak terjadi. Ini bermakna industri atau operasi beras tempatan tetap sebenarnya menuntungkan.

Kalau begitu apa penjelasan kementerian terhadap jumlah beras import yang sudah meningkat dua kali ganda berbanding tempoh awal penswastaan. Tadi Yang Berhormat Ampang menyebut sehingga tahun 2021 nanti kuantiti beras import itu akan meningkat sehingga 1.5 juta tan metrik setahun. Ini agak bercanggah dengan beras sebagai satu *security crop* yang penting. Kita tidak ada gula tidak apa lagi, tidak ada tepung tidak ada. Akan tetapi kalau tidak ada beras, itu isu keselamatan. Sebab itu saya percaya Yang Berhormat Menteri bersedia untuk memberikan penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Libaran.

12.37 tgh.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara sahaja. Pertamanya mengenai bantuan sara hidup nelayan di bawah Butiran 09000 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Kita tahu bahawa kerajaan sudah banyak membantu nelayan-nelayan kita terutama sekali nelayan berskala kecil. Akan tetapi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam lawatan saya di kawasan saya, kebanyakan nelayan-nelayan di pesisir pantai dan juga di pulau-pulau termasuk di kawasan Tuan Pengerusi, mereka ini tidak dapat lesen yang membolehkan mereka mendapat bantuan sara hidup nelayan.

Walaupun mereka ini adalah terdiri daripada nelayan-nelayan yang sememangnya kerja harian mereka, pencarian mereka itu adalah nelayan dan tergolong kepada nelayan miskin yang sememangnya yang hasrat kerajaan untuk membantu atau sasaran kepada nelayan-nelayan seperti yang saya sebutkan tadi. Walaupun mereka ini terdiri daripada orang-orang yang tidak banyak cakap, tetapi kita tidak mahu bahawa ada orang-orang yang datang untuk menghuru-harakan nelayan disebabkan bantuan sara hidup ini. Apatah lagi untuk mendapatkan lesen nelayan ini, sudah dibekukan. Jadi saya memohon kepada kementerian memandangkan contohnya di kawasan saya lebih kurang ada empat daerah mengundi yang terdiri daripada penghuni-penghuni nelayan. Jadi saya memohon supaya kementerian khususnya membuka kembali lesen ini, khusus kepada penduduk di pesisir pantai dan juga di pulau-pulau yang berada di merata tempat di Malaysia ini.

Yang keduanya mengenai bantuan baik pulih rumah nelayan. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih, termasuk di kawasan saya sudah ada bantuan. Akan tetapi saya memohon supaya bantuan ini dapat kita teruskan kerana ini juga walaupun sedikit bantuan kepada nelayan ini, tetapi ini merupakan satu perkara yang baik kepada nelayan-nelayan ini kerana sekurang-kurangnya rumah mereka ini dapat dibaik pulih.

■1240

Selain daripada itu, ada juga daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Giatmara mengadakan program yang sama. Jadi saya memohon supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga KKLW ini dapat diselaraskan kerana apabila sampai di bawah jabatan masing-masing, kita sebagai wakil rakyat pun kadang-kadang tidak mengetahui dan di sana kita lihat ada pertindihan. Jadi saya memohon oleh kerana MPP atau Majlis Pembangunan Pertanian peringkat Parlimen wujud, kalau boleh kita selaraskan keseluruhannya melalui majlis ini.

Akhir Tuan Pengerusi, FAMA iaitu Butiran 060000. Kita ucap tahniah kepada FAMA kerana selama ini banyak membantu khususnya penduduk di luar bandar. Kalau saya lihat di kawasan saya, ianya hanya tertumpu di kawasan pinggir bandar ataupun jalan-jalan utama. Sudah sampai masanya diselaraskan dengan pembangunan di luar bandar ini. Contoh di

kawasan saya, saya ambil satu contohlah, salah satu. Di kawasan Semawang termasuk Kampung Indah, Dewa Warisan, Kampung Sungai Monyet dan Kampung Sungai Tiram, di situ penduduk lebih kurang 5,000 orang penduduk. Jadi mereka banyak berbelanja dari segi perkara kecil-kecil di Pekan 'Gomgom', lebih kurang sejauh 20 kilometer.

Jadi sudah sampai masanya FAMA melihat barangkali peruntukan, tidak banyak, sedikit, untuk kita mulakan tamu di kawasan pembangunan baru ini. Dengan sendirinya ia, satu, memperkenalkan kawasan itu dan yang keduanya sudah tentu membantu masyarakat sekitarnya, tidak lagi jauh untuk membeli belah dari segi keperluan seharian. Ketiganya, sudah tentu ianya dapat membantu penduduk tempatan yang mula berniaga. Dengan cara ini, saya ingat ianya membolehkan para peniaga itu dapat melaksanakan tanggungjawab selepas mungkin 10 tahun atau 15 tahun mereka akan berskala besar dari segi perniagaan. Jadi, saya memohon supaya kementerian juga melihat perkara ini. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.43 tgh

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama berbahas. Saya hendak menyentuh B.21 Butiran 120900 – Subsidi Harga Beras walaupun telah pun disebut oleh rakan-rakan tadi khususnya daripada Yang Berhormat Machang yang telah pun banyak menyentuh. Saya juga ingin mengambil peluang untuk membangkitkan persoalan ini. Walaupun ia telah pun dilaporkan dalam Laporan Audit dan saya fikir kalau audit tidak lapor pun memang Yang Berhormat Menteri pun telah pun mengakui perkara ini menjadi satu masalah kepada kita, kerajaan, dan juga kepada negara kita yang terpaksa membelanjakan wang yang begitu besar tetapi tidak mencapai sasaran yang kita harapkan.

Malah, kalau kita lihat pada apa yang telah disebut oleh audit ini, sejak daripada tahun 2008 bermulanya skim ini hingga tahun 2011, kita telah membelanjakan RM1.828 bilion daripada RM2.01 bilion yang diperuntukkan. Bermakna bahawa satu jumlah yang sangat-sangat besar yang telah pun kita belanjakan dengan harapan bahawa 40,000 metrik tan di Semenanjung itu dapat berada di pasaran dan 20,000 metrik tan di Sabah dan Sarawak seharusnya berada di pasaran beras ST15. Akan tetapi persoalannya, isunya ialah bagi saya bahawa isu sekarang ini ialah isu di pasarannya dalam sekitar 10% ke 20% sahaja. Yang Berhormat Menteri sendiri pun mengakui bahawa dalam sekitar 10% ke 20% sahaja beras ini wujud di pasaran. Itu pun kewujudan di pasaran itu terpaksa bersaing daripada pengguna ini khususnya orang-orang yang miskin ini – sepatutnya dia bersaing dengan kedai makan. Kedai makan pun ambil, restoran-restoran besar pun ambil beras itu sebab itulah beras yang murah untuk mereka jual di restoran atau pun kedai makan mereka, dan juga warga asing. Jadi dalam

keadaan 10% ke 20% sahaja, jadi berapalah sangat rakyat Malaysia yang miskin yang ada di luar bandar yang dapat memperoleh beras ini. Malah kalau kita lihat bahawa di kawasan-kawasan ataupun di kedai-kedai di luar bandar, sukar untuk hendak dapat beras ST15.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri janji hendak beri nama lebih kurang 600 syarikat yang diberikan kuota beras untuk mengampitkan beras ST15 ini. Saya tidak sempatlah hendak *check*, sibuk dengan hari raya baru-baru ini, kalam kabut dengan sembelih lembu untuk korban. Akan tetapi isunya ialah bukan sekadar senarai ini, mana yang betul atau tidak dan sebagainya, tetapi apakah skim ini, mekanisme ini tercapai ataupun tidak? Apakah dia merupakan satu keperluan lagi kepada negara kita untuk kita hendak teruskan skim ini?

Ini kerana saya katakan bahawa memang sewajarnya kita mensubsidi beras itu untuk rakyat khususnya yang susah dan miskin, tetapi apa yang kita lihat dalam pelaksanaan hari ini, dalam kita memperuntukkan sejumlah wang itu, akhirnya yang dapatnya ialah syarikat-syarikat ini. Syarikat-syarikat ini yang dapat untung iaitu mereka membeli beras yang sepatutnya RM2,100 satu metrik tan dengan kadar lebih kurang RM1,300 mereka beli. Maknanya RM750 kerajaan subsidi kepada mereka dan apa yang berlakunya, Yang Berhormat Menteri pun sudah sedia maklum dan saya pun telah pun berulang kali menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa sebahagian besar daripada mereka ini ialah menukar baju iaitu menjadikan beras 5%, beras 10% dan juga beras hancur yang dihantar ke kilang untuk membuat mihun dan sebagainya, dan mereka akan mendapat keuntungan yang besar.

Ini bermakna Yang Berhormat, sebahagian besar daripada mereka-mereka yang dapat yang diberikan kuota untuk mengampit beras ST15 ini dia bukan pergi jual beras pun dekat kilang lain, dia jual betul-betul jual *'tuar'*. Orang cina tahu *'tuar'* bukan? Jual kertaslah. Dia pergi jual resit – suratlah, surat. Maknanya dia dapat peruntukan, mereka dapat. *"Nah! Hang pi ambil"* Saya bagi kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang pi ambil dekat BERNAS. Jadi ini isunya. Maknanya, mereka sebenarnya tidak menjalankan kegiatan mengampit beras ST15 sebab mereka tidak perlu. Sebab kalau mereka hendak kimpit sendiri, mereka kena fikir mereka kena ada mesin, mereka kena ada jentera, pekerja dan sebagainya. Mereka kena ada modal lain, kos untuk hendak beli. Sekarang, mereka hanya goyang kaki...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta penjelasan sedikit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sekejap, tengah stim.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Bagi lagi, tambah lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Mereka cukup jual *'tuar'*. Jual *'tuar'* RM200 ke RM300 satu tan. Itu yang mereka dapat. Mereka goyang kaki, mereka dapat RM50,000 metrik tan. Maknanya satu metrik tan mereka dapat RM200 ke RM300. Jadi mereka sudah pun rasa selesa. Jadi akhirnya mereka jual kepada pengilang-pengilang besar ini. Pengilang-pengilang

besar ini dia tidak akan buat ST15. Dia mungkin buatlah dalam sekitar 5%, 10%, 20% dan sebagainya tetapi dia hendak mencari untung yang lebih, maka sudah tentu dia buat beras 5% dan 10% kerana itu yang akan memberikan keuntungan kepada mereka-mereka. Jadi isu dia adalah isu saya melihat bahawa skim ini sudah tidak memberikan keuntungan kepada rakyat jelata. Sedikit sahaja.

■1250

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, sedikit sahaja Yang Berhormat Pokok Sena sebab kebetulan kedua-dua Menteri hebat ada dalam Dewan hari ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ada, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pun ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Duduk]*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Oleh sebab yang menjadi isu besar ini adalah soal jumlah padi ST15 yang sangat sedikit di proses oleh kilang-kilang yang sepatutnya dimiliki oleh ramai orang sedangkan harganya, ST15 jauh lebih rendah berbanding dengan ST10 dan ST5. Oleh sebab itu apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena supaya satu polisi dibuat oleh kerajaan dan Dewan ini diberi mandat supaya memastikan jumlah ST15 itu jauh lebih daripada 50% supaya kenikmatan itu dapat kepada rakyat. Apa penjelasan?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat daripada Kuala Kedah. Oleh sebab itu saya melihat bahawa skim ini dengan memberikan kepada syarikat-syarikat sampai 600 syarikat ini akhirnya saya katakan bahawa mereka ini yang mendapat keuntungan. Jadi, sebab itu saya hendak mencadangkan supaya satu agensi kerajaan ini yang seharusnya memberikan tanggungjawab untuk mengkampitkan beras ST15 ini supaya agensi kerajaan ini lebih ada tanggungjawab untuk menjaga kepentingan rakyat miskin yang susah ini.

Mereka ini yang diberikan tanggungjawab untuk mengkampitkan, bukan lagi kepada syarikat. Bila bagi kepada syarikat, kita cari syarikat baru pula. Kita kata kita buang syarikat lama, cari syarikat baru. Syarikat baru pun macam itu juga. Kalau dia dapat 10 tan. Dia asyik fikir, *"Kalau aku dapat 10 tan, tidak mungkin aku hendak beli mesin, hendak beli jentera, hendak beli plastik, hendak cari pekerja. Buat apa 10 tan? Baik aku beri kepada kilang besar. Hang tolong kampil. Hang pergi beli beras."*

Jadi bila bagi dekat kilang besar, kilang besar dia akan buat dua, tiga jenis. Ini menjadi masalah juga kepada beras-beras premium yang lain, sebabnya begini, dia akan berlaku persaingan kos. Kos orang hendak mengoperasi, kos operasi untuk mengkampit beras 5% dan 10% yang sebenar ini. Dia tinggi. Akan tetapi syarikat-syarikat ini, kilang-kilang ini, kos mereka rendah sebab mereka ambil beras daripada beras yang di subsidi oleh kerajaan. Walaupun dia terpaksa bayar harga RM1,300 campur lagi RM300 kepada pemegang lesen itu tetapi dia

masih lagi rendah berbanding dengan pengilang sebenar yang mengkompitkan beras 5% dan juga 10%...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya? Ya, saya sudah habis ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Eh! Tidak sampai lagi sepuluh minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu saya minta dan saya cadang bahawa supaya diberikan kepada agensi kerajaan sendiri ataupun kita buat satu sistem kupon semua orang yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini mereka layak. Orang yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini memang layak. Kalau tidak bagi buat apa BR1M? Oleh sebab mereka susah, kita hendak bantu mereka. Jadi orang yang berpendapatan RM3,000 ke bawah inilah yang seharusnya mendapat kupon untuk mendapat beras. Bukan lagi ST15 bagi saya, lebih baik dapat beras 10% ataupun beras 5% supaya mereka juga dapat makan beras yang lebih baik.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan benih padi sah ini. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat bahawa masalahnya sekarang ini ialah macam mana proses syarikat-syarikat yang sepuluh syarikat ini, Yang Berhormat sebut baru ini yang diberikan kuota benih padi sah ini. Macam mana mereka *claim*?

Kebimbangan saya ialah mereka tidak buat sampai kepada peringkat 20,000 metrik tan, mereka buat 15,000 tetapi mereka *claim* 20,000 metrik tan. Ini satu kemungkinan yang boleh berlaku sebabnya begini Yang Berhormat. Sekarang ini benih padi ini ada yang pihak persendirian buat, yang mereka ini tidak dapat kelulusan daripada pihak kerajaan tetapi mereka buat benih yang sama. Mereka buat benih yang sama, 219 seumpamanya. Mereka buat, ada! Saya tahu banyak orang-orang yang mengusahakan sendiri untuk beri kemudahan kepada petani dan sebagainya.

Ada petani yang simpan sendiri benih dia. Bila dia ambil padi, dia simpan sendiri walaupun tidak banyak, peratusnya tidak besar tetapi dia simpan sendiri benih dia. Bermakna bahawa yang kita peruntukan sebanyak 80,000 metrik tan satu tahun. Maksudnya satu musim lebih kurang 40,000 metrik tan, satu musim. Bermakna bahawa pengeluar benih ini, yang memproses benih ini, dia tidak perlu lagi keluar sampai pada tahap itu, walaupun dalam keadaan bencana dan sebagainya. Jadi saya bimbang bahawa kita beri subsidi kepada mereka, 20,000 metrik tan tetapi akhirnya mereka *claim* 20,000 tetapi yang mereka keluar ialah 15,000 metrik tan. Oleh sebab itu saya hendak katakan bahawa CL1, CL2 ini pun akan digunakan daripada subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui cara-cara ini.

Jadi, oleh sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Oleh sebab saya lihat ada repot-repot yang sampai kepada saya, petani-petani termasuk di sebelah Jerlun, di sebelah Perlis termasuk Kubang Pasu dan sebagainya yang dibekalkan oleh Seri Merbok ini pun ada pada awal tahun. Dia tidak naik. Lebih kurang satu jumlah yang agak besar di satu kawasan itu, 100 kampakit benih itu tidak tumbuh. Ini bermakna bahawa kualiti beras yang dibekalkan oleh Seri Merbok yang diberikan kepercayaan oleh kerajaan juga sangat dipersoalkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol.

12.56 tgh.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan satu usaha yang paling baik yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan kita terutama sekali menghindarkan mereka daripada meminjam daripada ah long iaitu melalui Butiran 121100 – TEKUN.

Dengan adanya rancangan ini kita dapat membantu begitu ramai sekali usahawan kita terutama sekali yang tinggal di kawasan luar bandar. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah tidak boleh TEKUN ini memikirkan ada satu kumpulan usahawan kita yang telah pun disenaraihitamkan oleh bank dan mereka ini tidak layak untuk meminjam TEKUN. Akan tetapi mereka masih lagi berniaga. Apakah tidak boleh kita berikan peluang kedua kepada mereka dengan memberikan sokongan, pinjaman melalui TEKUN ini mudah-mudahan mereka akan berjaya di dalam perniagaan mereka bukan sahaja mendapat keuntungan tetapi merubah kehidupan mereka terutama sekali di dalam menyelesaikan beban hutang yang ada pada mereka.

Saya juga ingin mendapat penjelasan tentang rancangan kerajaan untuk memberikan TEKUN ini juga kepada masyarakat kaum India. Bagaimana proses ini dapat dijalankan terutama sekali untuk memberikan kemudahan kepada kaum-kaum India yang duduk di kawasan luar bandar? Terutama sekali yang tinggal di daerah Jempol yang selalu bertanyakan bagaimana mereka untuk mendapat kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga dapat melihat bagaimana Butiran 030000 iaitu Perkhidmatan Veterinar. Hari ini kita dapat melihat bekalan lembu untuk tujuan korban sangat terhad. Banyak ataupun ramai di kalangan rakyat kita yang tidak dapat bekalan yang cukup untuk tujuan yang amat murni ini, untuk beribadah, berkorban yang memang ditetapkan korban ini pada hari-hari tertentu yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk kita beribadah.

Namun demikian, apakah tidak boleh kementerian merancang sesuatu, mengadakan sistem lembu pawah. Memberikan subsidi-subsidi khas untuk tujuan membela ataupun

menternak lembu-lembu ini untuk tujuan korban bagi membolehkan mereka menjalankan ibadah ini dengan baik dan cukup bekalannya pada tahun-tahun yang mendatang.

Saya juga yang ingin mendapat penjelasan tentang usaha yang dibuat oleh kementerian untuk mengadakan satu pusat penyembelihan khas ibadah korban. Apakah tidak mungkin ini dapat dikaji semula? Oleh kerana ibadah korban ini adalah merupakan ibadah yang memerlukan banyak lagi aktiviti-aktiviti sokongan yang lain. Merapatkan ukhuwah, merapatkan silaturahim, mengadakan kegiatan gotong-royong dan mengekalkan tradisi yang menjadikan umat Islam itu bertambah kukuh melalui perpaduan dan juga aktiviti korban ini yang dibuat secara beramai-ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Saya bimbang sekiranya ini dibuat secara berkelompok ataupun berpusat, nilai-nilai tradisi dan juga ibadah kita tidak dapat dijalankan seperti dahulu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh sambung petang nanti Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jempol. Baki masa.

2.32 ptg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi, menyambung semula di bawah Butiran 03000 – Perkhidmatan Veterinar. Saya juga ingin menyentuh tentang masalah yang banyak dibangkitkan oleh rakyat iaitu berkaitan dengan soal ternakan ayam. Ini adalah merupakan usaha yang baik, yang murni, untuk membekalkan sumber protein yang murah dan baik kepada rakyat. Namun demikian, saya fikir sampai masanya kementerian melihat semula

tentang peraturan-peraturan yang telah pun kita putuskan terutama sekali dari segi jarak di antara reban-reban ayam ini dengan taman-taman perumahan ataupun kampung-kampung yang terdekat. Hari ini saya fikir jarak ini terlalu dekat dan inilah yang menyebabkan masih ramai di kalangan penduduk yang menerima gangguan terutama sekali bau busuk dan juga serangan lalat yang amat luar biasa hasil daripada kawasan penternakan ayam tersebut.

Begitu juga dengan masalah penternakan burung walit. Ia juga sebahagiannya ditenak di kedai-kedai yang menyebabkan sebahagian pengusaha-pengusaha kedai bersebelahan terutama sekali yang menjalankan kegiatan menjual makanan selalu memberikan komplain dan bantahan bahawa kedai-kedai yang dijadikan sarang burung walit ini menimbulkan kekotoran. Begitu juga taman-taman perumahan memberikan bantahan terhadap bunyi yang sangat kuat.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 10000 – Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya ingin mengutarakan bagaimana sekiranya kementerian dapat menimbangkan bahawa kekuatan ataupun kemajuan PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) untuk memajukan apa juga hasil usaha yang dibuat oleh PPK. Sama ada dalam bidang penternakan, pertanian ataupun bidang-bidang yang lain, ia bergantung kepada kekuatan pegawai-pegawai sokongan kita iaitu pegawai-pegawai LPP. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya bilangan pegawai-pegawai ini dapat ditambah supaya dapat memenuhi keperluan sebenar. Pegawai-pegawai ini juga mesti ditambah nilai dengan ilmu, skil dan kepakaran yang terbaharu supaya mereka benar-benar boleh membimbing dan menjadi pemudah cara serta memberikan idea mereka untuk membantu PPK menjalankan kegiatan. Ini termasuk juga kemudahan-kemudahan sokongan seperti elaun yang mencukupi, minyak untuk bergerak kepada pegawai-pegawai LPP ini supaya tidak menjejaskan usaha yang dibuat oleh PPK.

Tuan Pengerusi, sebahagian daripada PPK dalam negara kita mengaut keuntungan yang besar. Hasil daripada kejayaan mereka membangunkan apa juga produk yang diusahakan oleh PPK. Namun demikian, hari ini saya lihat ada peraturan apabila membahagikan ataupun mengagihkan dividen dan bonus ini kepada pelabur-pelabur, masih lagi terikat kepada jumlah tertentu. Saya fikir sampai masa dan ketikanya pihak kementerian membuat kajian supaya kita bebaskan di mana pelabur-pelabur ini akan menerima agihan dividen dan bonus mengikut keupayaan dan keuntungan yang telah pun diperolehi oleh PPK tersebut. Ini membolehkan lebih banyak lagi pelabur-pelabur akan menambah pelaburan mereka untuk menyokong kegiatan PPK di kampung-kampung terutamanya.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 110000 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang telah pun dapat memajukan Nenas Jelebu, Negeri Sembilan Darul Khusus. Nanas ini amat luar biasa enakunya. Manis dan menjadi rebutan kepada seluruh rakyat. Malangnya, hari ini pengeluaran nanas ini amat terbatas. Ia hanya mampu sebahagiannya dieksport ke luar

negara. Namun demikian rakyat tempatan, anak-anak Malaysia juga memang mengidamkan untuk menikmati keenakan nanas Jelebu, Negeri Sembilan ini.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya menambah peruntukan, mengkaji tanah-tanah baru yang sesuai supaya melebarkan ataupun menambah keluasan tanaman Nenas Jelebu ini. Begitu juga peruntukan-peruntukan yang sesuai untuk membangunkan tanah dan juga menanam dengan tanaman yang lebih luas supaya produk ini dapat memenuhi keperluan bukan sahaja untuk dieksport tetapi dapat dinikmati oleh rakyat di Negeri Sembilan dan juga di negara keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, berkaitan Butiran 02000 – Pertanian. Hari ini saya mendapat banyak permohonan dan juga pertanyaan daripada rakyat kita, kenapa penghasilan pisang dalam negara kita semakin berkurangan. Buah betik sebagai contoh, hari ini tidak mencukupi. Pengusaha-pengusaha yang menjayakan, terutama sekali industri yang berasaskan pisang ini, menerima masalah yang besar. Apakah benar masalah ini disebabkan oleh masalah buah naga (*dragon fruit*) yang menyebabkan masalah kepada produk-produk, terutama sekali penghasilan pisang dalam negara kita diserang oleh penyakit dan menyebabkan kurangnya pengeluaran pisang dalam negara kita?

Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kementerian yang dapat menyelesaikan isu lambakan durian iaitu dengan membuat program Sejuk Beku Durian dan saya amat bangga sekali kerana durian sejuk beku ini dapat dieksport ke luar negara terutama sekali ke negara China.

■1440

Tuan Pengerusi, masih ada lagi lambakan buah rambutan yang menjadi keluhan kepada petani-petani kita. Kita banyak membekalkan pokok-pokok untuk ditanam oleh petani di kampung-kampung dan sebahagiannya mengeluarkan hasil yang baik. Apakah perancangan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian supaya dapat pula menyelesaikan isu lambakan buah rambutan ini supaya masyarakat kampung akan dapat hasil yang lebih baik, sumber pendapatan yang lebih baik dan mengelakkan daripada pembaziran.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 060000 berkaitan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian ataupun FAMA. Saya fikir sampai masanya R&D FAMA ini kita perkukuhkan. Saya fikir melalui R&D inilah, FAMA akan dapat melihat semula tentang fungsi sebenarnya membantu petani untuk memasarkan hasil-hasil pertanian. Tidak perlulah FAMA mengambil untung daripada proses pemasaran. Sudah sampai masa dan ketikanya FAMA menjadi satu badan penasihat dan perancang yang berkesan sepanjang tahun – menasihatkan petani, inilah bahan dan produk yang perlu ditanam, inilah bahan dan produk yang perlu ditanam kerana inilah keperluan yang menyeluruh dalam negara kita.

Begitu juga dari segi agihannya, mengikut tempat dan lokasi. Sudah tentulah FAMA memainkan peranan untuk membimbing dan membantu petani kita. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Wakil DAP tiada? Okey, sila. Ya.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

2.42 ptg.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam peringkat jawatankuasa Kementerian Pertanian ini. Ada tiga butiran 010400 - Industri Padi dan Beras bersekali dengan 120700 - Insentif Pengeluaran Padi.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian setakat ini di kawasan saya iaitu di Jelai, berapakah jumlah petani yang telah terlibat di dalam estet padi? Ini kerana mereka merupakan *pioneer* projek yang dijalankan estet padi untuk mendapatkan satu kawasan ladang padi yang luas. Insentif diberi kepada petani-petani tersebut untuk menanam secara estet – maknanya berapa puluh orang petani mengumpulkan ladang sawah mereka untuk dijadikan estet. Khabarnya pada maklumat yang terakhir saya terima, mereka mengatakan dapat lapan tan per hektar. Jadi, sekarang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, setakat manakah keberkesanan ataupun kejayaan Program Estet Padi yang diadakan di Jelai ini. Ini kerana apabila mereka menjalankan projek tersebut memanglah mulanya mendapat sedikit bantahan daripada sesetengah petani tetapi apabila mendapat hasil yang kita katakan lumayan dan memudahkan kerja-kerja apabila NCER telah masuk membina jalan-jalan ladang, saya rasa ini mungkin antara mereka yang mendapat tentangan di peringkat awal telah menyatakan persetujuan terhadap estet padi ini.

Jadi, setakat ini, setakat pada tahun 2012 ini, berapakah jumlah hektar yang dijalankan estet padi tersebut dan berapakah jumlah petani yang telah terlibat dan hasil-hasil yang diperolehi, hasil daripada estet padi tersebut? Begitu juga dengan petani-petani yang pada mulanya mereka mengeluarkan benih-benih padi iaitu diberi insentif oleh Jabatan Pertanian untuk menanam padi untuk mengeluarkan benih, apakah jumlah atau kesediaan Jabatan Pertanian peringkat permulaan memberi insentif ini diteruskan pada masa kini. Ini kerana saya dapati beberapa orang yang pada mulanya dahulu menanam padi untuk dijadikan benih, sekarang ini sudah tidak lagi menanam padi untuk dijadikan benih. Jadi, saya ingin juga mendapat jawapan daripada pihak kementerian apakah program-program sebegini diteruskan? Ini kerana apabila mereka menanam padi untuk dijadikan benih, kementerian ataupun jabatan memantau projek mereka ini daripada awal sehinggalah mendapatkan hasil kerana setiap padi yang dijadikan benih ini di pastikan benih yang baik, cara peracunan, cara pembajaan dan juga

cara mereka mendapatkan hasil tersebut dengan cara-cara yang dikawal oleh pihak Jabatan Pertanian. Jadi, adakah program sebegini diteruskan?

Butiran kedua adalah 010600 bersekali dengan 070000 iaitu Pengairan Saliran Pertanian dan juga MADA. Dalam perbahasan peringkat dasar, saya telah menyentuh tentang masalah padi - kawasan padi jerlus terutamanya di kawasan saya lah, di Pendang, berhubung dengan penggunaan jentera-jentera berat dan juga saliran-saliran yang tidak ada air keluar daripada sawah-sawah padi menyebabkan takungan air ini berlaku sepanjang tahun. Jadi, dengan peruntukan yang dijanjikan oleh pihak kementerian ataupun pihak Menteri Kewangan RM200 juta kawasan MADA, saya harap program ataupun projek saliran keluar air ini dapat dijalankan dengan kadar yang segera kerana ini melibatkan kawasan sawah yang agak luas, yang menyebabkan ramai di antara petani-petani tidak dapat menjalankan sawah mereka disebabkan oleh jerlus. Ini kerana mutakhir ini mereka menggunakan mesin-mesin yang berat untuk menuai padi dan juga menggunakan traktor jenis trek iaitu tayar yang daripada besi juga menyebabkan tanah sawah itu menjadi lebih lembut kerana pengairan air keluar tidak dapat berlaku dalam masa-masa yang ditetapkan oleh pihak MADA.

Jadi, saya harap perkara ini dapat disegerakan dan saya ingin mendapat jawapan daripada pihak kementerian sebenarnya berapakah jumlah sawah-sawah yang tidak dapat diusahakan pada musim tahun ini 2012, musim satu dan kemungkinan musim dua ini yang disebabkan oleh tanah yang jerlus tidak dapat dimasuki oleh mesin-mesin untuk membajak dan mesin untuk menuai padi ini. Berapakah jumlah hektar tersebut?

040700 iaitu Pembangunan Akuakultur. Sejak akhir-akhir ini, kita jarang mendengar petani-petani yang terlibat di dalam program menternak ikan air tawar menggunakan terusan-terusan MADA ini khususnya. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah program ini telah ditamatkan ataupun tidak diteruskan. Ini kerana sebelum ini kita melihat ramai di antara petani-petani yang menggunakan saliran-saliran terusan utama di saliran MADA ini – saliran yang tidak ada racun di dalam saliran tersebut digunakan untuk memelihara ikan-ikan di dalam sangkar terutama sekali ikan tilapia merah dan juga sejenis dengannya untuk memberi sumber protein ataupun sumber pendapatan kepada petani-petani. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat mengkaji semula program tersebut, program ini kerana ia akan memberi pulangan yang kita kata menolong, membantu ekonomi para-petani dan juga para-petani nelayan sungai di peringkat mereka yang berada di kampung ataupun kawasan-kawasan sawah padi. Saya rasa itulah sedikit sebanyak dalam peringkat jawatankuasa ini. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kanowit.

2.48 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 94000 iaitu berkaitan dengan NKEA. Dalam hal ini saya ingin menyentuh dua jenis projek atau EPP yang telah diberi kepentingan dalam projek di bawah NKEA iaitu satu adalah pengeluaran sarang burung walit.

Kalau di Sarawak kita melihat kebelakangan ini adalah banyak sekali rumah-rumah burung walit ini sedang dibangunkan di semua tempat terutama sekali di kawasan Batang Rajang ataupun bahagian ketiga di Sarawak. Yang menjadi soalan di sini adalah saya ingin mendapatkan penerangan daripada kementerian apakah status pengeluaran sarang burung walit ini setakat ini. Ini kerana kita mendengar dalam akhbar bahawa harga sarang burung walit ini sekarang ini sudah menurun dan juga ada masalah dengan eksport sarang burung ini ke negara-negara yang dahulu memang pengimport sarang burung seperti Taiwan, China ataupun Hong Kong.

Kedua, apakah jenis bantuan daripada peruntukan yang begitu banyak, kalau mengikut di sini RM754 milion telah digunakan dalam RMK-13 dan saya ingin tahun apakah jenis bantuan yang telah diberi kepada pengusaha-pengusaha burung walit ini supaya ia memberi keuntungan atau faedah kepada petani-petani yang sedang berusaha dalam projek ini.

■1450

Kedua, di dalam projek NKEA ini adalah penternakan ikan dalam sangkar, seperti ada juga disebutkan oleh Yang Berhormat yang terdahulu tadi, ikan siakap dan ikan tilapia. Lokasi yang telah dikenal pasti adalah di tasik-tasik besar seperti kalau di Sarawak adalah di Bakun dan dahulu kita sememangnya mengetahui bahawa ia sedang ataupun telah diadakan di Tasik Batang Ai.

Soalan yang saya ingin pohon penjelasan di sini adalah mengenai status projek ini dengan peruntukan yang begitu banyak dan apakah jenis bantuan. Ini kerana jika kita melihat di Bakun sekarang ini, ramai di antara petani-petani juga berminat di dalam untuk mengadakan perusahaan penternakan ikan dalam sangkar ini. Kalau dahulu di Batang Ai di bahagian Sri Aman ataupun Lubok Antu juga telah diadakan projek seperti ini, sekarang ini kita juga tidak mengetahui adakah ia berjaya atau tidak.

Dengan itu, saya juga memohon penjelasan daripada pihak kementerian untuk memberikan penjelasan bahawa ia memang dapat diadakan di kawasan-kawasan tasik besar seperti *Bakun dam* yang sedang dalam penjanaaan elektrik sekarang ini. Selain itu, apakah pengeluaran yang telah diadakan oleh pelbagai tasik seperti Tasik Kenyir, Tasik Temenggong dan apakah juga masalah-masalah yang telah dihadapi oleh petani-petani ini? Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

2.52 ptg

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin meminta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai dua perkara. Pertama, Butiran 030000 – Perkhidmatan Veterinar, mengenai projek National Feedlot Corporation yang ada di Gemas sekarang. Apakah status projek tersebut? Kesemua yang kita sudah tahu, sehingga ke hari ini kita mendapat tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri melalui media bahawa tender baru telah pun dikeluarkan untuk mempelawa pengusaha-pengusaha baru untuk melibatkan mereka sendiri di dalam projek ini dan ada juga yang mengatakan projek ini telah pun dihentikan.

Akan tetapi sehingga ke hari ini kita tidak tahu sama ada perjanjian di antara NFC dengan kerajaan telah pun ditamatkan, akibat kesemua yang telah pun berlaku terutamanya di mana wang pinjaman RM250 juta itu tidak digunakan secara beramanah dan telah pun digunakan untuk membeli alat-alat ataupun aset-aset yang langsung tidak berkenaan dengan penternakan lembu. Kita juga mahu tahu, oleh sebab sepatutnya NFC sudah patut memulangkan pinjaman kepada pihak kerajaan mulai bulan Januari tahun ini, kenapa sampai hari ini tidak ada tindakan langsung yang diambil ke atas pihak NFC? Ini kerana sehingga ke hari ini kita tahu setiap satu sen pun belum dipulangkan kepada pihak kerajaan.

Saya juga berharap pihak Yang Berhormat Menteri tidak akan menggunakan *privilege sub judice* ke atas jawapan-jawapan tersebut, kerana saya tidak menyentuh langsung mengenai kes yang ada di mahkamah sekarang. Apa yang saya tanya hanya perkara-perkara yang ada di dalam kuasa Yang Berhormat Menteri iaitu perjalanan projek ini, sama ada ia masih dilaksanakan ataupun sudah dihentikan, ditamatkan dan kalau tidak ditamatkan, kenapa tidak ditamatkan? Kemudian di dalam proses tender yang baru, apakah tahap yang sudah dicapai sampai ke hari ini? Apakah *dateline* di mana tender ini akan ditawarkan kepada pengusaha yang baru? Kita hendak tanya sama ada proses untuk menawarkan tender ini akan diubahsuai ataupun ditambahbaikkannya daripada cara NFC telah pun ditawarkan sebelum ini?

Apa yang kita tahu sebelum ini tender NFC telah pun ditawarkan kepada pihak Datuk Seri Mohammad Salleh dengan satu hari mesyuarat sahaja. Semua pihak tender datang, enam parti kalau tidak salah ingatan saya, datang masuk tender, buat *presentation*, setiap orang buat *presentation* setengah jam sehingga satu jam. Selepas itu mesyuarat habis, terus Menteri Pertanian masa itu Yang Berhormat Pagoh, telah pun membuat keputusan untuk menawarkan kepada pihak Datuk Seri Mohammad Salleh ataupun NFC.

So, kita rasa cara untuk menawarkan kontrak sebegini, sebesar RM250 juta dengan semacam sewenang-wenangnya tanpa satu analisa ataupun satu *review* yang penuh, menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengambil serius tentang wang yang telah pun dikeluarkan oleh pihak kerajaan. So kita harap dalam tender yang baru tidak akan ada perkara sebegini berlaku lagi. Tender tidak akan ditawarkan dengan hanya satu hari mesyuarat, tengok

presentation sahaja, tidak ada lawatan, tidak ada apa-apa langsung, satu hari sahaja mesyuarat, tender terus ditawarkan atas keputusan oleh pihak Menteri Pertanian pada masa itu. Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 040000 – Perikanan. Saya ingin mengambil tahu mengenai satu lagi kontroversi ataupun skandal daripada Kementerian Pertanian yang pada masa itu juga diketuai oleh Yang Berhormat Pagoh iaitu isu MITP, *Malaysia International Tuna Port*. Saya ingin mengambil tahu mengenai apakah *latest status* mengenai projek tersebut? Kita tahu bahawa pinjaman sebanyak RM240 juta telah pun diberikan kepada syarikat tersebut oleh pihak OSK tanpa ada jaminan daripada pihak kerajaan yang tidak berapa tentu. Kerajaan kata tidak ada jaminan tetapi pihak *rating agency* kata ada jaminan. So, itu merupakan satu perselisihan antara pihak perbankan dengan pihak kerajaan, tetapi ada RM240 juta pinjaman kepada satu syarikat kerjasama antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan syarikat MITP. So, kedua-dua syarikat ini apakah statusnya? Adakah pihak LKIM mendapat balik kesemua aset yang telah pun dilaburkan ke dalam projek ini dan apakah status yang terkini?

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading.

2.58 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam membahaskan di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebelum itu ingin saya, sebelum waktu asar ini Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan selamat Hari Raya Aidiladha. Hari ini hari tasyrik yang penghabisan, 13 Zulhijjah... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Yang Berhormat Machang boleh terjemahkan.

Orang kampung saya Tuan Pengerusi, di Sri Gading, bertanya kepada saya, Tuan Pengerusi. Jadi saya panjangkan lidah mereka kepada Yang Berhormat Menteri. Kementerian ini dinamakan Kementerian Pertanian, jelas. Faham, Tuan Pengerusi. Akan tetapi mereka bertanya apa pengertian perindustrian asas pertanian atau industri asas tani? Ini yang mereka tanya. Kementerian Pertanian itu jelas, terang. Industri asas tani, apakah kata mereka, Tuan Pengerusi?

■1500

Apakah industri asas tani ini boleh pihak kementerian membantu mereka menanam sirih, menanam kunyit, menanam gambir, menanam halia, menanam serai. Yalah, ini makanan-makanan asas orang Melayu khususnya, orang Malaysia secara amnya. Tanam kunyit, halia, serai, nanti soal petai, soal jering.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghafur Salleh [Kalabakan]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kalabakan hendak mencelah? Saya dengan hormat mempersilakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghafur Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat Sri Gading ini ketinggalan sedikit. *[Ketawa]* Kalau di Sri Gading belum ada ini semua, di Kalabakan ada. Kementerian ada membantu bukan dari segi itu, dari segi bibit-bibit sawit, dari segi bibit-bibit, macam-macam bibit apa lagi yang kecil-kecil yang RM3 atau RM4 bibit ini Tuan Pengerusi. Jadi saya fikir lebih baik kalau boleh kementerian bagilah setakat RM5,000 untuk beli kunyit, beli serai macam-macam berbagai-bagai. Ini kerana yang besar saya nampak kita dibagi, apalagi yang kecil. Kita minta kalau boleh dipanjangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun kesian Yang Berhormat Kalabakan ini Tuan Pengerusi. Dia tidak faham maksud saya. Orang kawasan saya bertanya, apakah kalau mereka mengusahakan secara untuk berdaganglah umpamanya sebab industri tani. Jadi boleh atau tidak ada bantuan-bantuan khusus. Ini bukan soal bibit. Ini soal macam mana Menteri atau kementerian membantu mereka. Kita juga bercakap tentang mengumpulkan bahan-bahan makanan, kita juga bercakap janganlah banyak sangat wang kita mengalir keluar kerana membeli bahan-bahan makanan. Inilah yang mereka tanyakan. Ini soalan yang mudah bagi Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya panjangkan untuk pengetahuanlah supaya maknanya kehidupan masyarakat di peringkat bawah ini tidak terlepas daripada tanggungjawab kita.

Soal kelapa sawit, ya. Soal getah, ya. Soal koko, ya. Soal kopi, ya. Akan tetapi yang kecil-kecil ini, ini yang saya maksudkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, ini butiran berapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bercakap tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya hendak khususkan ini Butiran 030000 - Perkhidmatan Veterinar dan juga 030600 - Pembangunan Komoditi Ternakan. Saya ingat Yang Berhormat Balik Pulau rasa senang hatilah. *[Ketawa]* Petang-petang macam ini Tuan Pengerusi, ada baiknya kawan-kawan saya dapat bersama-sama dengan saya. Ini tentang yang saya sebutkan tadi Butiran 030000 ini, veterinar ini Tuan Pengerusi dan juga pembangunan komoditi ternakan. Saya difahamkan Tuan Pengerusi dan mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan dua tiga hari yang lalu, dua tiga minggu yang lalu, dua tiga bulan yang lalu, seolah-olah macam ada ancaman daripada Australia yang hendak menyekat lembu dan kambing dibeli daripada mereka.

Konon katanya, konon katanya Tuan Pengerusi, konon katanya, ya betul, ya betul, ya betul, ia pun ya betul kerana soal penyembelihan yang dilakukan oleh orang Islam di negara ini Tuan Pengerusi. *[Telefon berbunyi]* Ini telefon pula dari Australia datang ini. *[Ketawa]* Saya

hendak beritahu orang Australia Tuan Pengerusi, apabila tiba Aidil Adha musim orang mengerjakan haji, di antara - *[Telefon berbunyi] Astaghfirullah al'adzim. Laillahailallah* Tuan Pengerusi, daripada orang rumah Tuan Pengerusi. Jawab payah, tidak jawab pun payah Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Jangan tanya orang rumah yang mana Tuan Pengerusi, cumanya dari orang rumah sahaja. Jadi Tuan Pengerusi, memang menjadi kewajipan orang-orang Islam antara yang dikerjakan di *Makkatul Mukarramah* - *[Telefon berbunyi] Laillahailallah*, hai. Saya ingat.

Tuan Pengerusi: Tidak mengapa Yang Berhormat, ada penalti. Saya boleh benarkan seminit dua lagi, kalau mahu jawab pun boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bini muda ini tidak faham kita dalam Parlimen Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Jadi menjadi salah satu ibadah dalam Aidil Adha ini kita berkorban dan berkorban ini satu tuntutan agama. Untuk makluman orang Australia, orang Islam mengorbankan kambing ataupun lembu ataupun unta ataupun kerbau, dia dengan sembelih. Sembelih ini satu perbuatan yang tidak menyeksa binatang, tidak menganiaya binatang. Ini kerana ada rukun-rukun dan syarat menyembelih dalam orang Islam ini di mana putus urat merihnya. Antara yang paling lekas binatang yang dikorbankan itu mati ialah dengan sembelih cara Islam. Dia tidak menyeksa, tidak menganiaya, jangan salah faham. Jadi janganlah ada gangguan dari segi agama. Kita menghormati agama lain Tuan Pengerusi, kita tidak mempertikaikan agama lain. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Betul Yang Berhormat Machang? Betul ucapan saya tadi? Maksudnya, "Agama engkau, agama engkau, agama aku, agama aku". Tidak ada ganggu-gugat di situ Tuan Pengerusi.

Jadi janganlah pula orang Australia mengganggu tradisi ribuan tahun. Ini bukan satu atau dua hari, ribuan tahun Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya ulang, penyembelihan cara orang Islam ini tidak menganiaya, tidak menyeksa binatang. Jadi kalau mereka hendak menyekat, saya hendak tanya kementerian apa pilihan kita kerana ini penting hendak menyempurnakan tuntutan agama. Apakah kita hanya bergantung kepada Australia, kepada New Zealand? Apa tidak kita boleh bergantung kepada India umpamanya, kepada Vietnam umpamanya, kepada Kemboja umpamanya atau kepada Indonesia umpamanya sebagai persiapan sebelum hujan sediakan payung. *[Ketawa]* Ini saya menyeru Yang Berhormat Menteri, yang memang hebat orangnya Tuan Pengerusi, antara tokoh UMNO, BN di Selangor yang ditakuti oleh pembangkang ialah Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Hidup Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani! *[Ketawa]* Yang Berhormat Balik Pulau, dia jangan marah. *Floor* saya, saya hendak mengangkat orang saya yang memang jadi hero. Dia ini salah seorang *winnable candidate*. Jadi itulah Tuan pengerusi, sedikit sebanyak pertanyaan saya untuk Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf.

■1510

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Balik Pulau.

3.10 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada Yang Berhormat Balik Pulau. Saya ingin berbahas mengenai Butiran 090000 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Yang Berhormat Menteri, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah menjawab soalan saya pada 22 Oktober iaitu mengenai minta *'Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kos, status, latar belakang dan perkembangan terkini projek Malaysian International Tuna Berhad (MITB) di Batu Maung, Pulau Pinang'*.

Yang Berhormat Menteri, kepentingan soalan ini walaupun dijawab lebih kurang dua muka surat, saya rasa banyak isu yang perlu Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan lanjut. Yang Berhormat Menteri, di sini dikatakan perjanjian konsesi yang bernilai RM243,374,328. Yang Berhormat Sri Gading, NFC RM250 juta, MITB RM243 juta. Sedikit rendah. NFC untuk lembu, MITB untuk ikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tunggu Yang Berhormat Menteri menjawablah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Jadi Yang Berhormat Menteri, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun maklum terutama sekali kenapa pentingnya MITB ini, terutama mereka yang tinggal di sekitar kawasan daerah barat daya Pulau Pinang iaitu mereka yang menjadi nelayan di sekitar Batu Maung, Sungai Batu. Yang Berhormat Menteri tahu Sungai Batu. Arif, ramai saudara-mara di sana, di Gertak Sanggul dan sekitarnya sehinggalah sampai ke Telok Bahang sana. Ini kerana projek ini dianggarkan, setakat yang saya baca sejarahnya dahulu, dianggarkan kemungkinan hasil boleh mencecah sampai RM2.2 bilion katanya hasil tuna ini. Itu laporan yang saya dapat. Kononnya mereka ini telah ke Portugal dan sebagainya.

Anehnya di sini, Menteri mungkin boleh menjelaskan sebab ini tidak jelas iaitu pertama sekali, syarikat yang dilantik Bindforce Sdn. Bhd. iaitu syarikat CEOnya dari Sabah, yang saya difahamkan. Jadi, soalan saya pertama sekali, apakah sebenarnya kelebihan Bindforce ini? Setakat saya sendiri mencari Yang Berhormat Menteri, daripada *track record* nya dan sebagainya, itu saya rasa daripada peringkat awal lagi kemungkinan Bindforce ini tidak layak. Akan tetapi mungkin Menteri mempunyai jawapan yang tersendiri kerana Bindforce ketika zaman Yang Berhormat Pagoh telah diberikan konsesi yang sebesar ini.

Jadi, bagi saya kalau untuk menjalankan satu projek yang bernilai RM243 juta, satu projek tuna internasional ini, saya pun terkejut juga kalau Yang Berhormat Kalabakan tidak ada iri hati. Kalau orang Sabah yang paling layak dapat membantu orang Balik Pulau, tidak ada masalah. Akan tetapi yang saya terkejut itu, daripada sebesar-besar nelayan dari Batu Maung sampai Telok Bahang mungkin sampai ke Kedah ini, tidak ada seorang pun yang layak.

Bindforce inilah satu-satunya yang paling layak. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan, apakah kehebatan Bindforce ini, apakah kriterianya sehingga dapat? Carian saya menunjukkan syarikat ini – saya tidak hendak cakap syarikat RM2 tetapi daripada segi latar belakang untuk menjalankan kerja konsesi sehebat ini, saya rasa saya pertikaikan dan mohon penjelasan Menteri, pertama.

Kedua Yang Berhormat Menteri, projek ini juga melibatkan tanah seluas 25 ekar iaitu satu tempat yang saya rasa yang agak strategik terutama sekali dengan sekarang punya jambatan kedua. Jambatan kedua pun masuk ke Batu Maung juga. Saya rasa sekiranya projek ini berjaya seperti yang dirancang, saya rasa memang tempat itu agak strategik tetapi memandangkan pajakan kawasan tanah milik LKIM pun melibatkan hampir 20 ekar dan tanah milik Kerajaan Persekutuan pun 5 ekar. Jadi saya lihat Yang Berhormat Menteri, di sini hasil tangkapan pun tidak bertambah, dana kerajaan pun bagi saya tidak memulangkan hasil, cabaran nelayan saya rasa memang Menteri sendiri tahu, amat hebat. Atas dasar itu Yang Berhormat Menteri, saya tidak bawa jawapan itu tetapi ketika minggu lepas, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, soalan saya berkaitan dengan bagaimana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memastikan hasil tangkapan nelayan-nelayan tidak terjejas dan bertambah.

Apa yang memeranjatkan saya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sri Gading, sama macam Yang Berhormat Sri Gading. Nelayan di kampung bertanya kenapa hasil tangkapan tidak cukup. Pukat tunda masuk banyak. Menteri jawab di sini, rekodnya. Dia mengatakan rekod dan dia memberikan jawapan secara bertulis tetapi saya tidak yakin sebab keresahan di lapangan lain Yang Berhormat Menteri. Dia kata mengikut rekod, hasil tangkapan ini bertambah-tambah, banyak. Tahun dahulu dengan tahun sekarang banyak. Jadi saya mahu Yang Berhormat Menteri – saya rasa Yang Berhormat Menteri, Menteri yang bertanggungjawab, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang mahu – kebetulan saudaramaranya pun ramai di Sungai Batu, bahawa yang kita kata bertambah itu biarlah yang rasanya itu nelayan di bawah. Bukan kita jabatan kata bertambah tetapi yang di bawah ini tidak merasa, Yang Berhormat Menteri.

Ini kerana di Pulau Pinang ini Yang Berhormat Menteri pun tahu, nelayan masih lagi ada beroperasi dan yang paling kita perlu pastikan bahawa industri nelayan ini biarlah berterusan. Isu yang ada sekarang ini Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri boleh buat kajian, minta jabatan pergi. Rata-rata di kampung nelayan, yang saya tahu secara fakta, Kampung Kuala Jalan Baru, Kampung Kuala Sungai Pinang, ini saya boleh sebut secara *detail*. Anak-anak muda sudah tidak ada di kampung. Ramai sudah pergi ke Jepun, pergi ke Amerika, pergi ke England sebab hendak kerja nelayan hasil tangkapan sudah tidak ada. Selepas itu tambah pula – ini Yang Berhormat Menteri boleh tolong jelaskan, ada pula tanah

Kerajaan Pusat, PERDA beri buat kolam udang di Kampung Kuala Jalan Baru. Hasil air itu masuk ke sungai, ikan habis. Ia keracunan.

Jadi, perkara-perkara ini semua, saya rasa walaupun ia merupakan satu jabatan yang berbeza-beza, ialah, PERDA di bawah Jabatan Perdana Menteri, bawah Yang Berhormat Tasik Gelugor. Pertanian di bawah Menteri. Akan tetapi saya rasa ia memerlukan satu kerjasama, koordinasi yang ketat kerana implikasi *direct* kepada kementerian. Itu saya mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan. Ini bagi saya menjurus secara keseluruhan bagaimana niat kerajaan untuk menjadikan MITP ini menambahkan hasil tangkapan terutama perkara baru, ikan tuna. Saya rasa di Pulau Pinang ikan tuna ini satu perkara yang *special* lah. Kalau boleh dibuat, saya rasa satu perkara yang baik.

Jadi Yang Berhormat Menteri, pada masa yang sama, saya pun bertanya soalan juga kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai isu pukut tunda. Menteri menjawab di sini, saya ingat Timbalan Menteri yang jaga bahagian ini juga, MITP. Kebetulan katanya marin ini sekarang sudah dikhususkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jawapan yang diberikan "*Huh! Kerja-kerja penguatkuasaan amat baik. Sudah ditangkap ramai*". Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya rujuk secara khusus untuk usaha nelayan secara tersendiri. Saya boleh sebut. Namanya Peck Ah Kee. Orang Kuala Jalan Baru. Antara orang yang bertanggungjawab, Persatuan Nelayan Cina dan juga Melayu. Mereka naik sendiri pergi kejar.

Kalau Yang Berhormat Menteri lihat di *YouTube*, saya ada rujuk kepada Timbalan Menteri pada satu hari itu, pergi *YouTube* dan taip "*Nelayan Pulau Betong*." Bagaimana mereka sendiri cuba untuk mengejar, sehinggakan mereka katakan, saya bahas dan Menteri pun ingat saya kata pada hari itu, "*Kalau Barisan Nasional hendak dapat undi orang Balik Pulaulah...*" sebab saya tidak boleh buat. Marin bawah Kerajaan Pusat. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Kerajaan Pusat. Jadi saya beri peluanglah sebab saya tidak boleh buat. Dia kata Yang Berhormat-Yang Berhormat, "*Kalau sesiapa boleh selesaikan...*"

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mengaku kalah sahajalah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mengaku kalah sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak. Kalau hendak menang sebab saya sudah menang ini. Saya hendak beri *chance* dengan UMNO ini. "*Kalau hendak menang, tolong selesaikan masalah pukut tunda*". Hendak saya cakap. Masyarakat Cina nelayan kata kepada saya, "*Yang Berhormat, kalau masalah 20 tahun lebih ini sesiapa boleh selesaikan, kita boleh sokong*". Jadi, bagi saya ini bukan masalah saya menang, siapa menang. Yang saya hendak, nelayan mesti menang. Boleh? Yang Berhormat Menteri, isu yang saya timbulkan di sini kerana jawapan kementerian menggambarkan seolah-olah masalah di lapangan ini tidak ada langsung, semua beres. Jadi, bagi saya di situ ada sedikit *disconnection*.

Yang Berhormat Menteri, mengenai MITP juga di sini dikatakan bahawa perjanjian tersebut telah ditamatkan pada 9 Julai. *"LKIM telah mengeluarkan notis penamatan perjanjian konsesi dengan MITP"*. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, saya tahu secara fakta. Kebetulan saya buat carian dalam *LexisNexis CLJ*. Ada kes yang melibatkan Bindforce, OSK dan sebagainya kerana melibatkan satu *syndication loan*. Yang Berhormat Menteri maklum. Akan tetapi soalan saya, apakah tindakan kerajaan sendiri, tindakan selain menamatkan terutama daripada segi aspek akauntabiliti *governance*, urus tadbir yang baik kerana ia merujuk pada perkara yang nilainya tinggi.

Jadi Yang Berhormat Menteri jawapan dikatakan *"Pada 6 Jun, kerajaan telah bersetuju supaya tanah LKIM Batu Maung Pulau Pinang seluas 20 ekar dibangunkan secara penswastaaan bagi tujuan penyelesaian isu berkaitan penamatan perjanjian di antara LKIM-MITP. Buat masa ini perundingan syarat-syarat dan terma-terma serta kaedah pembayaran bagi tujuan penyelesaian tanggungan kerajaan sedang dijalankan selaras dengan keputusan"*. Yang Berhormat Menteri, memandangkan perkara ini di peringkat ini, saya pertama sekali mengenai kebertanggungjawaban. Kedua, apa tindakan Menteri untuk mendapatkan balik dana yang telah digunakan? Di sini saya katakan tidak digunakan secara sewajarnya.

■1520

Saya tidak mengatakan jenayah, saya tidak mengatakan rasuah, saya tidak mengatakan lagi – belum di tahap itu. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan dan saya rasa kebetulan perkara ini telah masuk di dalam PAC. Mungkin Menteri boleh secara bertanggungjawab menjelaskan perkara ini.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri, di peringkat ini saya ingin kalau boleh Menteri bersikap telus di sini, apa syarat-syarat baru yang akan dikenakan ini? Ini kerana dikatakan di sini, *"Buat masa ini perundingan syarat-syarat dan terma-terma serta kaedah pembayaran bagi tujuan penyelesaian tanggungan kerajaan sedang dijalankan selaras dengan keputusan di atas"*. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri arif mengenai undang-undang. Kalau ia di antara dua pihak *private parties*, ia boleh diselesaikan secara sebegitu sahaja. *Willing parties*. Akan tetapi di sini Yang Berhormat Menteri, saya memberi sisi yang lagi satu iaitu ini melibatkan kerajaan, *tax payers money*. Saya rasa apa-apa perjanjian penyelesaian perundingan dan sebagainya, mesti dijelaskan. Kalau tidak, ia akan menimbulkan tanda tanya yang besar bagaimana isu Danaharta dan juga MAS diselesaikan. Saya rasa MAS melibatkan lebih RM500 juta. Ini melibatkan lebih RM243 juta.

Jadi Yang Berhormat Menteri saya rasa seorang Menteri dan peguam yang juga arif dalam perkara ini. Ia perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini apa terma-terma pembayaran bagi tujuan-tujuan tersebut dan apa sebenarnya tindakan punitif kepada mereka-mereka yang terlibat? Kalau Yang Amat Berhormat Pagoh punya satu keputusan yang cuai dan tidak

bertanggungjawab, ia perlu dijelaskan. Kalau LKIM, kalau Bindforce, kalau MITP itu sendiri, saya rasa ia perlu dijelaskan di Dewan ini. Itu sahaja, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batang Sadong.

3.21 ptg

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini. Pertama ialah Butiran 15700 – Rancangan-rancangan Pengairan Sarawak bersama dengan Butiran 15800 – Rancangan-rancangan Saliran Sarawak.

Saya menyentuh mengenai perkara ini sebab saya perhatikan dalam kawasan pertanian seperti kawasan saya sendiri, saya rasa banyak perkara yang perlu diatur dan perlu dibantu oleh Jabatan Pertanian untuk membantu petani-petani di kawasan kita bagi meningkatkan taraf cara mereka bertani. Ini kerana saya perhatikan infra mereka perlu dibantu bagi membolehkan mereka untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Selain daripada itu juga, ingin saya menyentuh di sini mengenai Butiran 120600 – Insentif Peningkatan Hasil Padi. Di sini saya ingin menyentuh mengenai terutama sekali mesin padi. Ini kerana ramai yang terlibat dalam penanam padi, namun masih banyak yang memerlukan mesin-mesin padi di mana mereka memohon daripada kita tetapi banyak mana sahaja yang boleh kita bantu. Saya mengharapkan pihak Jabatan Pertanian atau kementerian boleh melihat kepada perkara ini dan menimbangkan berapa banyak aktiviti penanaman padi di satu-satu tempat itu dan boleh membantu memberi mungkin mesin padi yang lebih besar lagi daripada apa yang boleh kita bantu.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh di sini Butiran 090000 seperti rakan-rakan yang lain, iaitu LKIM. Di kawasan kita Tuan Pengerusi, kita adalah kawasan pertanian dan juga kawasan nelayan. Jeti-jeti nelayan ataupun jeti-jeti untuk mengangkut barang-barang pertanian memang begitu penting sekali. Memang ada yang sudah ada jeti tetapi sudah usang dan banyak memerlukan bantuan untuk dibina baru ataupun ada yang memang langsung tidak ada jeti sebab ada yang sudah hanyut oleh ombak. Jadi ramai juga yang memohon bantuan daripada kita, tetapi saya rasa mungkin pihak pertanian boleh membantu melalui MPPP yang ada melalui Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen. Mungkin ini salah satu daripada cara untuk membantu. Ini kerana memang banyak sekali jeti yang memerlukan bantuan untuk dibina dan juga untuk diperbaiki. Jadi saya rasa sebagai wakil di sana tidak mampu untuk memberi melalui peruntukan yang ada. Saya mengharapkan pihak kementerian boleh melihat kepada perkara ini bagi membolehkan kita melicinkan segala permohonan yang telah dipohon melalui kita.

Selain itu juga, saya hendak menyentuh di sini ialah mengenai Butiran 050000 – MARDI khususnya kepada pengusaha kecil. Apa yang saya fahami adalah MARDI ini kalau

sesiapa mahu membawa produk mereka untuk diuji ataupun untuk mendapat bantuan dari segi nasihat MARDI bagi membolehkan mereka menjadikan produk mereka sebagai produk komersial, mereka kalau ada kursus pun mereka perlu mengeluarkan fi yang minimum sekali. Memang minimum sekali, kita akui. Akan tetapi, tahulah orang-orang kampung ini, kalau untuk berkursus pergi ke tempat MARDI, itu satu perkara yang memerlukan kos bagi mereka apatah lagi kalau untuk membayar. Kita boleh membantu tetapi banyak mana yang boleh kita bantu. Saya mengharapkan agar pihak MARDI melalui Kementerian boleh menyerapkan kos-kos tertentu dan datang ke kawasan-kawasan yang mempunyai projek-projek pertanian ini bagi membolehkan orang kampung yang ingin menjadi pengusaha kecil ini untuk menjadikan produk mereka sebagai produk komersial.

Satu lagi butiran yang ingin saya sentuh di sini Tuan Pengerusi ialah Butiran 86000 – *Strategic Reform Initiative*. Tuan Pengerusi, saya amat mengagumi apa yang dinyatakan oleh Kementerian Pertanian iaitu pertanian itu adalah perniagaan. Jadi sejauh mana ini boleh dicapai? Ini kerana setakat ini, kalau kita perhatikan terutama sekali golongan muda, masih lagi tidak tertarik kepada aktiviti pertanian di kawasan mereka padahal mereka yang berasal dari kawasan luar bandar ini sebenarnya amat beruntung kerana mempunyai tanah yang begitu luas sekali. Akan tetapi saya perhatikan ramai yang lebih menumpukan perhatian kepada perladangan. Jadi kita takut apa yang telah dirancang oleh kerajaan, misalnya kerajaan sekarang ini mempunyai Dasar Agro Makanan dan macam-macam dasar yang telah diajukan untuk membantu mereka yang ingin terlibat dalam aktiviti pertanian, tetapi saya tidak nampak galakan yang begitu menyerlah sekali ataupun menarik minat sekali di kalangan golongan muda.

Jadi saya hendak menyarankan di sini, mungkin kita boleh menggiatkan lagi aktiviti ini supaya ia boleh setanding dengan apa yang berlaku di luar negara di mana petani mempunyai status ekonomi yang begitu tinggi sekali ataupun status sosial mereka begitu tinggi sekali di kalangan masyarakat mereka. Jadi macam manakah cara kita untuk menarik minat golongan muda supaya mereka juga turut serta dalam aktiviti pertanian, tidak lari daripada kawasan luar bandar dan pergi mencari pekerjaan lain. Jadi mungkin Kementerian Pertanian boleh mengadakan perancangan yang lebih fokus kepada golongan muda supaya mereka melihat aktiviti pertanian ini sebagai satu aktiviti yang begitu mempunyai tarikan yang tinggi sekali.

Dua butiran yang ingin saya sentuh di sini iaitu Butiran 10770 dan juga Butiran 10700 mengenai ternakan itik dan pembangunan industri ayam. Sekali lagi saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian di sini kerana kita sebagai Ahli Yang Berhormat selalu menerima permohonan daripada penduduk kampung khususnya golongan wanita yang ingin menceburkan diri dalam ternakan itik dan juga industri menternak ayam dan industri ayam ini. Mereka sering kali memohon kita untuk membantu mereka memulakan infrastruktur itu, memberi mereka bantuan dari segi kandangnya, belajar macam mana untuk menternak itik dan

ayam. Jadi bagaimanakah kementerian boleh membantu mereka-mereka ini dan seterusnya bukan sahaja membantu mereka dari segi kemahiran menternak ayam itik ini tetapi juga untuk membantu mereka mencari pasaran. Biar mereka menumpukan perhatian mereka di kampung. Ini kerana kalau pihak kementerian memahami keadaan di kawasan-kawasan luar bandar ini, kalau mereka hendak keluar untuk menjual hasil mereka ini, terlalu sukar, terlalu jauh apatah lagi kalau golongan wanita.

■ 1530

Wanita ini selain mereka tinggal di kampung itu, mereka juga hendak membantu menambah hasil pendapatan keluarga mereka dengan juga turut serta dalam menternak ayam dan itik. Jadi kalau mereka dapat dibantu, maka dengan itu juga secara tidak langsung kita juga boleh membantu mereka untuk berdikari. Jadi saya harap pihak kementerian dapat membantu memberi penjelasan, kalau boleh penjelasan itu juga dalam bentuk memberi kita satu perangsang untuk membantu masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertanian. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.31 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet untuk Kementerian Pertanian. Saya hanya hendak bawa satu perkara penting, di bawah Butiran 010300 – Pembangunan dan juga dalam 030400 – Penyelidikan Perkhidmatan Veterinar dan 040200 – Pengurusan dan Perlindungan Sumber Perikanan.

Tahun lalu juga saya telah bawa isu yang sama iaitu apakah tempat dalam pelan induk untuk pertanian untuk pekebun dan penternak kecil yang mengusahakan tanah kerajaan. Saya syorkan kapasiti mereka boleh dibina jika mereka diberi sekuriti atas tanah yang mereka pakai. Akan tetapi nampaknya syor saya tidak diterima oleh kementerian. Baru-baru ini di Sungai Siput, pada Ogos tahun ini, 25 orang pekebun dan penternak di belakang Sungai Buloh di Sungai Siput telah menerima surat pengusiran. Kawasan mereka seluas 120 ekar telah diberi kepada anak syarikat PKNP – Perbadanan Kemajuan Negeri Perak untuk satu projek *mix development* pembangunan rumah dan kedai-kedai.

Mereka ini telah menggunakan kawasan ini selama 20 sampai ke 40 tahun, dulu bapa mereka dan sekarang mereka. Sekarang mendapat notis pengusiran daripada peguam dari PKNP. Apa yang mendukacitakan ialah langsung tiada usaha oleh pihak berkuasa untuk berjumpa dengan mereka terlebih dahulu atau untuk bincang masalah mereka ataupun memberikan mereka tawaran tempat lain untuk meneruskan penternakan mereka atau usaha kebun mereka.

Saya tahu isu pemberian geran dan tanah ini adalah di bawah kawalan negeri tetapi saya rasa di dalam satu situasi di mana pihak-pihak kerajaan negeri tidak begitu peka pada

masalah petani dan penternak di mana kerajaan negeri tidak sedar akan pentingnya industri pengeluaran bekalan makanan. Jika begini, saya rasa kegagalan pihak kementerian untuk memberi kepentingan kepada petani, pekebun dan penternak kecil juga merupakan satu sebab pada masalah ini. Saya rasa adalah peranan kementerian untuk mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri betapa penting usaha pertanian ini.

Kita ada pekebun, penternak, penternak ikan, lembu yang ada banyak kemahiran. Mereka sudah buat kerja dan usaha mereka untuk beberapa dekad, ini satu usaha keluarga mereka. Jadi mungkin mereka ada 20, 40 tahun pengalaman yang begitu dalam. Mereka telah usahakan tanah-tanah pinggir, bekas lombong, tanah pasir dan mereka memainkan peranan penting untuk meningkatkan dan mengeluarkan bahan-bahan makanan. Apakah salahnya kita meningkatkan lagi keluaran mereka. Setakat ini, tahap sara diri komuniti makanan untuk sayur-sayuran hanya 40%, ini mengikut *website* daripada Kementerian Pertanian, *only 40%*. Daging lembu hanya 27%, susu 5% sahaja tahap sara diri, ini mengikut *website* daripada kementerian.

Jadi apakah salahnya kita buat *leverage* kekuatan kita, pengalaman mereka, kemahiran mereka untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan. Saya rasa Kementerian Pertanian harus beri bimbingan dan pimpinan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mereka ambil penting terhadap isu ini. Saya rasa satu langkah yang paling penting untuk mereka ialah untuk wujudkan sekuriti atas tanah yang mereka usahakan. Jika mereka ada sekuriti, mereka berani untuk melabur lagi dalam industri mereka dan ini akan mempertingkatkan.

Akhirnya, pekebun-pekebun saya di Sungai Siput ini ingin menjemput Menteri ke Sungai Siput kerana mereka mahu Menteri melawat ke kawasan mereka supaya mereka boleh tunjuk secara *direct* bagaimana luas apa yang mereka. Jadi mungkin dapat faham apa peranan yang dimainkan oleh mereka dan kita boleh bertukar-tukar fikiran dan mungkin boleh bawa satu dasar yang lebih baik untuk penternak dan pekebun kecil. Terima kasih Tuan Pengerusi.

3.36 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Pertamanya saya rujuk kepada Butiran 10700 berkaitan Pembangunan Industri Ayam dan Butiran 29000 – Kesihatan Awam Veterinar.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan semula isu pencemaran lalat di kawasan Machap di bawah kawasan Parlimen Simpang Renggam. Masalah ini telah lama wujud dan setiap kali saya bawa ke mesyuarat tindakan daerah Kluang, ianya tidak dapat diselesaikan. Juga bila dibawa oleh dua orang ADUN saya di Dewan Undangan Negeri Johor, juga tidak dapat diselesaikan. Jadi saya sebenarnya telah kemukakan satu surat yang ditandatangani oleh saya bersama dengan dua orang ADUN dan juga 30 orang ketua kampung dan juga ketua masyarakat kepada Yang Berhormat Menteri pada bulan Julai. Jadi saya ingin tahu apakah

tindakan yang akan diambil oleh kementerian bagi menyelesaikan masalah pencemaran lalat yang berpunca dari lebih kurang 20 buah reban ayam berdekatan?

Jadi di samping itu saya juga melihat bajet yang diperuntukkan untuk pembangunan industri ayam ini amat kecil. Saya difahamkan dulu, memang kementerian ada peruntukan untuk membantu penternak-penternak ayam menukar sistem mereka daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup. Akan tetapi apabila saya lihat bajet kali ini agak kecil, mengapa ia tidak diteruskan lagi?

Seterusnya berkaitan Butiran 110000 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Kelmarin sebenarnya saya berjumpa dengan 20 orang pekebun kecil nanas di kawasan saya dan saya diminta menyampaikan beberapa masalah. Pertamanya berkaitan subsidi. Saya difahamkan sehingga tahun 2010, kementerian menyalurkan subsidi setan RM78 tetapi ianya tidak diteruskan lagi. Jadi saya ingin bertanya mengapakah ianya dimansuhkan dan tidak diteruskan lagi? Selain itu juga mereka berpendapat bahawa kelulusan untuk permohonan pekerja asing terlalu lambat. Walaupun saya tahu ini bukan di bawah bidang kuasa kementerian tetapi saya harap kementerian dapat membantu kerana kekurangan pekerja telah pun banyak mengurangkan hasil tanaman nanas.

Ketiganya, mereka juga tidak berpuas hati dengan gaji minimum kerana mereka rasa ianya sepatutnya tidak dikenakan kepada pekerja asing. Kalau kepada orang Malaysia mereka faham tetapi kepada pekerja asing seperti orang Indonesia, seperti mana telah pun dipersetujui antara Malaysia dan Indonesia, seorang RM750 sebulan. Jadi gaji minimum ini sepatutnya tidak dikenakan kepada pekerja asing. Jadi saya harap kementerian dapat memandang perkara tersebut dan membantu industri nanas di kawasan Simpang Renggam. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

3.39 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara dalam B.21 dan P.21 Kementerian Pertanian ini. Pertamanya mengenai Lembaga Kemajuan Ikan, 090000 ini.

■1540

Saya ingin bertanya bagaimana Menteri membuat *rating* terhadap kemajuan program perikanan laut dalam ini. Sama ada ianya telah dapat membantu menyediakan bekalan ikan di dalam negara dengan mencukupi dan berupaya untuk mengawal harga ikan di pasaran kita. Ini kerana kenaikan harga ikan di pasaran termasuk di pasar-pasar tani kita juga kebelakangan ini memang amat curam kenaikannya dan ini tentulah membebankannya. Jadi, macam mana peranan LKIM. Adakah ianya berjaya kerana bagi pendapat saya, kalau kita bersedia untuk menambah peruntukan lebih daripada RM108 juta yang ada ini, kalau ianya boleh menjamin

satu bekalan yang berterusan dan dapat menstabilkan harga ikan di pasaran, saya rasa kita harus memberikan dokongan dan sokongan yang terbaik.

Yang keduanya dalam P.21 Tuan Pengerusi, mengenai projek pertanian yang lain, yang tidak diperincikan jenis-jenisnya yang berjumlah agak besar iaitu RM111 juta. Saya ingin mendapat kepastian, apakah *breakdown* ataupun pecahan peruntukan ini dan untuk projek apa dan di mana. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian memberikan perhatian kepada usaha-usaha yang disebut oleh Yang Berhormat Batang Sadong tadi seperti meningkatkan pertanian secara kecil-kecilan di kalangan penduduk-penduduk kampung. Bagi mereka, aset yang ada ialah tanah. Tanah ini walaupun ianya merupakan persekitaran rumah mereka tetapi di setengah tempat, ianya cukup besar untuk membolehkan mereka mendapat hasil yang boleh membantu pendapatan mereka. Kalau kita lihat kesedaran ini dalam konteks Malaysia ini, masih banyak kawasan-kawasan perkampungan kita yang diisi ataupun ditumbuhi oleh semak samun yang tidak produktif.

Saya nak mencadangkan supaya kementerian melihat bagaimana LPP ke ataupun PPK ke, dapat bergabung dengan pihak pemasaran FAMA dan juga pihak yang membuat penyelidikan seperti *strategic reforms* ini, yang ada di dalam bajet ini, boleh memikirkan bagaimana hendak menaikkan semangat dan juga skil ataupun keterampilan penduduk kampung ini untuk terlibat dalam pertanian kecil-kecilan ini. Ini kerana saya lihat kalau di sesetengah negara itu, kalau kita tengok di Korea Utara pun contohnya, satu negara yang agak mundur. Akan tetapi bila bab pertanian ini, mereka membangunkan hampir setiap inci bumi yang ada di sekeliling *hamlet* mereka ataupun *commune* mereka dengan pertanian-pertanian yang memberikan pendapatan yang baik. Jadi, saya rasa ini tidaklah sesuatu yang mustahil kerana walaupun penduduk-penduduk kita terlibat dengan kerjaya-kerjaya mereka tetapi ada pihak-pihak yang mungkin berumur sedikit, ibu-ibu tunggal misalnya ataupun mereka yang sudah bersara, mungkin dengan sedikit petunjuk, saya tidak menyatakan bantuan kewangan sangat tetapi tunjuk ajar.

MARDI boleh membantu daripada segi penyediaan benih dan teknologi pertanian dan pemasaran. Saya rasa ianya tidak akan mengikat mereka dengan satu bentuk pinjaman yang membebankan tetapi lebih kepada ilmu untuk menguruskan tanah mereka yang buat masa ini saya anggap terbiar.

Seterusnya, dalam P.21 ini, Butiran 10830 – Kawalan dan Pembasmian Penyakit Haiwan. Kita sesekali dikejutkan juga dengan *outbreak* ataupun kejadian penyakit-penyakit yang meningkat seperti sakit kuku dan mulut yang boleh bukan hanya membahayakan haiwan ternakan tetapi juga manusia biasa. Jadi saya ingin bertanya, apakah kementerian merasa dengan RM3.08 juta ini kita boleh melaksanakan satu program pembasmian dan kawalan (*control and eradication*) penyakit-penyakit ini. Ini kerana tentulah pembasmian dan kawalan ini memerlukan teknologi imunisasi, pembuatan vaksin-vaksin. Walaupun saya percaya kita tak

perlu mencipta roda, boleh mengimport vaksin-vaksin ini. Akan tetapi kalau melihat jumlah ternakan kita yang begitu besar, adakah jumlah ini mencukupi? Saya ingin mencadangkan supaya kita mempertimbangkan satu jumlah yang lebih munasabah supaya kita dapat menghilangkan ancaman-ancaman daripada penyakit-penyakit haiwan ini yang ada dalam negara kita.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya mundur sedikit kepada B.21. Kita memperuntukkan hampir RM2.2 bilion di sini saya tengok kepada aktiviti yang berkaitan padi dan beras sama ada subsidi padinya kah atau subsidi beras. Ini merupakan satu jumlah yang cukup besar dan walaupun besar, ianya saya lihat strategik dalam konteks menjaga muslihat keselamatan makanan kita. Saya ingin bertanya, apakah jumlah yang sebegini besar telah memberikan suatu pulangan di mana subsidi ini betul-betul dinikmati oleh pihak yang terlibat dengan industri ini. Dalam konteks harga beras, ianya dinikmati oleh rakyat yang memerlukan dan tidak dinikmati oleh pihak-pihak yang berupaya untuk menikmati beras yang lebih baik yang tidak diberikan subsidi. Jadi, adakah kementerian mempunyai suatu data yang boleh menceritakan mengenai kejayaan program subsidi, khususnya subsidi harga beras ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Silam.

3.47 ptg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, mengizinkan saya untuk turut sama bagi membahaskan peruntukan untuk Kementerian Pertanian Perindustrian dan Industri Asas Tani dalam peringkat Jawatankuasa. Saya akan menyentuh Butiran 030000, 040000, 120300, 130200. Tuan Pengerusi, terutamanya Program Perkhidmatan Veterinar. Saya ingin bertanya kepada kementerian, terutamanya dalam program penyelidikan serta pembangunan sumber teknologi ternakan. Saya dapati kalau di negeri Sabah sekarang ini, terutamanya dalam bidang ternakan ini semakin mendapat tempat. Beberapa orang usahawan pun telah berjaya mendapat anugerah hasil daripada kegiatan perusahaan yang mereka ceburi. Saya dapati juga industri penternakan ini, potensi ia untuk, terutamanya di negeri Sabah sangat baik dalam bidang industri halal. Kalau daripada segi tumpuan sekarang ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian, terutamanya pewujudan Halal Hub. Setakat ini kita tahu ia bertumpu di kawasan negeri-negeri Semenanjung. Adakah di masa akan datang ada perancangan untuk mewujudkan industri Halal Hub ini di kawasan negeri Sabah terutamanya di kawasan pantai timur. Ini kerana saya dapat maklumat daripada Jabatan Veterinar Daerah Lahad Datu bahawa ternakan seperti lembu daging dan kambing, kita dapati bahawa kawasan Lahad Datu sekarang menjadi antara kawasan yang menjadi pusat pengeluaran yang terbesar di negeri Sabah. Adakah inisiatif kerajaan, kementerian, terutamanya dalam bidang

penyelidikan dan pembangunan dan sumber teknologi ternakan ini bagi mewujudkan satu kawasan secara kekal.

Barangkali kalau di kawasan Tawau saya dapati ada kawasan pusat pertumbuhan makanan. Kalau belum ada secara spesifikasinya ditetapkan, saya mohon supaya kementerian dapat memikirkan untuk mewujudkan industri ternakan ini secara besar-besaran di negeri Sabah. Terutamanya terletak di kawasan pantai timur, terutamanya dalam *area* yang berhampiran dengan kawasan Parlimen Kinabatangan dan Parlimen Silam.

■1550

Saya dapati kalau diatur dengan baik dari segi aktiviti penternakan ini, sudah tentu ia boleh dimajukan dan boleh memberi peluang-peluang pekerjaan yang baru terutamanya kepada generasi muda sebab bersesuaian, kita ada vokasional pertanian di kawasan pantai timur. Jadi, barangkali dari segi sumber tenaga untuk memajukan industri ini sebagai satu bidang kerjaya terutamanya kepada generasi muda, sudah tentu dapat kita manfaatkan. Saya minta kementerian jika ada perancangan di masa akan datang dapat dilaksanakan terutamanya kalau sudah penghujung Rancangan Malaysia Kesepuluh mungkin di peringkat Rancangan Malaysia Kesebelas.

Seterusnya butiran di bawah perikanan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung dengan aktiviti akuakultur yang saya tahu kawasan Parlimen Silam pada tiga tahun yang lepas telah diwartakan sebagai pusat akuakultur negara. Setakat ini Tuan Pengerusi, saya dapati walaupun ada aktiviti akuakultur di kawasan saya tetapi ia hanya dikendalikan oleh pihak swasta sedangkan kita dapati terutamanya kawasan-kawasan pesisir pantai kalau dari segi Parlimen Silam, Sandakan dan Semporna memang termasuk dalam kawasan yang banyak aktiviti nelayan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, setakat ini sudah berapa jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk pembangunan pusat akuakultur di kawasan Parlimen Silam ini. Masalah yang diperolehi, saya dapati iaitu dari segi penempatan untuk membuat pusat kajian ataupun penyelidikan terutamanya kawasan berhampiran Dewata berhampiran dengan kawasan jalan Kampung Silam di kawasan Daerah Lahad Datu yang setakat ini belum ada lagi petanda-petanda yang menampakkan bahawa pusat akuakultur negara ini dapat dijalankan dengan sepenuhnya di kawasan negeri Sabah. Saya berharap sebab secara tidak langsung kita dapati rakyat di negeri Sabah ini sebenarnya dari segi peluang untuk memajukan industri akuakultur dan perikanan ini banyak peluangnya dan kita dapati dari segi belia juga, mereka tidak begitu gemar terlalu berhijrah ke kawasan semenanjung. Mungkin faktor keluarga dan sebagainya. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh tidak suruh panjang tetapi sebenarnya ini kepentingan untuk kita semua. Saya minta supaya kementerian ini dapat meningkatkan usaha untuk memajukan industri akuakultur ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di negeri Sabah. Pada tahun lepas saya telah meminta kepada kerajaan untuk memperluaskan lagi pembinaan dan perwujudan pejabat-pejabat FAMA ataupun kios-kios yang memasarkan aktiviti pertanian untuk penduduk kawasan luar bandar. Saya dapati setakat ini kebanyakan peranan FAMA itu hanya lebih bersifat kepada pemudah cara kepada usahawan-usahawan terutamanya di kawasan luar bandar. Saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan iaitu agensi FAMA ini dapat diperluaskan dan dijadikan satu institusi yang betul-betul membuat kajian tentang bagaimana memasarkan hasil-hasil pertanian untuk masyarakat luar bandar dan bagaimana mereka boleh membantu orang-orang kampung untuk meningkatkan lagi dari segi hasil yang mereka keluarkan sebab kita dapati bahawa aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat luar bandar terutamanya yang ada kaitan dengan pertanian yang melibatkan FAMA ini sebenarnya mereka lebih menumpukan bidang kerja tersebut. Ada baiknya kalau kementerian dapat memikirkan supaya dapat mengarahkan FAMA ini lebih proaktif dan memberi latihan secara latih tubi kepada masyarakat luar bandar, memberi tunjuk cara, mekanisme bagi meningkatkan hasil mereka terutamanya dalam penglibatan pengeluaran industri hiliran.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang saliran dalam butiran ini iaitu saya dapati terutamanya di kawasan DUN Tungku dan di kawasan Segamak dalam DUN Lahad Datu. Tuan Pengerusi, saya dapati saliran-saliran di kawasan luar bandar dalam aktiviti pertanian agak banyak masalah sebab kadang-kadang kalau berlaku musim tengkujuh ataupun banjir terutamanya di kawasan kampung-kampung Segamak, aktiviti pertanian memang terlalu terhad dan saya dapati masalah saliran di kawasan tersebut perlu diperbaiki.

Saya mohon kepada kerajaan terutamanya kementerian ini dapat meningkatkan lagi bantuan untuk majlis pertanian Parlimen kawasan bagi membolehkan mereka dapat membantu dari segi meningkatkan prasarana terutamanya di kawasan-kawasan yang ada aktiviti pertanian yang melibatkan parit dan saliran. Di samping itu, saya juga ingin memohon juga supaya kementerian dapat mempertimbangkan untuk menambahkan lagi peruntukan-peruntukan untuk jalan-jalan ladang ataupun jalan-jalan yang terlibat dalam perladangan di kawasan-kawasan luar bandar. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.56 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri saya peluang untuk berbahas dalam tajuk ini. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 21 Butiran 120900 – Subsidi Harga Beras. Tuan Pengerusi, subsidi harga beras itu satu peruntukan yang besar. Tiap-tiap tahun diberi peruntukan sebagai subsidi harga beras dan alasan yang diberi oleh kerajaan untuk meneruskan subsidi yang begitu besar iaitu dalam tahun 2012 sejumlah RM488 juta telah diperuntukkan sebagai subsidi harga beras. Tahun akan

datang 2013, RM528 juta diperuntukkan untuk subsidi harga beras. Alasan yang diberi oleh kerajaan untuk meneruskan subsidi itu adalah untuk menstabilkan harga beras khususnya beras hancur ST15%. Menstabilkan dia pada tahap RM1.80 sekilogram supaya rakyat dapat menikmati beras dengan harga yang lebih murah.

Saya ingin tahu apakah ini adalah alasan *official* yang diberi oleh kerajaan. Akan tetapi kalau kita meneliti harga antarabangsa beras hancur 15%, tahun ini 2012 sejak Januari hingga Oktober purata harga beras hancur ST15 yang dieksport oleh Thailand adalah lebih kurang USD550 satu tan iaitu lebih kurang RM1,700 satu tan. Maksudnya harga beras hancur ST15%, harga yang kita boleh beli daripada Thailand ini adalah lebih kurang RM1.70 satu tan dan kita jual harga beras hancur ST15 di pasaran kita ini RM1.80.

■1600

Tanpa subsidi penjual-penjual beras masih boleh buat keuntungan kerana mereka dapat import dengan harga RM1.70 sekilo dan jual pada harga RM1.80 sekilo. Ini harga beras hancur ST15 yang dijual dari Thailand dan kalau kita lihat lagi harga antarabangsa harga beras hancur 15% yang dijual, dieksport daripada Vietnam.

Dari *research* saya, dari harga beras hancur 15% yang dieksport dari Vietnam sejak Januari 2012 hingga Oktober 2012, harga puratanya lebih kurang USD413 sahaja iaitu lebih kurang RM1.30 sekilo. Inilah harga purata beras hancur ST15 yang dieksport daripada Vietnam. Ada perbezaan yang besar iaitu kalau pemborong-pemborong atau penjual beras tempatan di negara kita jual daripada harga RM1.80 mereka dapat import daripada Vietnam dengan RM1.30. Setiap kilo beras yang dijual oleh mereka di Malaysia dengan harga RM1.80 mereka boleh untung lebih kurang 50 sen. Kalau tolak *cost of transport* 40 sen lebih sekilo sahaja.

Ini merupakan keuntungan yang sangat besar untuk penjual dan pemborong beras di negara kita dan tambahan lagi apakah sebab dengan keuntungan yang begitu besar yang boleh diperolehi daripada *free market trading*, kerajaan masih memperuntukkan satu jumlah yang begitu besar. Untuk tahun ini sahaja tahun 2012 sejumlah RM488 juta telah diperuntukkan di bawah butiran subsidi harga beras dan tahun yang akan datang, lebih banyak lagi. Nampaknya tidak ada satu keperluan untuk kita memperuntukkan satu peruntukan yang begitu besar untuk harga subsidi harga beras kerana dengan *free open trading*, penjual-penjual beras boleh membuat keuntungan, memperoleh keuntungan dengan mendapatkan harga beras hancur 15% pada tahap RM1.80 sekilo.

Oleh itu saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri sama ada apakah sebabnya walaupun harga beras hancur 15% antarabangsa telah turun dengan begitu rendah harganya kita masih membelanjakan begitu banyak duit untuk subsidi. Adakah ini duit hanya untuk keuntungan peribadi BERNAS atau pemborong-pemborong yang diberikan kuota bulanan untuk menjual beras hancur 15%. Sama ada unsur-unsur rasuah di dalam operasi ini atau ketirisan

yang amat serius kerana nampaknya tidak masuk akal langsung dengan harga yang begitu rendah, harga antarabangsa yang begitu rendah masih kita kerajaan memberikan itu peruntukan subsidi yang begitu banyak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, Tuan Pengerusi. Saya dengar analisis yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tadi memberikan kefahaman kepada saya bahawa kita tidak usah peduli dengan petani-petani tempatan. *Let's have a free trade.* Banyak import lah sebab murah apa. Buat apa keluarkan hasil padi tempatan, mahal. Itu pada pemahaman saya, semata-mata kerana untuk mendapat faedah dari segi perbezaan harga beras yang boleh kita beli daripada luar negara.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, sedarkah kalau kita praktis dasar yang sebegini rupa, apa akan jadi kepada petani-petani kita? Yang Berhormat adakah bercadang persetankan sahaja petani-petani padi dalam negara kita? *Just because of* duit maka petani-petani kehidupan mereka biar hancur, tidak ada pekerjaan, tidak ada kehidupan dan sebagainya. Kita perlu faham bahawa *cost of production* di Vietnam dengan Thailand tidak sama *cost of production* di dalam negara kita ini. *Labour*, lain-lain kos, *direct cost*, lebih mahal kalau dibandingkan dengan kos di Vietnam dan juga di Cambodia. Gaji mereka satu bulan berapa? Satu hari berapa?

Saya hendak beritahu di China pekerja kilang gaji dia RM50 sahaja satu bulan. Adakah Yang Berhormat ingin melihat nasib rakyat negara kita ini pendapatannya rendah? [*Dewan riu*] Itu kalau tidak tahu tanya dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Salak. Kita ada peruntukan yang lain untuk petani-petani padi. Ini ada subsidi kepada petani-petani padi. Itu basis rasional kita memberi subsidi harga beras ini dilaksanakan pada masa harga antarabangsa beras telah melonjak dengan begitu mendadak sehinggakan RM2 – RM3 satu kilogram beras hancur 15% dan dieksport daripada Thailand. Itulah masa yang kita mulakan memberi subsidi atas beras hancur 15%. Ini adalah topik yang berbeza. Ini adalah subsidi yang berbeza.

Oleh itu saya ingin mendapat satu jawapan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri ada benar-benar pergi siasat apakah harga sekarang dan kalau kita bandingkan dengan harga 2-3 tahun lalu semasa ada *food supply crisis* antarabangsa di mana beras yang dieksport daripada Thailand sampai ke tahap harga RM2–RM3 satu kilogram.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Habis masa Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, benarkan saya sebutkan satu topik sahaja lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebenarnya masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada kekacauan, satu topik sahaja lagi. Ada kekacauan daripada Yang Berhormat Pasir Salak.

Isu yang kedua ini adalah berkaitan dengan nelayan di bawah butiran perikanan. Nelayan-nelayan pemegang lesen A dan B di Sarawak mereka sudah lama meminta kerajaan supaya melonggarkan itu polisi mengharamkan pengupahan orang asing untuk menangkap ikan di kapal-kapal mereka tetapi permintaan mereka tidak dilayan. Kesusahan ini timbul kerana di Sarawak pemuda-pemuda tidak berminat untuk menangkap ikan di bot-bot nelayan lesen A dan B.

■1610

Oleh itu, mereka walaupun buat iklan di surat khabar, buat iklan di radio, tidak ada orang tempatan, pemuda tempatan yang berminat untuk menjadi nelayan di kapal nelayan 'A' dan 'B'. Situasi di Sarawak adalah berbeza besar dengan situasi di Semenanjung. Di semenanjung sini, nelayan bot 'A' dan 'B' mereka pagi keluar untuk tangkap ikan, malam sudah balik. Di Sarawak satu trip akan memakan masa 10 hari lebih dan tanpa seorang penolong nelayan. Mereka hanya seorang saja, tidak boleh menjalankan penangkapan ikan.

Oleh itu, saya haraplah kerajaan boleh melonggarkan polisi ini supaya membenarkan pemegang lesen nelayan bot 'A' dan 'B' di Sarawak untuk mengupah orang asing seorang atau dua orang sahaja penolong nelayan supaya mereka dapat menjalankan penangkapan ikan dengan lancarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lagi banyak ini Yang Berhormat. Kita sudah 32 orang bercakap. Yang Berhormat Pasir Salak. Saya hendak dengar Yang Berhormat Pasir Salak cakap.

4.11 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan dengki. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri saya peluang. Saya ada satu dua perkara sahaja yang saya hendak sebutkan di sini iaitu kita melihat di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini ada banyak butir-butir di situ saya rangkumkan iaitu FAMA, MARDI dan sebagainya juga LPP, dengan peruntukan yang besar setiap satu badan dan mereka ini setiap satu daripadanya melaksanakan satu matlamat iaitu hendak memajukan hasil pertanian negara kita.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, boleh tidak difikirkan, diwujudkan satu unit ataupun unit penyelaras. Saya mungkin boleh beri nama ACA, bukan *Anti-Corruption Agency* tetapi *Agriculture Coordinating Agency* dengan tujuan untuk menyelaras semua badan-badan

dan juga pertubuhan atau institusi di bawah kementerian ini supaya ianya dapat dicapai satu usaha yang memberikan impak yang tinggi kepada kemajuan industri pertanian dalam negara kita. Ini kerana kita terpaksa menerima hakikat bahawa saya rasa hasil keluaran pertanian kita belum mencapai kejayaan seperti negara-negara lain yang jauh lebih berjaya dalam membangunkan hasil pertanian dan pemprosesan, pemasaran dan memberikan pulangan yang tinggi, pendapatan yang tinggi kepada petani-petani.

Jadi kita lihat hari ini FAMA, MARDI dan sebagainya bertahun-tahun lamanya dengan peruntukan berpuluh-puluh juta dan beratus-ratus juta menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, tetapi kita tidak nampak kejayaan yang dicapai dalam meningkatkan secara besar, *significant increase in the status of the farmers*. Cuma orang kata setakat tidak miskin, boleh dikatakan senang hidup tetapi kita tidak melihat petani-petani yang kaya hasil daripada pertanian mereka. Ini kerana barangan yang dikeluarkan oleh mereka tidak mencapai tahap kualiti yang boleh kita pasarkan kepada pasaran dunia. Begitu juga pemprosesan dan juga pemasaran kita tidak menerjah jauh ke luar sana, manakala hasil pertanian daripada negara-negara lain Thailand, Taiwan, kemudian negara-negara barat, Australia dan sebagainya kita lihat pasaran mereka bukan sahaja domestik *but international*.

Kita kena menembusi pasaran *international* kalau kita hendak mendapat hasil yang tinggi dan dapat meningkatkan status ataupun tahap ekonomi petani-petani. Ini pada pandangan saya belum ada usaha yang gigih ke arah itu. Masih lagi kita *business as usual* dari segi industri pertanian dan mereka yang menjadi sasaran, *target group* kita ialah penduduk di luar bandar yang memerlukan pembelaan. So kalau kerajaan boleh menubuhkan *lab*, membincangkan soal transformasi, soal itu, soal ini, boleh tidak kita mengadakan satu usaha yang tertumpu dan bertumpu begitu untuk pertanian ini, satu.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Menteri, banyak projek pembangunan pertanian infrastrukturnya yang dibuat sama ada saliran, pengairan dan lain-lainnya ini terdapat banyak kesilapan dari segi perancangan. Ini menyebabkan ketirisan berlaku. Bukan rasuah, ini sikit-sikit rasuah. Bukan rasuah, ketirisan disebabkan ketidakcekapan pihak yang merancang dan juga memantau.

Saya ambil contoh umpamanya, kurangnya perhatian oleh pihak kementerian ataupun Jabatan Pertanian dalam menentukan konsultant-konsultant. Konsultant buat macam-macam reka bentuk itu dan reka bentuk ini, *design* itu dan *design* ini. Kadang-kadang reka bentuk ini tidak boleh *is good on paper*, di atas kertas nampak okey tetapi apabila sudah dilaksanakan tidak okey. Saya bagi contoh umpamanya sistem pengairan. Dia buat begitu rupa, air tidak boleh masuk ke sawah, air mendap di bawah dan tidak masuk ke dalam sawah padi. Ini satu kesilapan besar yang merugikan kerajaan dan juga tidak membantu petani apabila setiap musim umpamanya mereka menghadapi masalah air yang tidak cukup.

Jadi konsultan-konsultan ini, kita tidak boleh ambil *take for granted* maknanya apa yang dia orang cadangkan itu ianya satu cadangan yang praktikal dan *viable* dilaksanakan. Saya minta pihak kerajaan supaya melihat perkara ini. Ini kerana kalau sekiranya ianya berlaku, peruntukan berjuta-juta yang diberikan oleh kerajaan itu kita berasa rugilah. Banyak projek apabila sudah berlaku begitu, terpaksa ada peruntukan tambahan. Tambah lagi, tambah lagi, *call for another tender, call for another tender*. Kalau peruntukan permulaannya RM10 juta, tambah lagi RM5 juta, tambah lagi RM10 juta. *So this is* kerugian besar kepada kerajaan. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

4.19 ptg.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin pergi kepada Butiran 120500 - Pemberian Subsidi Baja Padi. Walaupun sebelum ini rakan-rakan saya telah berbahas tentang isu insentif harga padi dan sebagainya, saya hendak menjurus kepada subsidi baja padi.

■1620

Yang Berhormat Menteri, peruntukan RM465 juta pada tahun 2013 berbanding RM409 juta pada tahun lepas. Bermakna ada peningkatan sebanyak hampir RM60 juta tambahan. Cuma saya setuju dengan pandangan rakan saya daripada Yang Berhormat Kuala Krai tadi, sejauh manakah kajian telah dibuat untuk memastikan peruntukan yang sebanyak ini benar-benar dapat dimanfaatkan oleh rakyat jelata. Kita bimbang kerana peruntukan ini kemungkinannya berlaku sedikit salah guna dan ketirisan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi.

Saya ingin membaca satu aduan yang dibuat oleh rakyat kepada isu baja padi ini. *"Saya adalah salah seorang pesawah yang mengusahakan tanaman padi di Kampung Kulim Pasir Puteh, Kelantan, yang mana tidak diberikan hak untuk mendapat kemudahan Skim Baja Subsidi walaupun telah mengusahakan tanaman padi. Di sini saya mengatakan bahawa pemberian baja subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada para petani khususnya penanam padi tidak diberikan kepada golongan sasaran iaitu penanam padi. Sebaliknya diberikan kepada orang-orang tertentu yang mempunyai hubungan rapat dengan ketua ladang"*. Ini salah satu daripada contoh.

Ingin saya tunjukkan bahawa insiden-insiden seperti ini berlaku dalam pengagihan baja subsidi yang tidak sampai kepada rakyat di bawah yang mengusahakan tanaman padi. Malah, ada di kalangan mereka yang menggunakan nama orang lain untuk mendapatkan semaksimum mungkin baja subsidi padi. Tidak cukup setakat itu, baja subsidi tersebut telah dijual kepada para pesawah yang telah disekat daripada mendapat baja subsidi tersebut.

Bermakna, berlaku salah pengurusan dalam pemberian baja subsidi ini. Jadi, inilah saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya pihak agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani melakukan sedikit kajian dan menambah prosedur-prosedur dan mengetatkan prosedur dan menambah baik tentang prosedur pemberian subsidi baja padi ini supaya benar-benar sampai kepada petani-petani.

Keduanya tentang kualiti baja yang diberikan adakah bersesuaian dengan penggunaan tanah. Saya dapati Yang Berhormat Menteri telah lama kerajaan tidak melaksanakan suai analisis atau pun kajian tentang kesesuaian tanah. Akan tetapi baja yang diberi baja subsidi itu diimport daripada syarikat-syarikat besar dengan kuantiti yang banyak. Jadi, baja itu di *standardize* kan dari sudut kandungan mineralnya. Akan tetapi tanah itu tidak sama sebab ada tanah yang sesuai, ada tanah yang tidak sesuai. Akan tetapi tidak dibuat kajian tentang suai analisis ini supaya bersesuaian dengan baja tersebut.

Jadi, kita menggunakan baja yang seragam di seluruh negara sedangkan tanah itu tidak seragam. Jadi, isu inilah yang sepatutnya diberi perhatian oleh pihak kementerian supaya baja subsidi yang diberi itu benar-benar dapat sampai kepada petani-petani dan boleh dimaksimumkan pengeluaran padi.

Begitu juga dengan harga bahan import yang semakin mahal. Kita setuju dengan subsidi baja. Saya tidak ada masalah tentang pemberian subsidi baja tetapi bahan-bahan import yang lain yang akhirnya meningkatkan kos bagi kos operasi untuk tanaman padi. Kos upah menanam juga makin meningkat. Kos baja tambahan.

Saya tahu dalam kawasan-kawasan yang tertentu yang hasil padinya jauh lebih baik daripada kawasan-kawasan di luar kawasan-kawasan tanaman utama, mereka menggunakan baja-baja tambahan atas inisiatif sendiri. Oleh sebab itulah kos baja tambahan ini juga meningkat daripada semasa ke semasa. Walaupun harga padi makin tinggi dan sebagainya tetapi kos bahan import juga bertambah.

Jadi, sedangkan harga padi tidak dikaji untuk sekian lama. Saya masih ingat subsidi padi ini hanya dibagi ketika zaman Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Pertanian. Selepas daripada itu tidak dikaji tentang pemberian subsidi. Diberi dalam bentuk-bentuk yang lain. Jadi, saya mohon supaya pihak kementerian untuk mengkaji semula tentang harga subsidi padi ini dan juga tentang kos-kos operasi yang lain. Kalau boleh kita minimumkan. Mungkin kalau kita membeli baja subsidi urea atau pun baja sebatian dengan harga yang mahal tetapi kalau petani itu beli sendiri dengan harga pasaran biasa, mungkin jauh lebih murah.

Jadi, mekanisme untuk memastikan peruntukan tentang pembelian subsidi itu boleh dikaji semula supaya kos operasi bagi penanaman padi ini dapat dikurangkan. Kalau boleh kita import baja daripada luar negara tetapi harganya jauh lebih rendah atau pun kita boleh mengurangkan lagi kos-kos operasi ini, ini akan meningkatkan pendapatan petani-petani.

Yang berikutnya Tuan Pengerusi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang komen Ketua Audit Negara tentang Projek Pertanian Kawasan Parlimen ataupun (MPPP) kalau tidak silap saya Majlis Perundingan Pertanian Parlimen yang mana kita dapati Ketua Audit Negara memberikan pandangan dan teguran yang agak keras, kerana boleh dikatakan hampir kebanyakan kawasan-kawasan Parlimen didapati tidak melaksanakan prosedur projek mengikut seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Apatah lagi kewujudan MPPP ini tidak melibatkan langsung Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat. Apa salahnya memanggil Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat. Saya Ahli Parlimen Kuala Kedah pernah bekerja di MADA, latar belakang pertanian, tetapi tidak langsung dipanggil untuk memberikan pandangan. Yang Berhormat Lenggong *sat* lagi bercakap lah.

Jadi, inilah sekadar hendak memberikan pandangan selain daripada pengagihan projek, menggunakan platform parti. Jadi, apa justifikasi. Akhirnya mendapat teguran yang kuat daripada Ketua Audit Negara. Saya juga mencari apakah peruntukan yang disebut di bawah MPPP ini? Peruntukan di bawah butiran mana Yang Berhormat Menteri supaya bekalan ataupun peruntukan yang disalurkan oleh pihak kementerian kepada MPPP ini atau pun menggunakan peruntukan di agensi-agensi yang sedia ada. Akan tetapi itu amat tidak adil.

Kemudian, pengagihan projek-projek yang seperti mana. Ada yang dikomen oleh Ketua Audit Negara projek yang tidak ada kaitan dengan bidang pertanian. Dibagi mesin jahit. Patutnya dibagi benih, dibagi baja tetapi dibagi mesin jahit. Jadi, inilah di antara perkara-perkara yang sepatutnya mendapat komentar.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan tentang di bawah butiran FAMA. Saya difahamkan FAMA mewujudkan dipanggil MyAgrosis untuk memberikan ruang kepada pelajar-pelajar kita di universiti supaya selepas ini mereka dapat mengusahakan sendiri, tidak bekerja dengan kerajaan ataupun ada pendapatan sendiri melalui pertanian. Saya difahamkan peruntukan sebanyak RM10 juta yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Bolehkah diberi butiran yang lebih terperinci tentang MyArgosis ini yang disebut oleh pihak Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat, saya mintalah kadang-kadang kita terlupa yang sepuluh minit itu, kerana sampai sekarang kita sudah 300 minit sudah bercakap. Sila Yang Berhormat Kota Belud.

4.29 ptg.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya dua, tiga perkara sahaja. Saya cuba akan selesaikan dalam masa sepuluh minit ini,

mungkin kurang. Pertamanya Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 94000 – NKEA. Walaupun Kota Belud disebut beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya cuba mencari jumlah yang akan diserahkan dalam Jelapang Padi Kota Belud ini dan tidak termasuk dalam NKEA. Jadi mungkin kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat bagi saya jumlah itu untuk tahun hadapan berapakah yang akan dibelanjakan untuk Jelapang Padi Kota Belud.

Keduanya ialah Tuan Pengerusi, tadi saya ingin mencelah jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan lisan pagi tadi berkenaan dengan isi rumah nelayan, petani dan peladang. Saya ingin memberi cadangan kepada kerajaan. Sebenarnya kalau dikira betul, jumlah yang disebut oleh Menteri itu betul. Itulah pendapatan isi rumah nelayan, peladang dan petani.

■1630

Akan tetapi itu agak *misleading* sedikit sebab saya faham dan saya ketahui bahawa Kementerian Pertanian sendiri membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membantu keluarga-keluarga peladang, nelayan dan petani ini. Sudah tiba masanya kerajaan mengambil kira subsidi yang diberikan kepada keluarga ini sebagai sebahagian daripada pendapatannya.

Kalau kita tengok Tuan Pengerusi, contohnya isi rumah keseluruhan di seluruh Malaysia. Saya difahamkan bahawa kalau satu keluarga itu mempunyai sebuah rumah dan tidak menyewakannya kepada orang lain, itu juga dianggap sebagai *income* walaupun dia tidak *for gone income* dan itu dimasukkan di dalam jumlah pendapatan isi rumah tersebut kerana menduduki rumah yang dimiliki sepenuhnya oleh mereka. Contohnya kalau mereka sewakan rumah itu mereka boleh dapat RM1,000 dan RM1,000 itu walaupun tidak masuk dalam poket mereka dianggap sebagai sebahagian daripada *income* keluarga tersebut. Jadi dalam hal ini juga saya ingin minta kepada Kementerian Pertanian, kalau kita buat *survey* tentang *income* pendapatan isi rumah nelayan ini, ambil kira juga semua bentuk subsidi yang kita bagi supaya kita dapat lihat itu sebenarnya kos ataupun pendapatan mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Ketiga dan yang terakhir tetapi saya ingin mengambil masa sedikit bercakap tentang masalah yang nombor tiga ini. Tadi saya dengar Yang Berhormat sahabat saya daripada Bandar Kuching bercerita tentang subsidi ataupun 120900 – Subsidi Harga Beras. Ini soal monopoli.

Tuan Pengerusi, terlalu banyak sangat tohmahan daripada pihak pembangkang yang mengatakan subsidi untuk beras ini diambil oleh atau mendapat keuntungan kepada Bernas. Ini tidak betul. Subsidi adalah *pass through* kepada rakyat jelata tetapi yang menguruskan beras ini adalah BERNAS dan sudah tentu agensi yang boleh membeli dan mengimport beras adalah BERNAS. Oleh sebab itu subsidi adalah melalui BERNAS. Tidak betul ada tohmahan yang mengatakan BERNAS mengambil, mengaut subsidi ini. Ini adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan mengelirukan rakyat. Selain itu ada yang mengatakan bahawa kenapa perlu kita ada monopoli? Kenapa perlu kita ada monopoli seperti BERNAS?

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Menteri dalam keadaan-keadaan yang tertentu, adalah menguntungkan untuk negara kita untuk mewujudkan monopoli terutamanya di dalam sektor seperti beras iaitu *food security*. Satu perkara yang amat-amat penting kerana kita semua makan beras dan ia boleh menjadi satu masalah keselamatan jika beras ini terputus bekalan. Oleh sebab itu dalam keadaan-keadaan tertentu monopoli ini amat penting. Saya ingin imbas semula sebelum diwujudkan Bernas ini, kita tahu Lembaga Padi Negara tidak mampu untuk mengurus secara baik. Kualiti beras yang diimport ala kadar, kemudian harga pun kita tidak dapat stabilkan.

Kemudian mengurus *stockpile* yang berada di seluruh negara kita ini kucar-kacir. Kerajaan rugi berpuluh-puluh, beratus juta ringgit. Kemudian, isu tentang membeli bekalan di luar. *Now*, apabila BERNAS diwujudkan, salah satu perkara yang perlu dibuat oleh BERNAS sebagai satu agensi yang mempunyai monopoli ini ialah untuk mengurus semua ini. Mengurus *stockpile* sahaja Tuan Pengerusi adalah berjumlah kosnya kepada Bernas ialah RM30 juta dan bukan setiap tahun BERNAS buat duit. Ada masanya, tidak buat duit. Waktu krisis, harga beras terlalu tinggi dalam pasaran kerajaan. Yang Berhormat Menteri sendiri minta BERNAS tanggung kerugian ini dan pada tahun 2008, BERNAS rugi RM60 juta.

Masalahnya begini, kalau kita buka monopoli beras ini satu benda yang begitu strategik kepada orang yang syarikat-syarikat kecil. Soalan saya yang pertama ialah mampukah mereka mendapatkan bekalan beras yang berkualiti? Mampukah mereka? Keduanya, mampukah mereka mendapatkan bekalan beras di pasaran dunia dengan jumlah yang begitu kecil? BERNAS mengimport ratusan ribu tan setiap tahun. Sudah tentu dengan jumlah yang begitu besar, mereka mendapat harga yang kompetitif malah mungkin lebih rendah daripada apa yang diberikan kepada orang lain. Ini semua dapat *ditranslatekan*, diterjemahkan kepada harga yang lebih rendah di dalam pasaran. Oleh sebab itu saya katakan dalam keadaan yang tertentu, monopoli ini amat penting.

Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri Pertanian, Tuan Pengerusi, keberkesanan memberi monopoli kepada Bernas di dalam industri beras ini hanya akan dapat kita buktikan apabila waktu krisis. Oleh sebab itu pada tahun 2008, kita berada dalam Dewan ini. Pertengahan tahun 2008, apabila harga pasaran beras di dunia meningkat tiga kali ganda, apa yang berlaku, kita hentikan perjalanan perbahasan di dalam Dewan ini dan kita terima usul daripada sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian. Antara lain, kita semua bercakap di sini. Antara lain, kita kata kepada kerajaan, binalah jelapang padi supaya kita tidak dapat bergantung, tidak perlu bergantung pada bekalan di luar. Masalahnya, pihak sebelah sana kadang-kadang bermain politik.

Oleh sebab itu macam di jelapang padi di Kota Belud yang kita mahu bangunkan 20,000 hektar, 30,000 hektar, kita perlukan sumber air yang mencukupi dan konsisten. Akan tetapi apabila kita hendak bina empangan, ekoran daripada usul yang dibawa dalam Dewan ini,

mereka jugalah yang datang ke Kota Belud membantah empangan ini dibuat. *There is no way you can have* jelapang padi *without a consistent source of water*, dengan izin Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu saya katakan dalam isu beras ini, monopoli ini saya bersetuju sangat.

Saya masih ingat satu insiden Tuan Pengerusi pada tahun 2008 apabila China sendiri mempunyai masalah bekalan beras tidak dapat membeli dan industri beras ataupun hasil beras padi di China, di Vietnam, di Pakistan semuanya mempunyai masalah kerana cuaca, kerana banjir dan bermacam-macam. Apa yang berlaku? Terdapat percubaan daripada negara-negara tertentu untuk bukan sabotaj, untuk meminta supaya Vietnam menghantar beras yang sepatutnya dihantar ke Malaysia, dihantar ke negara mereka kerana mereka juga mempunyai masalah bekalan beras.

Akan tetapi oleh sebab Bernas yang membeli beras ini dan BERNAS ini dianggap sebagai kerajaan, maka apa yang berlaku ialah Vietnam tidak berani walaupun negara yang kaya-raya yang satu lagi itu minta, *I will pay you*, dua kali, tiga kali apa yang BERNAS bayar ataupun pembelian daripada Malaysia ini. Apabila Vietnam kata, "*Oh, ini nanti saya kena saman. Saya akan bayar saman juga, hantar saja beras ini ke negara saya*". Akan tetapi oleh sebab BERNAS ini adalah dalam bentuk monopoli dan membeli dalam jumlah yang begitu besar dan juga melambangkan kerajaan, maka Vietnam terpaksa dan akur kepada perjanjian ini.

Jadi oleh sebab itulah Tuan Pengerusi, saya katakan di sini, kita harus konsisten kalau kita mahu supaya kita tidak terlalu bergantung pada bekalan beras di luar negara, ayuh, kita sama-sama bangunkan jelapang padi terutamanya di Kota Belud ini. Jangan politikkan isu jelapang padi ini untuk kepentingan politik jangka pendek. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat saya akan jemput satu orang daripada sini, satu orang daripada BEBAS, satu orang daripada sini sahaja. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Kalau tidak, tidak berhabisan Yang Berhormat. Ini Kementerian Pertanian yang terbanyak sekali, hampir macam dasar bajet. Sila Yang Berhormat, apa kawasan?

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai dengan Perkhidmatan Veterinar iaitu 030100 mengenai dengan Khidmat Pengurusan.

Saya dapati baru-baru ini iaitu terdapatnya perbezaan caj pemindahan iaitu permit untuk memindahkan ternakan lembu daripada negeri-negeri iaitu amat berbeza terutama sekali kalau kita perhatikan contohnya di Kedah, dikenakan sebanyak RM19 seekor. Manakala di

Perak hanya RM3. Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui mengapakah yang berlaku demikian dan agaknya bilakah perkara ini dapat diselaraskan?

■1640

Kedua, mengenai dengan pembangunan komuniti ternakan iaitu 030600. Saya ingin mengetahui sejauh manakah status National Boer Breeding Centre (NBBC) yang terdapat di Pondok Tanjung. Ini kerana saya pernah membangkitkan masalah ini pada Mesyuarat yang lepas dan saya ingin mengetahui apakah kemajuan sekarang ini.

Yang ketiga, saya ingin membincangkan mengenai dengan butiran 040700 iaitu Pembangunan Akuakultur. Sebagaimana yang telah diucapkan pada 24 Oktober 2012 yang lalu, Yang Berhormat Beruas telah membincangkan mengenai dengan ternakan arowana di Bukit Merah. Berhubung dengan itu kita dapati bahawa perusahaan arowana ini telah mengancam kedudukan petani-petani. Apa yang saya ingin mengetahui, bilakah pengezonan ikan arowana ini dapat dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan. Jika sekiranya dapat dikuatkuasakan, kita akan dapati banyak masalah akan dapat diselesaikan terutama sekali dengan penggunaan air yang percuma yang tanpa caj oleh pihak pengusaha arowana.

Selain daripada itu juga, saya ingin membincangkan dengan P.21 iaitu 04700 iaitu Pembangunan Industri Padi. Sebagaimana yang kita maklum, pada Februari 2009, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah pun melancarkan program kajian iaitu Pusat Kajian Padi oleh Sime Darby di Sungai Dong. Jadi, apa yang saya ingatkan bahawa setelah menghampiri tiga tahun, saya hendak tahu bagaimanakah hasil kajian dan bilakah benih padi yang dihasilkan dapat diedarkan kepada petani-petani di Kerian bagi meningkatkan hasil pertanian pada masyarakat yang ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat di hujung itu. Kalau ada di belakang itu, cakap Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ranau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila.

4.43 ptg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada beberapa perkara sahaja. Pertama, saya ingin merujuk Butiran 090000 di bawah Lembaga Ikan Malaysia atau LKIM yang berjumlah RM108,060,000. Saya hanya tumpukan perbincangan ini ke atas jenis ikan yang terdapat di sungai-sungai atau ikan air tawar.

Saya tertarik sekali apabila mengetahui terdapat beberapa jenis ikan yang bernilai tinggi. Ikan tawar. Di kawasan saya ini tidak ada laut Tuan Pengerusi. Hanya sungai-sungai yang panjang, besar dan dalam. Tidak ada nelayan sungai setakat ini. Di Sarawak kita mengetahui yang mempunyai ikan empurau, yang mempunyai nilai yang tinggi. Kalau minta dimasak di restoran, ikan empurau ini satu kilo berharga RM1,000. Kedua, dari Sarawak juga,

ikan terubuk. Ini pun bernilai tinggi, yang mempunyai banyak telur. Kebanyakan telurnya dijadikan ikan masin yang sedap-sedap belaka apabila kita makan.

Di Sabah pula kita mempunyai seakan-akan sama juga ikan empurau ini iaitu dipanggil ikan pelian. Itulah sebab di Sabah ini terdapat banyak tegal-tegal ataupun bon-bon untuk pemeliharaan ikan tawar ini. Ia mempunyai harga yang tinggi juga, tinggi nilainya. Di Semenanjung pula terdapat juga lebih kurang dinamakan ikan kelah. Ini adalah jenis ikan tawar yang bernilai tinggi. Mutunya tinggi dan kadang-kadang kita terfikir juga, tertanya-tanya kenapa ikan empurau ini begitu tinggi harganya. Apa sebabnya? Adakah ikan ini lebih sedap daripada ikan-ikan yang lain ataupun sebab yang tertentu. Saya ingin mengetahui juga. Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ingin tahu juga Yang Berhormat Menteri .

Tujuan utama saya menyentuh perkara ini ialah dalam persidangan yang sudah-sudah perkara ini telah ditimbulkan. Saya juga ada membangkitkan dan saya ingin bertanya kepada kementerian, terutama sekali Yang Berhormat Menteri. Adakah penyelidikan ini sudah dimulakan untuk membolehkan jenis ikan tawar yang bernilai tinggi ini dapat diperbanyakkan bagi penternak-penternak ikan tawar, sehinggalah penternakan di kolam-kolam. Itu sahaja mengenai dengan ikan tawar.

Keduanya, saya ingin menyentuh Butiran 110000 - Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Tadi saya begitu tekun sekali mendengar apabila Yang Berhormat Jempol menyentuh satu jenis ataupun klon baru nanas ini yang sedap, manis dan sangat disukai oleh orang ramai pada masa ini. Saya juga ingin bertanya, mungkin asal usul kenapa kita mempunyai klon baru nanas ini yang bernilai tinggi ialah daripada penyelidikan di MARDI di Semenanjung. Begitu juga banyak klon baru yang bernilai tinggi dari buah-buahan ataupun yang lain, tanam-tanaman yang lain, kita perolehi daripada hasil penyelidikan, yang telah *proven*, dengan izin, di MARDI.

Di Semenanjung ini, kita sudah menikmati kelazatan jenis buah-buahan terutama sekali daripada klon durian iaitu musang king. Akan tetapi di Sabah ini belum ada lagi Yang Berhormat. Begitu juga nanas yang bernilai tinggi. Banyak lagi yang lain-lain ini dan saya tertanya-tanya kenapa di Semenanjung sudah menikmati hasil klon-klon tanaman yang baru ini tetapi begitu lambat sekali dilebarkan di negeri Sabah. Itulah sebab di Sabah ini ketinggalan dengan jenis-jenis klon tanaman yang bernilai tinggi. Adakah kelambatan ini ada kaitan dengan dasar kementerian, bukan disengajakan untuk melambat-lambatkan untuk dilebarkan ke Sabah ataupun Sarawak juga ataupun tidak. Itu saya ingin bertanya supaya kalau boleh lain kali apa sahaja yang diperolehi penyelidikan daripada MARDI yang bernilai tinggi, tolonglah sebarkan ataupun panjangkan kepada Sabah dengan secepat mungkin. Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Terap. Selepas itu Menteri menjawab ya.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Lama tak bangun Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada buah terap di Padang Terap Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada buah terap di Padang Terap.

4.50 ptg.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Ada, tak boleh makanlah Tuan Pengerusi. Kalau hendak jemput pun tak boleh makan Tuan Pengerusi. Kita kena pergi Sarawak juga. Terima kasih dan *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Pengerusi, ada tiga perkara yang saya hendak bangkitkan dalam ucapan dalam perbahasan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pertama, Butiran 040700 iaitu berkaitan dengan pembangunan akuakultur. Berkaitan dengan satu projek yang sudah bermula daripada tahun 2008 di seluruh negara dan saya difahamkan projek ini inisiatifnya sejak tahun 2006 iaitu Projek *Fish Protech*. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status terkini yang berlaku kepada Majuikan yang diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan projek ini. Saya difahamkan bahawa syarikat ini sudah pun *didomainkan* dan saya tidak tahu apa yang jadi kepada Lembaga Pengarah Syarikat Majuikan ini, dan saya difahamkan awal tahun ini telah dipanggil untuk ke mahkamah dan apakah keputusan daripada mahkamah tersebut saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Jadi saya juga lihat projek ini yang juga melibatkan atas nama SUKRAN tak silap saya di Naka. Hendak sebut Arab pun tak berapa nak Arab, Melayu pun tak berapa nak Melayu. Ingat Jawa ini, yang jadi projek jawa ini apa jadi? Sebab daripada tahun 2008 dalam ucapan-ucapan yang diberikan kepada rakyat di sana ada 300 orang akan dapat faedah bulanan daripada projek permulaan ikan ini. Akan tetapi saya difahamkan ikan-ikan pun sudah mati dan dikambus dengan jentolak. Ada ikan-ikan ini diagihkan kepada rakyat yang bernilai lebih kurang RM10 juta. Ini yang di Naka, Kedah, tak libat lagi di Pekan, di Pagoh. Saya tidak tahu apa yang terjadi kepada projek-projek SUKRAN ini.

Malah ada di sana pengusaha-pengusaha yang telah dijanjikan dan diberikan tawaran oleh pihak kerajaan untuk mengusahakan projek *Fish Protech* ini yang katanya teknologi daripada Australia. Akan tetapi pengusaha-pengusaha tersebut terpaksa menanggung kerugian berjuta-juta ringgit dan tidak diberikan pembelaan yang sewajarnya oleh pihak kementerian.

Walaupun sudah ada perintah mahkamah, saya difahamkan untuk membayar ganti rugi kepada mereka yang terlibat, konsultan-konsultan yang saya difahamkan terlibat dalam projek ini tetapi pihak kerajaan masih lagi belum mengeluarkan wang tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat.

Begitu juga janji daripada pihak kementerian untuk melatih. Saya dapat maklumat ataupun baca daripada surat khabar-surat khabar yang mengatakan bahawa, pihak kementerian melalui projek yang berteknologi tinggi ini akan melatih penduduk tempatan lebih kurang 100 orang setiap peringkat, satu pengambilan 100 orang untuk mereka boleh berdikari untuk mengusahakan ikan Projek Akuakultur ini. Jadi saya ingin bertanya, apakah status projek ini dan bilakah orang-orang Padang Terap atau pun mereka yang terlibat? Apa yang dinamakan saya difahamkan daripada Projek eKasih yang diambil melalui nama-nama yang dikumpulkan dan juga dipilih melalui eKasih, mereka akan mendapat bantuan daripada projek yang kita tengok begitu hebatlah. Kalau di Padang Terap itu saya lihat lebih kurang dekat dengan dua hektar tanah dan bangunan-bangunan begitu kukuhlah yang saya lihat. Bela ikan *barramundi* dalam bangunan ini. Jadi saya minta ada penjelasan terkini daripada pihak kementerian.

Perkara yang kedua ialah berkaitan dengan projek TEKUN. Projek TEKUN Butiran 121100. Jadi TEKUN ini seperti mana yang kita maklumi satu projek yang cukup membantu rakyat. Cuma saya ingin bertanya, apakah peratusan yang dikutip semula oleh kerajaan daripada pemiutang-pemiutang daripada yang buat pinjaman, mereka diluluskan. Ada yang saya difahamkan diluluskan tetapi duitnya agak lambat tetapi mungkin sudah diselesaikan di akhir-akhir ini. Berapa peratuskah dikutip balik oleh pihak kerajaan khususnya di Padang Terap? Di Padang Terap berapa banyak yang dikeluarkan oleh pihak TEKUN untuk peminjam-peminjam dan berapa peratuskah dibayar balik oleh penghutang-penghutang ini. Benarkah berlaku *miss management* dalam kutip hutang di Pejabat TEKUN di Padang Terap? Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Saya ingat ada pegawai-pegawai atau pun kakitangan yang terpaksa ditukarkan. Saya hendak dapat penjelasan kerana yang ini banyak menimbulkan syak wasangka di Padang Terap sana berkaitan dengan satu projek yang bagi saya cukup baik ini sekiranya pelaksanaannya sempurna.

Ketiga ialah Butiran 070000 berkaitan dengan MADA. Untuk bekalan, saya lihat dalam buku yang dibekalkan ini RM100 juta untuk bekalan dan juga pembangunan lebih kurang RM7 juta. Saya sudah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah benar RM7 juta untuk pembangunan ini untuk selesaikan masalah pengairan Bukit Sena yang saya bangkitkan baru-baru ini atau pun projek ini akan dibiarkan oleh pihak kementerian tanpa apa-apa tindakan kepada kontraktor dan akhirnya kontraktor akan serahkan kepada kementerian dan kementerian akan tanggung segala kos. Sekarang ini sudah keluar satu tender baru 500,000 yang dibuka untuk menaikkan tebing supaya air sampai kepada enjin yang dibina.

Seperti mana yang menteri tahu yang saya sudah bangkitkan sebelum daripada ini iaitu projek ini adalah satu projek yang boleh dikatakan gajah putih di Padang Terap dan banyak

petani cukup merungut. Kita difahamkan 800 orang peserta atau pun yang akan mendapat manfaat daripada projek ini tetapi 800 orang ini sekarang merungut kerana air tidak sampai, masih lagi bergantung kepada air hujan. Jadi satu jawapan yang konkrit dan saya rasa seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat Padang Terap, biarlah projek ini diselesaikan sebelum daripada diserahkan kepada kementerian seperti mana yang dimaklumkan oleh Menteri, Februari 2013 akan diambil ataupun diserahkan kepada pihak kementerian. Sekiranya masih lagi ada dakwaan mengatakan bahawa akan diminta atau pun dipohon daripada kementerian, sebanyak RM6 juta lagi. Ini yang berlegar-legar di kawasan Padang Terap, RM6 juta diminta dipohon untuk menyelesaikan supaya projek ini boleh memberikan manfaat kepada rakyat Padang Terap.

Jadi saya rasa yang ini perlu diselesaikan dengan segera kerana tempohnya hanya tinggal dalam empat atau tiga bulan lagi yang akhirnya saya rasa kita sedar duit rakyat akan digunakan sekali lagi untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi saya ingat itulah yang saya hendak bangkitkan dalam perbahasan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sebelum Menteri menjawab Yang Berhormat, kita sudah ada 37 yang membahar. Jadi kalau kita satu orang ada soal tiga soalan sahaja Yang Berhormat, maknanya dia tiga kali orang bercakap itu, banyak soalan yang kena dijawab. Jadi kalau ada pencelahan, makna ada satu tambahan lagi. Jadi, biarlah menteri menjawab dahulu kalau dapat. Sila Yang Berhormat Menteri.

4.59 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat seramai saya lihat 40 orang daripada minggu lepas bawa ke hari ini. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat amat prihatin mengenai sektor pertanian dalam negara kita dan juga keselamatan makanan untuk masa depan negara kita. Saya cuba jawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan tetapi daripada pengamatan saya, ada juga perkara-perkara yang dibangkitkan isu yang sama tetapi dibangkitkan oleh dua atau tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingat saya bermula dengan Yang Berhormat Batu Gajah yang mula-mula mengambil bahagian minggu lepas. Yang Berhormat telah pun membangkitkan mengenai Laporan Audit yang dibaca.

■1700

Saya hendak nyatakan bahawa dalam jawapan Audit itu memang telah pun diberikan beberapa jawapan. Walau bagaimanapun, saya hendak mengambil contoh beberapa isu yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat seperti sistem hibrid angin bernilai RM1.2 juta digunakan kerana kipas telah patah.

Jadi ini sebenarnya Yang Berhormat, turbin kipas yang patah telah pun diganti oleh pihak pembekal pada 27 Februari 2012. Pihak SIRIM telah pun menyerahkan secara rasmi projek ini kepada DOF pada 16 Julai dan juga sistem tersebut telah pun berfungsi dengan baik. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa 'seaweed' ini, ia mula dibuat oleh pihak SIRIM dan diserahkan kepada jabatan-jabatan perikanan.

Begitu juga Yang Berhormat bangkitkan mengenai empat enjin bot yang hilang. Ini pun sepatutnya diganti oleh pihak insurans tetapi untuk kemudahan petani, pihak SIRIM telah pun bersetuju menggunakan peruntukan mereka sendiri untuk menggantikan bot yang enjinnya hilang itu.

Mengenai pelantar yang tidak siap semua ini, sebenarnya memang ada 35 pelantar yang telah pun siap seperti Yang Berhormat bangkitkan, manakala enam pelantar lagi iaitu empat ada di Daerah Lahad Datu dan juga dua di Daerah Kunak akan dibuat sebut harga semula. Proses sebut harga semula dilaksanakan pada awal bulan Ogos dan dijangka mengambil masa 14 minggu untuk disiapkan.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai peruntukan kepada Majlis Pembangunan Pertanian dan juga saya tengok tadi ada dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat daripada Kuala Kedah dan dua, tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Pihak kementerian pada masa ini telah pun menyalurkan peruntukan sebanyak RM1,000 bagi 222 Parlimen secara terus melalui lima agensi yang bertindak iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), melalui TEKUN, melalui MADA, melalui KADAR.

Tujuan peruntukan ini diberikan adalah untuk kita hendak memastikan bahawa projek-projek kecil pertanian yang melibatkan penstrukturan pertanian, prasarana, industri asas tani, penternakan, pemasaran dan juga yang kecil-kecil yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi seperti kunyit, halia ini sepatutnya boleh digunakan untuk peruntukan yang diberi melalui MPP ini.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Juga pihak kementerian membuat pemantauan dan memberikan bintang hari ini kepada MPP di seluruh negara. Ada yang dapat lima bintang, ada yang dapat satu bintang. Oleh kerana itu pada tahun ini peruntukan ini dikurangkan kepada RM50,000 dan mana-mana MPP yang mendapat lima bintang, MPP ini boleh diberikan pertimbangan.

Begitu juga Yang Berhormat bangkitkan ada kata beli mesin jahit sebagai contoh tadi. Oleh kerana ianya juga telah masuk untuk meningkatkan pendapatan petani kerana ada kita dapati bahawa nelayan, isteri dia hendak membantu suami, hendak membantu keluarga. Jadi

mereka ada kepakaran untuk menjahit. Oleh sebab itu diberikan kebenaran dengan mengambil hasrat supaya dengan kegiatan isteri ini dengan upah jahit boleh menambah bantuan kepada isi keluarga.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan sedikit sahaja. Tidak apa, saya setuju Yang Berhormat Menteri dengan MPP, dengan peruntukan dan sebagainya. Cuma penglibatan Ahli-ahli Parlimen. Kalau sebut Majlis Perundingan Pertanian Parlimen, apa salahnya. Sudi apalah kiranya Ahli-Ahli Parlimen boleh memberikan pandangan.

Bukan kita hendak duit itu pun. Agensi boleh bagi. Kita sekadar hendak memberikan pandangan dan saluran kerana rakyat ada juga yang datang kepada kita meminta. Hendak bagi RM1,000, RM2,000 pun tidak boleh.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kita di dalam MPP ini dia melibatkan semua ketua-ketua agensi, pengerusi-pengerusi sektor pertanian yang ada di dalam kawasan Parlimen tertentu. Kalau masalah nelayan, dia ada diwakili oleh Pengerusi Persatuan Nelayan. Kalau ada masalah petani, dia diwakili oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang kawasan. Kita juga ada melantik wakil-wakil belia. Jadi saya ingat suara yang disuarakan oleh rakyat di akar umbi ini boleh dibawa dalam mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ketua UMNO bahagian ada tidak?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ketua UMNO Bahagian pun masuk juga sebagai ahli dalam majlis. Apa kena mengenanya? Bukan latar belakang pertanian pun. Tidak ada *background* pun. Dia hanya Ketua UMNO bahagian.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya. Oleh sebab...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Hendak saya sebut kawasan mana? Kuala Kedah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak, bukan, yang mana bukan kawasan. Kawasan membentuk Majlis Pembangunan Pertanian ini kita rujuk kementerian. Kita tidak sebut ada Ahli Parlimen, kita tidak ada sebut siapa. Kita ini *cause* – kita kementerian lantik siapa juga yang tengok boleh diwakilkan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa pelaksanaan ini berjalan seperti yang dirancang.

Jadi sama ada hendak melantik Ahli Parlimen atau melantik – bukan melantik sebagai ketua bahagian kapasitinya tetapi sebagai Pengerusi. Ada juga ketua-ketua bahagian yang dia juga aktif di dalam Pertubuhan Peladang. Ada juga yang aktif di dalam pertanian.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya di dalam bidang pertanian. Yang Berhormat Machang itu bahagian pertanian, bidang pertanian pun tidak dijemput juga. Jadi bermakna sekadar hendak sumbang saranan, hendak bagi idea. [*Dewan riuh*] Jadi Yang Berhormat Menteri tolong jawab sebab ini platform politik. Selesai masalah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apalah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak cakap politik dengan saya sampai esok pun tidak habis. Kita di Selangor, Majlis Pembangunan Daerah itu sendiri pun tidak dijemput Ahli Parlimen Barisan Nasional. Jadi jangan kita politik isu ini.

Jadi kalau hendak cerita ini panjang sebab pembangkang pun sudah ada kerajaan. Jadi jangan cari - saya rasa tidak mahu panjang isu ini. Yang Berhormat pun faham benda ini. Sama juga. Saya ingat, saya tahu kalau di Kedah, di Selangor saya Ahli Parlimen tidak dijemput menghadiri Mesyuarat Pembangunan Daerah. Tidak dijemput. Peruntukan duit kerajaan negeri yang diurus tidak melalui kita pun. Jadi kita tidak bising pun. Jadi Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya ingat jangan cerita pasal...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya ingat ubah yang – ya?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri boleh tambah sikit lagi? Di Kedah itu saya ada dengar wakil-wakil daripada Barisan Nasional yang dulu duduk dalam pelbagai agensi mereka, semua kena buang. Oleh sebab dia tidak berapa puas hati. *[Ketawa]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apa sebab saya tidak mahu politikkan benda ini. Kalau hendak cerita, panjang. JKK pun kena pindah, jawatankuasa masjid pun kena tukar hendak kira. Jadi jangan cerita politik Yang Berhormat. Kita cerita apa yang kita laksana, yang Yang Berhormat bangkitkan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya beri satu soalan sahaja. Ramai lagi ini Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, saya hendak tahu memandangkan Ketua Audit Negara dalam laporan ini telah membuat teguran menyatakan bahawa perlu pihak kementerian membuat penilaian *outcome*, keberkesanan projek kecil pertanian kawasan Parlimen dan juga projek pertanian Majlis Pembangunan Pertanian. Apakah pihak kementerian akan melaksanakan atau telah melaksanakan penilaian keberkesanan untuk memastikan peruntukan yang disalurkan memang berkesan dan membantu?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkara kedua, maaf. Laporan Ketua Audit berkenaan pengurusan pembangunan industri rumpai laut. Yang Berhormat boleh kata maklum balas. Saya sudah baca, sini juga ada menyatakan maklum balas bahawa ada tindakan diambil berkenaan kerosakan sistem hibrid, juga enjin bot yang hilang telah dibekalkan semua.

Akan tetapi persoalan yang timbul adalah apabila Jabatan Audit pergi melawat pada ketika tersebut, perkara-perkara ini tidak dilaksanakan atau tidak diperbaiki. Jadi, mengapakah

mahu menunggu sehingga pihak Jabatan Audit untuk membuat lawatan baru memperbaikinya? Mesti ada pemantauannya.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sepanjang masa.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Cukup. Saya faham.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Oleh sebab ia melibatkan berjuta ringgit Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya faham Yang Berhormat. Saya faham apa Yang Berhormat cakap. Saya faham. Mengenai yang pertama...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Punca kelemahan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya sudah cakap lebih awal tadi. Sebelum audit datang pun kita sudah buat untuk bagi *star* ini. Bukan sahaja *star*, saya lapor dalam Kabinet lagi. Kita senaraikan 222 kawasan Parlimen. Lapor dalam Kabinet, kita beritahu mana kawasan-kawasan Parlimen yang belanjakan duit, yang mana tidak belanjakan duit dan kita bagi bintang lagi. Lima bintang, dua bintang, tiga bintang. Saya sudah terang tadi.

Kemudian kalau mana kalau Yang Berhormat hendak bagi – cukuplah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak bagi audit *details*, saya ingat banyak benda kalau kita hendak cerita audit. Apabila *we are talking about audit*, sudah tentulah banyak kesilapan-kesilapan yang banyak kita jumpa.

Jadi sebab itu ada perkara yang sebelum audit datang kita sudah baiki. Yang Berhormat tidak boleh nafikan. Kalau fikir audit ini nanti, macam Yang Berhormat Kota Belud bangkit hari itu. Kedah, Selangor kalau hendak cerita pasal audit memang mudah hendak cari salah ini. Memang betul, kita tidak menafikan. Oleh sebab itu kita cuba baiki apa yang dalam penemuan audit, kita baiki. Akan tetapi sebelum itu banyak projek-projek lain yang berjaya, kita tidak menafikan. Jadi sebab itu teguran-teguran audit ini, kita telah pun ambil tindakan.

■1710

Terima kasih banyaklah Yang Berhormat bangkitkan mengenai Laporan Audit ini. Saya sudah menjawab tadi bahawa tindakan telah diambil tetapi kalau Yang Berhormat persoalkan mengapa audit tegur baru nak ambil tindakan, jadi memang sampai esok pun tak habis kita punya perbincangan ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat juga ada bangkit mengenai butiran 00900. Ini juga Kuala Krai pun ada bangkit tadi dalam ucapan saya dengar tadi mengenai peruntukan RM111 juta ini untuk apa. Saya nak nyatakan bahawa peruntukan RM111 juta ini ialah di mana kita nak melaksanakan program dan juga projek-projek diselaraskan di bawah ibu pejabat kementerian. Di antara projek yang kita sudah buat ada 11 projek.

Antaranya pembangunan Usahawan Industri Asas Tani – RM11 juta, pembangunan Ladang Kontrak – RM3 juta, pembangunan Sekolah Perikanan Kolej Pertanian Malaysia di

Lumut, Perak – RM23 juta, pembangunan pertanian di bawah Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen, kita ada peruntukan RM10 juta, naik taraf prasarana perkhidmatan di Pusat Agropelancongan. Jadi ada 11 program Yang Berhormat. Jadi memang sudah ada tajuk-tajuk tertentu untuk peruntukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai sebentar tadi.

Yang Berhormat daripada Parit Sulong membangkitkan mengenai 1Malaysia Best. Saya nak berterima kasih kepada Yang Berhormat memberikan sumbangan...

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat, Baling, Baling.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Baling tak cakap pun.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Tak apa. Sebab tak cakap itu nak cakaplah. [Ketawa]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Isu yang samakah?

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Majlis Pertanian Kawasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan Majlis Pertanian Kawasan ini, pada hemat saya ialah mencakupi usaha-usaha pertanian di peringkat kecil-kecilan oleh sebahagian besarnya ialah penduduk-penduduk kampung dalam usaha tanah-tanah mereka sendiri termasuk tanah terbiar.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Hasil-hasil usaha-usaha pertanian ini yang dilakukan oleh masyarakat di peringkat kampung secara kecilan ini menghadapi masalah apabila mereka dilanda serangan haiwan liar termasuk di kawasan saya baru ini di Baling, gajah liar masuk sampai dekat sepuluh hari dia *round* kawasan itu. Jadi habis semua tanaman. Maka yang memberi kerjasama ialah Mergastua, tetapi apabila tanaman-tanaman mereka sudah rugi, jadi apabila berurusan dengan pihak pertanian setakat ini nampaknya mereka tidak mendapat apa-apa ganti ataupun apa-apa bayaran dan sebagainya.

Minta maaf Yang Berhormat. Suka juga saya timbulkan setakat apa yang kita kenali di kawasan saya di Baling kawasan yang agak luas untuk pertanian tetapi pegawai pertanian yang ditempatkan, tenaganya terlalu kecil. Jadi saya rasa sampai masa untuk pihak Yang Berhormat, pihak kementerian khususnya untuk melihat benda ini kerana kita tak nak supaya peringkat ini menjadi suatu benda yang kecewa bagi pihak petani kampung. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Itu walaupun sudah keluar sedikit tajuk tetapi ialah terima kasih kerana Yang Berhormat bangkitkan. Bila sebut pasal gajah semua, memanglah bawah Mergastua. Ia bukan bawah kementerian. Kita pun tidak ada peruntukan khas untuk kita mengganti rugi apa juga hasil-hasil pertanian yang ditimpa bala bencana oleh serangga dan sebagainya. Oleh kerana itu kita cuba – padi dulu kita sudah kenakan insurans untuk padi.

Jadi kalau padi ada masalah, kita ada ganti rugi. Sebelum ini tak ada tetapi peruntukan itu Yang Berhormat kata bahawa apa yang kita boleh bantu ialah daripada segi input-input pertanian seperti benih, baja dan sebagainya. Akan tetapi ganti rugi dari segi wang tunai, ini

Yang Berhormat kena memohon melalui Majlis Keselamatan Negara yang ada peruntukan tertentu untuk ganti rugi pertanian, banjir dan sebagainya Yang Berhormat.

Mengenai pegawai pertanian Yang Berhormat bangkitkan, ini kita akan lihatlah kerana bukan sahaja di kawasan Baling tetapi saya dapat laporan di kawasan-kawasan lain juga kita memang kekurangan tenaga. Memang tak cukup sebab pegawai pertanian di kawasan mereka bekerja 24 jam dan juga mereka menjadi pegawai yang akan dirujuk kalau petani menghadapi masalah-masalah pertanian. Ini kita memang sedar Yang Berhormat dan kita sedang pun menyusun semula. Kita nak melihat bagaimana kita nak dapat mengimbangi para pegawai di seluruh negara.

Yang Berhormat daripada Parit Sulong membangkitkan mengenai 1Malaysia Best. Syarikat untuk dapat 1Malaysia Best ialah syarikat mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ataupun mana-mana badan jabatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; mendapat perakuan sijil makanan selamat tanggungjawab industri, *good manufacturing practices*, *hazard analysis* dan juga *critical control points* daripada Kementerian Kesihatan untuk memperakui bahawa Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 ataupun mempunyai sijil *Veterinary Health Mark* (VHM) di mana sijil VHM ini adalah digunakan untuk produk-produk haiwan. Produk juga mesti mendapat pengiktirafan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM ataupun JAIS dan juga produk hendaklah dikilangkan ataupun dikeluarkan di Malaysia.

Sehingga 2012, produk yang diiktiraf ada sebanyak 2,228. Bilangan usahawan yang terlibat – 278. Untuk produk yang sedia dieksport 1Malaysia Best ada 338 produk dan bilangan usahawan yang terlibat ialah 30 orang. Untuk usahawan negeri Johor adalah sebanyak 24 usahawan dengan 223 produk usahawan. Dari Parlimen Parit Sulong ada dua orang usahawan dengan tujuh produk iaitu *Fatima Food Industry* dan juga *Norli Products & Services*.

Tempoh masa untuk mendapatkan perakuan 1Malaysia Best, ia diuruskan dengan tempoh lebih kurang 14 hari. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa 1Malaysia Best yang dipengerusikan oleh pihak kementerian. Sehingga kini produk 1Malaysia Best telah menembusi pasaran negara China, Brunei, Singapura dan juga Indonesia.

Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan mengenai subsidi dan juga insentif yang diberikan kepada pengeluar sayur di Cameron Highlands. Saya ingat bab sayur ini ramai yang bangkit. Kota Melaka pun ada bangkit. Sungai Siput pun ada bangkit. Saya nak jelaskan bahawa kementerian ini melalui Jabatan Pertanian, kita ada menyediakan insentif di bawah pakej amalan teknologi tanaman sayur-sayuran dan juga tanaman kontan kepada pengeluar sayur di Malaysia.

Pada tahun 2012, peruntukan yang disediakan adalah RM800,000 dan tahun 2013 sebanyak RM700,000. Melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008-2010, insentif bernilai RM1.5 juta telah pun diberikan kepada 400 orang pengeluar sayur di Cameron Highlands.

Mengenai Yang Berhormat bangkitkan tentang gengster yang menggunakan pukot, setakat ini kita belum menerima apa-apa aduan tetapi kita faham apa masalah Yang Berhormat bangkit. Bukan sahaja Yang Berhormat bangkit, saya dengar tadi Marang, Balik Pulau, setiap orang yang bercakap soal nelayan mesti mereka bercakap soal pukot tunda. Pukot tunda ini bukan saya mahu, saya sendiri pada tahun 1995 sudah bangkitkan perkara ini. Memang amat sukar untuk kita atasi walaupun penguat kuasa telah pun kita bagi kepada MPMM yang dulunya di bawah perikanan.

Oleh kerana itu, hari ini kita cuba membuat satu sistem yang baru. Kita akan menggunakan *vessel tracking system* di mana dalam *vessel tracking system* yang baru ini saya sudah tengok, bawa dalam perikanan tak payah turun ke bawah. Ia boleh monitor daripada ibu pejabat. Di situ sudah ada Zon A, Zon B, Zon C.

Zon A *color* merah, *color-color* sudah ada. Peringkat antarabangsa pun sudah ada. Jadi kita ada *trigger*. Jadi mana-mana kapal yang melalui - melanggar zon, ia akan *trigger* bunyi. Kalau ia setakat lalu sahaja, ia ada warna merah. Kalau ia cuba menangkap ikan, ia naik *color* lain. Ini kita sedang cuba tetapi yang ini dikenakan kos. Jadi kos inilah yang sedang kita bincang, kita akan bincang di pihak kementerian. Lebih kerana RM5,000 kalau tak silap.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Siapa yang patut membayar kos-kos ini? Jadi sudah tentulah kalau kita suruh nelayan beli, mereka tentu akan mengatakan perkara yang mahal dan sebagainya tetapi perkara ini memang di dalam tindakan kita dan kita sedar perkara ini sedang berlaku. Bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat, kawasan saya Tanjong Karang bergaduh di antara nelayan pantai dengan bot tunda. Bergaduh sampai saya kena pergi selesaikan. Sebab itu kita tubuhkan juga Rakan *Fish* untuk kita nak mendapatkan laporan kepada kita.

■1720

Oleh itu, kita tengoklah Rakan *Fish* ataupun telefon yang kita terima daripada nelayan-nelayan ini nampaknya kurang juga berkesan kerana sebelum penguat kuasa sampai, bot ini pun sudah hilang. Jadi, kerana itu kita tengah mencari kaedah yang baru menggunakan sistem teknologi yang baru, jadi bila kita dapati mana-mana bot yang melanggar kawasan ini, kita akan terus memberikan amaran kepada mereka dan mungkin tindakan membatalkan lesen akan kita ambil.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih penjelasan Yang Berhormat Menteri menggambarkan Yang Berhormat Menteri arif tentang masalah yang lama ini seperti yang digambarkan telah berpuluh tahun. Yang Berhormat Menteri, mungkin boleh mempertimbangkan hasil. Saya pernah mengadakan satu dialog dengan marin ketika itu dan juga APMM ketika sebelum ianya diubah ke JPM. Saya terkejut apabila dikatakan daripada kalau tidak silap saya Pantai Merdeka sampai ke Teluk Bahang sana, ketika itulah saya ingat ini tiga tahun sudah saya bahas dengan mereka, dialog.

Support system (sistem sokongan) maksudnya personel, bot - secara itu sahaja pun terkejut saya bahawa memang tidak mencukupi untuk menjaga kawasan yang seluas itu. Itu dari segi itu. Saya mengambil sikap lebih mencari jalan untuk memberi sistem sokongan yang terbaik. Akan tetapi, lebih daripada itu Yang Berhormat Menteri, yang memaklumkan kepada saya mereka menggambarkan seolah-olah ada perkara-perkara yang saya berkata ini tanpa bukti yang jelas. Akan tetapi, suara daripada bawah ini agak kuat dan mendesak katanya mungkin ada elemen-elemen korupsi yang mana seperti mana Yang Berhormat Menteri kata tadi, baru telefon sekejap belum hendak ambil tindakan sudah hilang.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri, dalam hal ini Yang Berhormat Menteri, saya rasa mungkin Kementerian Pertanian apatah APMM walaupun diubah di bawah JPM mesti ada perubahan. Setakat mengubah satu kepada unit yang lain, saya kata itu perkara yang *administrative*. Akan tetapi, apakah Yang Berhormat Menteri nampak perkara yang drastik sekali berlaku? Ada perubahan ataupun tidak masalah Yang Berhormat Menteri cakap?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Oleh sebab itu...

Tuan N. Gobal Krishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Menteri, lebih kurang...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya ingat isu saya nanti lebih panjanglah. Baru satu isu ini. *[Ketawa]* Saya faham. Masalah ini bahawa jawapan saya sudah jelas bahawa kita akan mengenakan *vessel tracking system* yang mana Yang Berhormat pun tahu – kita punya pegawai tidak cukup, peralatan kita tidak cukup. Jadi, kalau bila *vessel tracking system*, pegawai tidak payah pergi ke laut. Dia duduk dekat pejabat sahaja 24 jam, bukan sahaja 24 jam, semalam punya laluan pun kita tahu. Jadi, yang saya kata tadi, kita boleh kesan. Malah, kalau ada nelayan kita masuk sempadan kita dapat laporan kadang-kadang nelayan kita kena tangkap, itu pun kita boleh kesan. Ini sistem yang baru tetap sistem ini ia mengenakan kos. Ini yang saya kata kos ini kita sudah cuba buat *survey*.

Kalau kita terus-terus suruh nelayan beli, nanti Yang Berhormat pembangkang pula kata "*tengok kerajaan tekan lagi rakyat*". Jadi, kita kena tengok supaya semua orang puas hati. Walaupun ini cara penyelesaian yang terbaik, mesti kita menggunakan *vessel tracking system* dengan cara alat-alat ICT yang lebih canggih lagilah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, untuk tujuan rekod ya. Saya tidak mahu - Untuk tujuan rekod pada pandangan saya di kala hasil

tangkapan kurang, tekanan nelayan yang agak beban, untuk tujuan rekod saya tidak mahu kos itu ditanggung oleh nelayan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong cari jalanlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey, terima kasih. Itu sebablah, itu sebab saya kata kita tengah kajian. Kalau tidak sudah lama kita laksanakan. Sistem itu sudah ada tetapi kita tahu kalau kita kenakan kos nanti, Yang Berhormat Balik Pulau melompatlah pula hendak jadi jaguh jaga nelayan.

Jadi, ya kita faham. Oleh sebab kita kena tengok macam mana cara kita hendak buat untuk rakyat puas hati. Macam mana kita kenakan insurans? Insurans kita kenakan nelayan RM100 itu duit nelayan, bukan duit kerajaan. Akan tetapi, cara kita hendak laksanakan itu *very shuttle*. Ini supaya bila kita laksanakan nelayan-nelayan boleh terima. Jadi, pendidikan juga kefahaman kepada mereka mungkin kita kena laksana dan mungkin kita akan bincang 50-50 kah ataupun kita akan lihat asalkan nelayan boleh menerima pendekatan-pendekatan baru menggunakan teknologi yang baru yang dikenalkan oleh pihak kementerian.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Menteri ya. Satu sahajalah, satu soalan. Ini bersangkutan paut dengan itu juga. Satu, bot-bot yang digunakan itu, kementerian hendak pasang *vessel tracking* dan sebagainya tetapi kebanyakan yang membuat aktiviti haram ini, mereka kebanyakannya macam hantulah. Bot hantu macam itu.

Kedua, saya pergi ke Batu Kawan di mana kami melancarkan satu sukarelawan di mana mereka juga sanggup, mereka sanggup turun ke laut bersama-sama sambil mereka memancing, mereka juga sanggup buat rondaan menjaga perairan di situ. Mereka pohon kalau boleh ada bot-bot LKM dan marin yang lama-lama, yang usang itu dibina khas untuk penguatkuasaan dan sebagainya. Kalaulah bot-bot itu boleh dijual murah ataupun disedekahkan kepada NGO-NGO yang membuat itu dan mereka boleh buat rondaan dan sebagainya. Ini kerana di darat, rondaan-rondaan sukarelawan menggunakan motosikal cukup berjaya, cukup berjaya. Saya tidak lihat kenapa ia tidak akan berjaya kalau ia digunakan di lautlah. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tolong dalam hal ini.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai dan terima kasihlah kepada NGO-NGO yang ingin memberikan sumbangan. Ini kerana kita sedia maklum kalau bergantung kepada penguat kuasa pun sukar untuk mengatasi kerana maklumat oleh penguat kuasa ini amat penting. Oleh sebab itu, saya kata tadi kita telah mula tubuhkan Rakan *Fish* yang mana Rakan *Fish* ini dia sukarela dan kementerian bolehlah memberi sedikit-sedikit bantuan seperti Yang Berhormat minta. Akan tetapi, apabila berlaku pergaduhan baru-baru ini, dia punya keselamatan pula timbul. Keselamatan *NGO's* ini sebab Yang Berhormat kata "*Ini hendak berlawanan dengan gengsterkah, dengan tauke tadi, dengan mana-mana pihak*" – Jadi kalau apa-apa berlaku...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Menteri, di kawasan Batu Kawan ada satu NGO yang merangkumi bekas-bekas komando marinlah, pasca dan sebagainya. Mereka sanggup turut serta membantu.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, betul. Saya faham, saya faham Yang Berhormat. Betullah, saya kata tadi. Akan tetapi, sekiranya berlaku pergaduhan seperti baru-baru ini, hendak berlaku pergaduhan, dia langgar bot ini. Saya sendiri tengok apabila melanggar, saya sendiri pergi turun tengok. Bot ini sudah besar. Kadang-kadang dia ini pakai sampan sahaja, bot kecil. Jadi, bot zon besar ini dia langgar sahaja dan ia akan jadi begitu, saya faham.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Jadi, kerana itu kita kena lihat bagaimana cara bila kita menggunakan NGO's, jika apa-apa berlaku kepada NGO's ini, sekurang-kurangnya kita tidak boleh lepas tangan. Ini memang kita sedang rancang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang boleh lawan, tang boleh lawan bot-bot haram ini satu sahaja, bekas-bekas bot marin dan sebagainya yang memang kuat lah. Dibina khas untuk marin *patrolling* itu.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, okey. Terima kasih Yang Berhormat. Dia boleh lawan bot tetapi kalau dia bergaduh susah juga. *[Ketawa]*

Okey, terima kasih Yang Berhormat. Pandangan-pandangan Yang Berhormat ini memang kita sedang, sudah rancang pun, hanya kita tengok daripada aspek keselamatan NGO-NGO ini kerana dia berhadapan dengan Yang Berhormat sedia fahamlah bagaimana hendak menghadapi masalah ini.

Yang Berhormat Langkawi membangkitkan mengenai tentang status industri tuna di negara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang, dibangkitkan juga tadi oleh Yang Berhormat Arau dan juga dibangkit oleh Yang Berhormat Balik Pulau. Industri tangkapan tuna ini amat berpotensi dan mempunyai ruang untuk dimajukan di negara ini.

Malaysia telah pun menjadi ahli kepada *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) sejak tahun 1998. Program Pembangunan Tuna di negara ini bermula sejak tahun 2004 melalui usaha sama dengan syarikat daripada Taiwan. Kerjasama ini telah pun tamat pada tahun 2010 kerana masalah dengan pelabur. Walau bagaimanapun, kerajaan kini sedang membantu seorang pengusaha tempatan yang telah menceburi bidang ini dan kini memiliki lima buah kapal menangkap ikan tuna dan sebuah kapal pengangkut pendaratan tuna. Pada tahun 2012 sehingga bulan Ogos adalah sebanyak 400 metrik tan berbanding pada tahun 2011 hanya sebanyak 120 metrik tan.

Jabatan Perikanan kini sedang merangka Pelan Strategi Pembangunan Tuna 2013/2020 bagi membangunkan industri tuna negara yang merangkumi aspek-aspek pemasaran, prasarana, penyelidikan, modal insan, pemprosesan aktiviti hiliran. Usaha-usaha

juga akan dipertingkatkan untuk meningkatkan pengusaha dan juga kemahiran tempatan dalam memajukan industri ini.

Saya terus jawab Yang Berhormat Balik Pulau tentang isu yang sama. Yang Berhormat bangkitkan mengenai MITP. Asas pemilihan MITP.

■1730

Asas-asas pemilihan Bindforce. Kementerian melalui LKIM menganalisis Bindforce sebagai pihak yang mempunyai keupayaan daripada segi pengalaman dalam bidang perniagaan untuk menjadi rakan kongsi dalam pelaksanaan projek. Kerajaan telah pun bersetuju supaya tanah LKIM di Batu Maung seluas 20 ekar dibangunkan secara penswastaan bagi tujuan menyelesaikan kos tuntutan ganti rugi bersabit dengan kes ini. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, bahawa pertama, jumlah Yang Berhormat kata tadi, RM240 juta...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: RM243 juta. Itu bukanlah duit daripada kerajaan. Itu adalah duit yang dipinjam oleh pihak syarikat MITP dengan OSK. Oleh sebab projek ini kita lihat tidak berjalan lancar kerana ada masalah. Masalah kita adalah seperti Yang Berhormat cakaplah, dengan nelayan-nelayan persekitaran. Apabila nelayan-nelayan persekitaran ini berlaku, kuasa sungai kuasa kerajaan negeri. Bila kita hendak mengubah nelayan-nelayan yang berhampiran di situ, kita tidak dapat kerjasama dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri sudah bertukar tangan kepada DAP dekat Pulau Pinang. Jadi, oleh sebab ia melibatkan nelayan dan juga projek ini, amat *slow*, amat perlahan sekali dan tidak mengikut jadual. Sebab itu, kita sudah pun menamatkan perjanjian ini. Untuk memastikan bahawa tanggungan-tanggungan yang ditanggung oleh MITP ini, maka Kabinet telah pun bersetuju untuk memilih sebuah syarikat di mana di dalam syarat-syarat terma di mana syarikat ini yang akan ambil alih. Syarikat ini akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala hutang piutang dengan OSK dan juga membayar kepada LKIM sebanyak RM46 juta. Kalau tidak silap saya, RM46 juta.

Jadi, kita berharap dengan pelantikan syarikat yang baru ini, maka ia akan dapat menyelesaikan masalah MITP ini. Akan tetapi segala pelabuhan yang telah pun dibina oleh MITP ini akan diambil oleh LKIM.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Jadi, rundingan secara detil bukannya mudah untuk kita hendak mengambil alih. Menyerahkan syarikat yang bermasalah dan ada pula orang yang sanggup untuk mengambil segala *liability* ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey, Yang Berhormat Menteri, sedikit, boleh? Yang Berhormat Menteri, saya bertanya tadi apa asas Bindforce dipilih? Yang Berhormat Menteri menjawab pandangan kerajaan, ia layak.

Soalan saya sebenarnya ialah saya mahu Yang Berhormat Menteri perincian. Ini kerana carian saya menunjukkan Bindforce ini bukan satu syarikat yang mempunyai *track record* yang hebat, terutama dalam kerja-kerja hal ehwal ikan tuna yang akan dibuat ini. Jadi, bagi saya untuk satu keputusan, pihak kerajaan mengambil risiko. Satu projek yang baik, anggaran projek RM243 juta. Saya membuat carian bahawa dianggarkan mungkin memberikan pulangan 2.2. Pergi ke *Portugal*, pergi ke merata tempat, itu yang saya tahu. Akan tetapi kalau kita di Dewan yang mulia ini hanya datang dengan menjelaskan bahawa Bindforce layak. Jadi, apabila dia tidak *perform*, kerajaan negeri kononnya.

Akan tetapi apa yang saya tahu, bukan itu masalahnya. Mungkin ini Dewan, bukan tempat yang sesuai untuk kita panjangkan cerita ini, bukan itu masalahnya. Saya berjanji kepada Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri berpegang kerana isunya isu sungai tersebut, saya rasa dalam masa terdekat ini ramai nelayan-nelayan di Parlimen Balik Pulau, Zon Barat Daya akan bangun dan akan beritahu apa masalah sebenarnya. Saya harap Yang Berhormat Menteri bersikap telus. Adakah sebab sebenarnya Bindforce ini memang tidak layak, memang tidak *perform*, gagal, banyak sebab. Ataupun Yang Berhormat Menteri, kes telah pergi mahkamah, OSK, saya tahu. Saya ada *judgmentnya* di sini tetapi panjang.

Akan tetapi persoalan saya, Yang Berhormat Menteri perlu telus di sini. Bindforce ini sebenarnya apa kelebihanannya? Pengalaman projek yang pernah dilakukan? Di mana? Adakah individu tertentu di dalam itu hebat sangat? Yang Berhormat Menteri, saya tegaskan tentang perkara ini kerana setakat hari ini, tidak menguntungkan langsung nelayan di Daerah Barat Daya Pulau Pinang iaitu Batu Maung, Sungai Batu, Getah Sanggul sampai ke Teluk Bahang dan mereka tidak terlibat langsung. Jadi soalan saya, Yang Berhormat Menteri perlu memberi penjelasan supaya lebih meyakinkan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Seperti saya katakan tadi bahawa MITP ini untuk tuna. Tuna ini dekat tengah laut lah, yang dekat Zon A ini mana ada tuna di situ. Jadi sebab itu, perancangan kita – memanglah kita merancang seperti Yang Berhormat tahu, berapa kiraan semasa dia membuat *presentation* dan sebagainya. Akan tetapi waktu hendak melaksanakan, berbagai rintangan dan juga halangan.

Saya sendiri apabila membaca *agreement*, saya sendiri, saya lima kali menjadi pengerusi menyelesaikan masalah ini. Saya sendiri menegur, *agreement* yang dibuat pun tidak berapa tepat, saya kata. Sebab benda yang dibuat perjanjian itu ada beberapa *loop holes* sewaktu membuat perjanjian itu yang melibatkan kerajaan negeri. Padahal kita patut mendapat *consent* daripada beberapa faktor, daripada kerajaan negeri.

Jadi itu Yang Berhormat, saya sudah katakan tadi bahawa oleh sebab kelemahan-kelemahan ini dan juga kita mengambil LKIM termasuklah daripada Ketua Pengarah LKIM menjadi *board* dan sebagainya di situ. Jadi walau bagaimanapun, kerana saya kata kalau hendak cerita pun panjang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat banyak halangan.

Jadi, akhirnya kita tamatkan, kita tamat LKIM tetapi tentulah kita akan membayar ganti rugi dan sebagainya. Sebab itu kita telah pun, seperti yang saya katakan tadi, telah pun mendapat syarikat yang sanggup untuk mengambil alih projek tersebut dan mengganti rugi semua yang ditanggung, yang dihutang oleh pihak...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, terakhir untuk isu ini. Saya tekankan tadi dalam perbincangan saya tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Apa sikap kerajaan dalam menunjukkan kebertanggungjawaban, akauntabiliti. Kerana bagi saya, untuk memberi pegangan kepada satu syarikat sendirian berhad iaitu 60%, LKIM pun pegang 40% sahaja, yang tidak *perform* ini pula pegang 60%. Reputasi projek sudah hancur sebab tidak *perform*. Jadi, apakah keputusan Yang Berhormat Menteri, tolong jelaskan hari ini. Apa sikap akauntabiliti kerajaan terhadap mereka-mereka yang tidak betul-betul bersikap bertanggungjawab terhadap satu projek yang baik oleh kerajaan ini, tolong jelaskan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Kita sudah beritahu, ini projek penswastaan. Apabila projek penswastaan, tentulah syarikat itu lebih syer dia dan LKIM ada 40%. Apabila OSK menyaman dia, hutang tidak dibayar dan juga Yang Berhormat kata surat gerenti semua ini masih lagi belum *confirm*, mahkamah belum tentukan. Kita tahu cerita ini tetapi apa yang penting bagi kita bagaimana kita hendak memastikan bahawa projek ini kita dapat selamatkan dan teruskan serta bahawa hutang yang ditanggung oleh MITP di mana LKIM ada 40% ini kita dapat selesaikan. Jadi, benda ini kita telah selesaikan dan masih lagi di dalam perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat. Termasuk syarikat yang ada 60%, kerana ia mesti diambil kira, dia sudah belanja dekat berpuluh juta menyiapkan jeti-jeti. Yang Berhormat pun tahu jeti-jeti itu telah pun siap, ada yang sudah siap jeti-jeti tersebut. Jadi, saya ingat perkara ini kita telah pun ambil tindakan macam mana kita hendak mengatasi masalah ini.

Saya pergi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tentang apa Yang Berhormat? Ini tidak habis lagi Yang Berhormat. Banyak lagi isu yang saya hendak cakap. Saya bagi Yang Berhormat Balik Pulaulah sebab dia banyak tahu MITP. Jadi, saya ingat dia lebih faham benda ini yang telah dibangkitkan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pasal pelaburan swasta dalam perikanan?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Itu nanti, saya sambung dahulu ayat Yang Berhormat. Saya jawab dahulu.

Begitu juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi mengenai saiz mata pukat, penggunaan pukat tunda dan juga stok ikan. Ini tadi saya telah pun jawab mengenai pukat tunda ini.

Yang Berhormat Machang, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Machang kerana memberikan hujah yang cukup, begitu analisa, bernas dan begitu terperinci. Apa Yang Berhormat cakap itu semuanya betul belaka. Kita juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana membangkitkan dua isu mengenai ST15 dan juga Yang Berhormat Kuching yang ada bangkitkan.

Sebenarnya Yang Berhormat, apa Yang Berhormat bangkitkan mengenai ST15 ini, ialah perkara ini memang kita sudah sedar lama.

■1740

Kita tahu sebab itu kalau Yang Berhormat ingat kita pernah cadangkan supaya SUBUR dilaksanakan. Sebab apa, sebab kita lihat peruntukannya banyak lebih RM42 juta sebulan dan kita nampak benda Yang Berhormat Pokok Sena ketirisan berlaku. Ketirisan ini kita tidak payah *arguing* tukar baju, jual sebagai mana Yang Berhormat Pokok Sena cakap tadi. Jadi kita mencari kaedah bagaimana cara yang terbaik untuk kita hendak meneruskan bantuan subsidi beras yang melibatkan duit yang banyak dan Yang Berhormat sendiri sedia faham bahawa peruntukan ini diberi kepada pengilang melalui BERNAS dan juga pengilang-pengilang bumiputera. Pemborong pula ditentukan kuota oleh kementerian. Jadi dia ada berlaku ketirisan. Sebab itu kita cuba kenalkan SUBUR tetapi pada masa kita sudah kaji dengan lebih mendalam, maka pihak Kabinet fikir akan menimbulkan lagi banyak masalah jadi dia suruh cari alternatif lain.

Walaupun kita tidak laksanakan SUBUR tetapi peruntukan ini terus berjalan. Jadi kita juga pernah membincangkan seperti Yang Berhormat cadang supaya melantik satu pengampit. Ini kita sudah bincang, saya sudah panggil pemborong bumiputera, tetapi pemborong bumiputera mereka tidak setuju sebab ada 70% yang ST15 ini dia ada mesin, sama ada mesin besar ataupun mesin kecil. Jadi kita lantik sahaja satu sahaja pengampit maka akan timbul isu monopoli. Sudah ada syarikat pula, kita hendak letak lima zon. Sudah tentu akan timbul lagi isu hanya syarikat kroni sahaja yang akan dapat. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat yang kata hendak lantik hanya kepada agensi yang itu kita kena - agensi mana yang ada kemampuan untuk melaksanakan pengampitan ini.

Cadangan Yang Berhormat, saya juga pernah cakap dalam Dewan ini, kita juga pernah memikirkan mungkin kita hendak letakkan ST15 ini sebagai barang kawalan kerana seperti mana Yang Berhormat Machang kata tadi hanya 30% beras ST15 ini di dalam pasaran. Tadi yang bagi contoh, ada 10 kampil, tiga kampil sahaja ST15. Jadi dia tidak memberikan kesan. Jadi dia tidak macam gula, gula kalau ada 10 kampil, 10 kampil 100% akan bagi subsidi, minyak, tepung dan sebagainya. Jadi kerana itu kita kementerian sudah empat kali kita bermesyuarat untuk mencari jalan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Malah cadangan Yang Berhormat untuk bagi melalui BR1M pun kita sudah bagi. BR1M kita tengok 3.8 juta penerima. Kita ada bajet lebih kurang RM44 juta, katalah ada tambah yang baru ini RM4 juta BR1M. Kita kalau hendak buat kita boleh bagi, kita kena bagi RM10 seorang bagi sebulan. Bagilah RM10 jadi dapatlah RM4 juta. Jadi dengan sebulan RM40 juta. Okey kita akan belanjakan. Jadi itu kita kena tengok keberkesannya sama ada sesuai ataupun tidak. Walaupun alternatif akhir seperti mana Yang Berhormat cadang, kalau kita tengok betul-betul ST15 ini tidak memberikan kesan mungkin kerajaan kena hapuskan subsidi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu penjelasan sahaja. Nanti satu soalan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak saya bagi Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu pengakuan, memang saya akui bahawa Yang Berhormat Menteri sudah mengaku daripada dahulu. Akan tetapi isu ini sudah lama Yang Berhormat Menteri. Saya ingat benda ini sudah makan masa, banyak tahun selepas daripada tahun 2008, maknanya sudah pun berbangkit isu ini. Jadi kaji, kaji, kaji tetapi tidak ada pun satu penyelesaian yang konkrit untuk kita menyelesaikan. Sebaliknya keluar pula senarai baru. Senarai baru iaitu mereka yang diberikan kuota untuk mengampitkan beras ST15 ini.

Jadi macam Yang Berhormat berikan kepada saya bukan. Maknanya itu senarai barulah berbanding senarai lama yang saya ada. Jadi maknanya kita duk kata bahawa sebelum ini Yang Berhormat mengaku kata memang ada masalah, ada masalah kita sedang kaji, sedang kaji, keluar juga senarai baru. Hari ini kita kata ada masalah-masalah, tetapi benda itu berterusan akan ada pula senarai baru mereka yang diberikan mengampit. Jadi bila kita hendak selesai sedangkan duit ini habis begitu banyak macam Yang Berhormat kata RM42 juta sebulan. Saya rasa besar maknanya keuntungan yang diperolehi oleh mereka-mereka yang merompak hasil perut rakyat ini. Maknanya hasil yang sepatutnya masuk dalam perut rakyat ini dirompak oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab.

Jadi saya minta supaya kerajaan kena tegaslah maknanya kalau kata cadangan saya tadi bawa agensi kerajaan, kita kena pilih satu agensi kerajaan yang mesti bertanggungjawab dari segi kebajikan rakyat ini. Kemudian edar kepada peruncit kemudian bagi kupon kepada siapa yang hendak terima. Itu kita mesti selesai. Kalau tidak, tidak adalah beras itu tidak akan dapat di pasaran.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri satu soalan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat saya setuju tetapi yang *the word* merompak itu tidak berapa tepat. Saya sudah beritahu Yang Berhormat bahawa ST15 ini buat macam mana pun Yang Berhormat dia tidak akan sukar hendak memberi pada rakyat kerana hanya 30% sahaja. Kalau you ada 10 kampil tiga kampil sahaja ST15, buat macam mana pun tidak akan semua rakyat dapat. Sekarang ini sebab itu yang berlaku ini ialah ketirisan. Kita

sudahlah ada 10 kampil, kita ada tiga kampil. Tiga kampil yang BERNAS semua orang boleh beli. Restoran boleh beli, pendatang asing boleh beli, bihun boleh beli.

Jadi itu sebab saya bagi tahu *the word* perompak itu tidak betul Yang Berhormat. Kalau kata ketirisan, sebab itu kita kata sama ada dasar ini, kalau hendak bagi macam gula senang. Kita gula 100% kalau 10 kampil, gula, 10 kampil dapat subsidi. Ini 10 kampil tiga kampil sahaja yang dapat subsidi. Jadi sebab itu kita hendak kena tengok, macam Yang Berhormat kata seperti, kita sudah bincang, bincang kerana kita kena melibatkan berapa ramai pemborong, berapa ramai pengampil. Sebab itu kita panggil mereka ini. Mereka ini pula kita sudah panggil dekat sini, Sabah dan Sarawak pula kalau kita panggil mereka lain pula cara mereka Sabah dan Sarawak. Yang ini pun kita kena tengok juga.

Yang Berhormat kata kita bertambah itu, bertambah itu Yang Berhormat sudah dapat senarai. Saya bagi kerana apa, kerana hendak minta Yang Berhormat tolong kita. Kalau ada senarai itu Yang Berhormat tengok kita tidak layak *report* dengan kita. Saya janji dengan Yang Berhormat yang mana syarikat yang dapat itu tidak layak, Yang Berhormat bagi tahu, saya janji dengan Yang Berhormat saya akan batalkan. Kalau mereka ini betul-betul tidak layak. Sebab kemampuan pegawai penguat kuasa bukannya ramai pun. Jadi sebab itu kalau ini kepentingan rakyat kita tidak niat kita hendak bercakap politik tetapi hasrat semua kena dapat. Bukan sahaja orang UMNO dapat, orang PAS semua dapat, asal rakyat itu miskin. Hanya kita hendak tengok bagaimana peruntukan ini benar-benar sampai kepada rakyat. Jadi saya ingat. Cukup Yang Berhormat. Saya ingat bagi ini Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekarang kerajaan tahu ada ketirisan kenapa saya kurang nampak penguatkuasaan dijalankan di mana mereka ini ditangkap dan didakwa ke mahkamah dan kalau kita heret mereka ke mahkamah, penjarakan semua mereka yang mengamalkan ketirisan ataupun penipuan ini, saya rasa ini satu cara memastikan ia kurang berlaku lagi. Sekarang ini masih tidak ada tindakan langsung.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Faham, faham. Terima kasihlah. Saya boleh bagi Yang Berhormat. Kita bukan sahaja syarikat kita dakwa Yang Berhormat. Saya boleh tunjuk kepada Yang Berhormat. BERNAS pun kita saman. Tidak silap saya ada tiga ataupun empat kes. BERNAS pun kita saman apabila kita dapati BERNAS pun tidak mengikut peraturan tertentu kita saman di dalam mahkamah. Yang Berhormat Balik Pulau rajin cek ke mahkamah, cek memang betul ada. Yang Berhormat yang tidak faham ini ialah bukan ketirisan macam itu Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham, selain daripada ketirisan tukar baju, betul. Tukar baju, satu.

Kemudian kalau dia hendak tukar baju pun, dia lambak di dalam market hanya 30% sahaja. Kalau Yang Berhormat pergi tengok ada 10 beg beras, tiga beg sahaja ST15. Rakyat yang hendak beli 10 orang, tiga orang sahaja dapat. Itu maksud saya. Lain daripada gula, lain

daripada tepung, lain daripada minyak. Kalau botol minyak semua 10 botol itu semua rakyat dapat kerana semua dapat subsidi. 10 guni tepung semua dapat sebab semua dapat subsidi. Gula pun sama, *you* letak 10 guni gula, 10, 10 itu ada subsidi. Rakyat akan beli harga yang sama. Ini tidak. 10 guni *you* letak, tiga sahaja yang ada subsidi, tujuh lagi tidak ada.

Jadi banyaklah ketirisan yang saya kata selain daripada tukar baju. Saya akui, memang ada tukar baju dan juga sudahlah itu sedikit lepas itu restoran, pendatang asing. Jadi bermakna kita akan ambil tindakan Yang Berhormat, betul Yang Berhormat kata. Saya sudah panggil banyak kali Yang Berhormat. Kita sudah mesyuarat tiga empat kali tetapi kenyataannya kena akui macam mana saya hendak beritahu mengenai pukut tunda. Kita menghadapi rintangan-rintangan daripada nelayan. Ini tidak setuju, ini tidak setuju. Kita kata hendak satu kampit mereka pemborong-pemborong bumiputera dan juga bukan bumiputera mereka protes. Dia kata apa jadi pada kami punya kilang, kami punya pengampit ini macam mana. Jadi nanti kalau benda itu berlaku nanti Yang Berhormat pula melompat jadi pembela.

■1750

Jadi sebab itu, kita cuba hendak memuaskan hati semua. Dalam masa yang sama, kita teruskan apa yang ada dengan cara kita hendak menambahkanlah kebanyakan syarikat supaya hendak pastikan bahawa apabila kita agihkan ST15 ini, ia akan sampai kepada sasaran kita.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Jadi lagi banyak syarikat dapat, lagi banyak tempat kita sebarkan di seluruh negara, lagi banyak dapat. Jadi saya janji kepada Yang Berhormat, memang kita di dalam perhatian dan juga yang kata Yang Berhormat hendak beri kupon, itu pun memang kita sudah ada perancangan. Akan tetapi sekarang ini mungkin mudah sedikit apabila ada senarai nama BR1M ini, saya rasa mungkin mudah sedikit untuk kita melaksanakannya. Akan tetapi itulah mungkin seorang RM10.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Sedikit, sedikit Yang Berhormat Menteri. Isunya kita bersama, sependapat bahawa kaedah ini, mekanisme ini *fail* untuk sampai kepada sasaran. Kita bersetuju soal istilah perompak, tiris dan sebagainya, okey kita berbeza. Akan tetapi Yang Berhormat dengan saya dan juga rakan-rakan bersetuju bahawa kaedah ini sudah *fail*. Jadi kita kena ubah kaedah ini. Tidak bolehlah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya. Betullah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kaedah ini maknanya sudah merugikan wang-wang negara dan wang rakyat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya. Oleh sebab itulah saya kata, macam kata Yang Berhormat Kuala Krai bangkitkan, dia kata janji tidak ditepati kerana lancar SUBUR, SUBUR tidak boleh jalan, SUBUR jadi kubur. Ya sebab pada masa itu, kita mendapat senarai daripada e-Kasih sebagai contoh. Sekarang ini Yang Berhormat, apabila senarai BR1M ini sudah ada,

kita sudah tahu berapa. Jadi mungkin mudah untuk kita beri tetapi kita kena tengok nilainya. Maknanya seorang akan dapat RM10 dalam sebulan. Seorang akan dapat RM10 sahaja sebulan sama adakah itu benar-benar boleh berkesan kepada rakyat ataupun tidak.

Jadi perkara ini kita akan pergi, kita akan buat - memang kita sudah rancang pun. Hanya kita hendak tengok keberkesannya. Berkesan atau tidak? Kalau 100 orang dapat RM10 sebulan sahaja hanya untuk beli beras. Itu yang kita kena tengok pula. Nanti pembangkang kata pula, ini apa ini tidak ada faedah pula beri rakyat RM10 pun susah juga nanti. Jadi kita hendak kena –*insya-Allah*, kita akan kaji apa masalah ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*]. Minta penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: ST15?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Last one.* Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Apa yang saya persoalkan adalah harga ST15, ini harga pasaran antarabangsa adalah lebih murah daripada RM1.80 satu kilogram. Sudah buat lama, masa sudah dua tahun. Ia adalah lebih murah daripada RM1.80. Akan tetapi kenapa dengan subsidi sebegitu masih...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya faham. Saya dengar ucapan Yang Berhormat ini. Saya dengar. Saya faham ucapan Yang Berhormat. Macam mana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, kita masalahnya kita hendak tolong tempatan ini. Yang kita import – apabila kata Yang Berhormat cakap pasal harga beras ini, ST15 Vietnam. ST15 Vietnam, ia tidak sama dengan ST15 Malaysia. Itu sebab ia murah dan ST15 Vietnam kita tidak benarkan import sebab ia berhabuk. Kalau kita hendak import *at least* ST5 Vietnam. Ia baru sama taraf dengan ST15 kita. Jadi kalau Yang Berhormat kata kita hendak import ST15 ini semua daripada luar, bagaimana kita hendak membantu pengilang-pengilang, pengapit-pengapit yang ada, pemborong-pemborong yang ada di Malaysia. Jadi, saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat beri pandangan tetapi sekali apa *point* Yang Berhormat cakapkan ini sebenarnya kita sudah bahas sudah. Kita sudah bincang dengan *figures* kita untuk kita mencari jalan yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah ini.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Machang mengenai monopoli beras oleh BERNAS. Saya katakan bahawa memang betul pelanjutan tempoh konsesi untuk memberikan penjimatan kepada kerajaan yang kita laksanakan yang mana dengan terma-terma yang baru ini boleh memberikan penjimatan belanja kepada kerajaan dalam tempoh sepuluh tahun, lebih kurang RM1 bilion kita dapat jimatkan kerana tanggungan-tanggungan BERNAS untuk menguruskan obligasi di antaranya seperti stok penimbal. Sebelum stok penimbal beras kita minta diuruskan oleh pihak BERNAS yang dahulu hanya ada 92,000 metrik tan tetapi sekarang ini kita tambah pada 292,000 metrik tan dan kos segala pengurusannya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang mana setiap enam bulan, ia kena *pushing*kan *stockpile* ini, yang ini ditanggung oleh BERNAS. Kemudian kita juga baru-baru ini ada mengenakan insentif hasil berkaitan padi. Ini pun BERNAS yang uruskan. Jadi segala urusan ini dibuat oleh BERNAS. Dalam masa yang sama, kita juga yang baru-baru ini kita ada letakkan KPI iaitu KPI yang telah ditetapkan oleh kerajaan. KPI ini akan dipantau secara rapi oleh jawatankuasa khas setiap tahun. Kegagalan BERNAS dalam mencapai KPI yang ditetapkan boleh membawa pada denda. Sekarang kita boleh denda dia kalau dia tidak memenuhi syarat-syaratnya dan juga penalti hinggalah pada pembatalan perjanjian tersebut.

Oleh sebab itu perjanjian ini, kita sudah *signed*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Mengapa BERNAS diberikan konsesi, saya ingat Yang Berhormat Kota Belud tadi sudah memberikan hujah yang juga saya baru sebut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Saya berikan kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekiranya ada pengusaha-pengusaha dari Malaysia, dia membuka ladang tanaman padi, sawah padi di luar negara seperti di Cambodia atau Vietnam, Myanmar dan sebagainya, macam mana cara mereka ini boleh bawa masuk beras ke dalam negara kita ini? Bolehkah mendapat permit untuk bawa masuk ataupun paksa melalui BERNAS? Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sekali? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Dua perkara. Satu adalah apabila Yang Berhormat Menteri tadi berkongsi sama terma-terma baru yang membayangkan hasrat kerajaan untuk mengekalkan polisi sekarang yakni BERNAS menguasai memonopoli mengimport beras dari luar. Isu paling utama dalam fikiran saya ialah sampai bilakah kerajaan akan membenarkan syarikat untuk menguruskan *stock pile* ini? Apakah dalam tempoh akan datang ini kerajaan berkira-kira untuk mengambil alih tanggungjawab ini bukan hanya diserahkan kepada swasta ataupun konsortium? Ini disebabkan pada saya, isu ini adalah isu sekuriti makanan.

Hari ini Tan Sri Syed Mokhtar dia ada kepentingan langsung atau tidak langsung sehingga 72% dalam BERNAS melalui Tradewinds. Kalau kita tengok dia ada banyak subsidiari lagi di bawah itu seperti gula, tepung, sawit, getah. Itu di bawah *agriculture company*. CEO dia Syed Jabbar. Akan tetapi pada saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk mengubah polisi ini iaitu kerajaan mengambil balik. *Parking* di LPP misalnya. Ini kerana ia bukan isu *stockpile*

semata-mata. Ia berkait *networking*nya itu. Soal skim padi, soal harga padi dan melibatkan 90% petani Melayu, usahawan bumiputera, menguruskan beras luar negara, seimbangkan harga beras, jaminan bekalan beras sentiasa ada.

Terima kasih Yang Berhormat berikan tadi *stockpile* kita boleh bertahan sampai tiga bulan. Akan tetapi isu *stockpile* bukan hanya disimpan di satu tempat. Ia juga soal aspek keselamatan dan jaminan kualiti dan bebas manipulasi. Jadi saya bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah polisi ini akan berterusan ataupun kerajaan bersedia menimbangkan bahawa menyerahkan kepada seorang individu semata-mata yang kalau dia kuasai sesuatu syarikat, orientasinya tetap keuntungan. Itu sahaja.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Yang BERNAS in kita beri *rate exclusive right*. Ia sepuluh tahunlah sebab kita berikan kepada dia sepuluh tahun. Maknanya dalam tempoh sepuluh tahun, mana-mana pihak yang hendak mengimport beras, dia kena melalui BERNAS. Kalau ada macam kata Yang Berhormat Pasir Salak kata ada sebuah syarikat yang tanam padi, hendak masuk dia kena mesti melalui BERNAS kerana AP ini dikawal oleh BERNAS. Di dalam BERNAS, kerajaan ada *golden shares* yang mana diwakili oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga KSU Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ia punya kuorum mesyuarat, kalau salah seorang tidak datang, mesyuarat tidak boleh buat. Hendak buat mesti dua-dua datang. Jadi apa juga dasar-dasar yang dibuat oleh pihak BERNAS, ia mesti mendapat restu dan persetujuan daripada dua-dua orang. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pun kena bersetuju, Kementerian Kewangan pun mesti bersetuju.

■1800

Kemudian seperti Yang Berhormat kata menghiraukan kata harga padi, kita tadi pun telah dibangkitkan krisis tahun 2008. Pada masa itu harga di pasaran naik 200%, tetapi kerajaan memberikan penekanan kepada BERNAS. Walaupun harga pasaran naik 200% tetapi BERNAS tidak dibenarkan menaikkan harga melebihi 50% yang menyebabkan BERNAS menghadapi kerugian. Jadi di situ menunjukkan bahawa kerajaan masih lagi mempunyai kuasa penuh kepada syarikat swasta seperti BERNAS dalam kita hendak menstabilkan harga beras. Kalau Yang Berhormat tengok sejarah tahun sebelum Bernas ada. Apabila berlaku krisis beras, apabila tiga hingga empat syarikat yang terlibat, masing-masing dia akan mengundurkan diri kalau dia tengok dia tidak boleh untung.

Jadi bila kita ada BERNAS, ada wakil kerajaan – *golden shape* ada di situ, maka terbukti hari ini bahawa apa juga yang dibuat oleh BERNAS, dia mesti mendapat alasan. Mesti mendapat kebenaran daripada kita. Bukan sahaja dia hendak mengimport malah hari ini kita kata arahkan BERNAS terlibat di dalam sektor pengeluaran padi seperti jelapang padi di Batang Lupar, BERNAS kena terlibat.

Kemudian program MKA di MADA BERNAS kena terlibat kerana akhirnya kita beritahu dengan Bernas tidak boleh hanya sebagai tauke untuk mengimport beras semata-mata tetapi

juga mesti terlibat di dalam pengeluaran-pengeluaran beras. Sosial seperti Yang Berhormat kata tadi bagi subsidi dan semuanya, ini diuruskan oleh BERNAS dengan kerajaan tidak ada bayar apa-apa imbuhan tambahan kepada kakitangan BERNAS.

Mengenai beras Vietnam Yang Berhormat bangkitkan tadi bahawa memang beras import tidak diletakkan nama negara kecuali beras Thailand. Beras wangi Thailand ini cukup popular. Pengeluaran beras tersebut dikampit tetapi hanya diletakkan atau dicetak di atas kampil beras tersebut sebagai beras super import sahaja. Jadi mungkin sebab itu Yang Berhormat tidak berapa nampak. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Mungkin ada juga berlaku tukar baju. Bukan sahaja ST15, Yang Berhormat Pokok Sena. Takut Yang Berhormat cakap tadi itu. Beras Thailand dicampur dengan beras tempatan dan dia kata super import. Ini kita tidak nafikan kemungkinan berlaku. Oleh itu kita terus untuk penguatkuasaan. Kita terus jalankan. Kes-kes tangkapan yang ada direkod pada Kementerian.

Tahun 2010 ada 40 kes kita tangkap. Tahun 2011 naik sebanyak 150 kes kita ambil tindakan dan tangkap. Tahun 2012 sehingga bulan Ogos, sebanyak 162 kes kita ambil tindakan. Macam Yang Berhormat Bandar Kuching kata. Bukan kita tidak ambil tindakan. Kita ambil tindakan. Kemudian jumlah kes yang melibatkan BERNAS yang saya kata tadi. Ada lapan kes yang melibatkan BERNAS, yang sudah selesai tujuh kes dan satu kes lagi masih didaftarkan semula.

Jadi bermakna dalam kita menguatkuasakan pengimportan beras dan sebagainya. Kita tidak kira BERNAS atau tidak BERNAS, asalkan mereka ini melanggar peraturan, kita akan mengambil tindakan. Saya ingat itulah Yang Berhormat bangkitkan tadi. Sehingga Yang Berhormat Pokok Sena. Selain daripada itu...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Satu lagi Tuan Pengerusi, ada satu lagi yang saya tanya secara khusus untuk Yang Berhormat Menteri *response* tentang *rumors* di pasaran yang menyebut bahawa Kementerian akan beri AP lagi kepada Bernas yang menerusi syarikat Jejak Bakat. Dia akan beli beras daripada Pakistan. Kemudian BERNAS diberitakan akan beli balik *back to back* sebanyak 50,000 tan matriks. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan *respond* mengesah atau menafikan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Syarikat Jejak Bakat Sdn. Bhd. telah dilantik dan mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan bagi membekalkan beras *stock pile*. Yang dibekalkan ini sekali beli. Yang kerajaan beli. Yang *stockpile* sebanyak 53,000 matriks tan daripada negara Pakistan untuk dijadikan beras *stock primal* negara.

Peranan Jejak Bakat adalah sebagai pembeli dan pembekal manakala BERNAS bertindak sebagai penerima dan juga penyelenggara beras tersebut seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi Bernas. Memang telah pun diberikan persetujuan kepada syarikat ini tetapi saya difahamkan masih belum berlaku transaksi lagi kerana masih ada beberapa lagi

rundingan dan juga berdasarkan harga pasaran katanya. Sekarang turun naik dan turun naik harga pasarannya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Bolehkah saya sekali lagi Tuan Pengerusi memberikan soalan ringkas. Apa bezanya kalau BERNAS sendiri yang beli daripada dilantik satu lagi syarikat kemudian BERNAS beli balik. Apa implikasi kos? Apa lebihnya BERNAS beli terus tanpa melalui Syarikat Jejak Bakat atau apa lebihnya BERNAS beli secara *back to back* dengan izin melalui Jejak Bakat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat kata BERNAS beli *back to back*, itu di luar pengetahuan. Bermakna sepatutnya Jejak Bakat ini dia tidak boleh *back to back*. Dia kena uruskan pembelian itu secara sendiri. Dia tidak boleh jual kepada pasaran. Dia terus simpan dekat *stockpile*. Bila simpan dekat *stockpile*, *stockpile* inilah nanti yang diserahkan kepada BERNAS. Itu yang saya faham di dalam persetujuan dan juga perjanjian di antara kementerian dengan Syarikat Jejak Bakat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: ...Jadi lebih daripada itu kalau dia ada *back to back*, itu di luar pengetahuan kementerian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, Yang Berhormat Menteri. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah ini sebenar-benarnya perkara yang patut kita *dismantle*, memberikan satu *soul importer* dan petang ini kita dengar ia adalah semata-mata untuk *stockpile*.

Mengapa tidak dalam hal perkara ini untuk kita *allow* dan izinkan paling tidaknya tiga. Maka dengan itu, satu harga yang lebih *comparative*. Melalui *comparative bid* itu dan kita telah komited kepada persoalan open tender ini. Ini satu yang jelasnya diberikan kepada satu sahaja sumber. Bayangkan. *This is monopoly* yang kita patut *dismantle* yang kita teruskan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat cakap yang mana satu? BERNAS kah apa ini?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang paling mutakhir ini. Yang paling mutakhir tadi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Jejak Bakat ini?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, Jejak Bakat ini untuk...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey saya tahu, Yang Berhormat. Jejak Bakat ini pun dia tidak dapat AP. Dia tidak dapat AP. Dia hendak bawa masuk ini, dia kena dapat kebenaran AP BERNAS. Dia tidak ada satu kelulusan AP kepada Jejak Bakat. Dia kena melalui AP Bernas. Jadi itu yang mungkin timbul. Yang kata *back to back* dengan BERNAS itu saya tidak tahu. Akan tetapi siapa juga yang hendak masukkan beras di dalam Malaysia, dia kena dapatkan kebenaran BERNAS. Sebab itu kadang-kadang Bernas dia ada banyak syarikat-

syarikat seperti Jasmine, beberapa syarikat yang kita tengok mereka mengimport kerana di situ mungkin ada *share*. Dia jadikan anak syarikat BERNAS.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini ada satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan. Tidak sempat tadi dalam perbincangan kerana saya tidak diizinkan. Ini adalah perkara yang dikatakan sebagai saluran pemasaran yang berlapis-lapis seperti ini yang perlu kita efisienkan. Kalau saya perhatikan sekarang ini, proses yang efisien ialah pengilang, pengimport BERNAS, terus kepada pelesen borong dan terus kepada peruncit. Akan tetapi kita tambahkan lapis-lapis yang ini.

Kita sekarang ini ada syarikat yang BERNAS ada ekuiti, ada pegangan saham di situ. Jadi ini dia perkara yang sukar untuk kita...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, sebab itu kita buat dasar bahawa beras import mesti dijual lebih mahal daripada beras tempatan. Itu syaratnya. Tidak apalah. Kalau BERNAS mahu import, dia import 30%.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya faham. Persoalannya Yang Berhormat Menteri, dia bukan persoalan dengan harga itu. Dia boleh herotkan pasaran dengan *ability* itu ketika mana yang lebih *available* adalah gred yang import itu. Mahu tidak mahu pengguna akan membeli daripada import walaupun harganya tinggi. Di situ juga satu persoalan. Ketika mana berlaku monopoli, dia mengepung pasaran dengan persoalan *supply sidenya*.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, okey faham. Faham.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini perkara yang cukup penting.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, benda ini kita sudah beritahu banyak kali bahawa beras yang diimport oleh BERNAS ini lebih kurang 30%. Beras yang diimport ini kebanyakannya beras pulut, beras wangi, beras basmathi dan juga beras-beras yang diimport ini, importnya lebih mahal daripada harga tempatan yang untuk Yang Berhormat layak beli. Saya orang Tanjong Karang mungkin tidak layak beli beras import ini. Yang layak beli ST5 yang kita cap harganya sebanyak RM26.

Kalau harga luar tidak boleh lebih. Tidak boleh jual bawah RM26. Jadi bermakna soal harga ini memang kita sudah kawal. Akan tetapi soalan Yang Berhormat kata monopoli tadi, saya sudah terangkan banyak kali bahawa beras BERNAS dia ada *exclusive right*. Akan tetapi dalam *exclusive right*, kerajaan ada *clause* yang kita boleh batalkan. Sebagai contoh saya kata. Saya sudah banyak kali bagi contoh. Kita pernah berlaku krisis makanan, kita pernah paksa BERNAS mesti melabur juga dalam pengeluaran makanan, menguruskan subsidi dan obligasi ini siapa hendak *share*?

■1810

Katalah RM1 bilion, RM1 bilion dalam sepuluh tahun untuk menguruskan subsidi sosio obligasi ini. Macam mana kita hendak bagi misal kata kalau tiga syarikat, empat syarikat.

Kemudian beras hendak masuk kita kontrol. Kita ada had kita, tidak boleh daripada 30%, yang itu kementerian kontrol.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya cukup faham itu Menteri, saya cukup faham.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Jadi, apa Yang Berhormat tidak faham lagi?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebab itu persoalan penimbal itu, *stockpile* itu adalah cukup penting. Sekarang ini...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Kita faham, kita faham.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, *last point*.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat ini *confused*, *stockpile* ini lain.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Stockpile* adalah cukup penting untuk mengelakkan apa yang berlaku dalam 2008.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, betul.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebenarnya *national in security* kita adalah pada tahap 20% Yang Berhormat Menteri atau 25% *because we are only able* dengan izin membekalkan 75%.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, betul, sebab itu sekarang stok penimbal ini kerajaan tambah, daripada 92 tan kepada 292 tan, saya dah sebut tadi, dah tambah dah. Jadi sebab itu bila kita tambah, bila stok penimbal ini, beras ini enam bulan sahaja boleh tahan. Jadi sebab itu siapa hendak uruskan tiap-tiap enam bulan bertukar beras ini, 292 tan? Jadi sebab itu setiap kali mesti ada stok penimbal, ini yang juruskan oleh Bernas. Jadi stok penimbal itu kita dah tambah Yang Berhormat, belajar daripada kita punya krisis makanan yang lepas. Saya ingat semua sahabat dah boleh jawab ya.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya *confused* sedikit tadi.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ada lagi? Ingat dah...

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang saya faham beras import ini, pulut, basmathi, beras wangi ini dalam pasaran cuma 10% hingga 15% sahaja. Akan tetapi bila kita import satu juta tan metrik, yang kita import daripada Thailand, Pakistan, India, Myanmar, Cambodia, Vietnam semua itu Yang Berhormat, yang saya sebut tadi adalah, tadi Yang Berhormat menjawab bahawa beras daripada Vietnam itu memang dijual sebagai Beras Super. Akan tetapi yang saya timbulkan adalah jumlahnya besar 60% lebih daripada satu juta, itu dari Vietnam. Beras ini pula murahya itu antara USD60 hingga USD80 per tan berbanding dengan beras Siam.

Akan tetapi bila masuk tempatan, ada berlaku manipulasi jenis beras dan juga gred, itu yang saya sebut dalam perbincangan tadi. Akibatnya, kita tahu, perbincangan panjang, saya tidak mahu mencelah dalam ST15 tetapi adalah jumlah yang begitu besar kita beli dari Vietnam, bila masuk ke pasaran, ia semacam mengambil manfaat daripada *loophole* dalam definisi Perintah

Beras iaitu bukan sahaja beras tempatan tetapi kalau dimasukkan *percentage* tertentu beras import, itu juga dianggap sebagai beras tempatan. Pada saya, ini kelonggaran yang dianggap sebagai mengorbankan kepentingan industri beras ini. Dari sudut politiknya, kita kena *protect* industri beras tempatan tetapi bila kita benarkan definisi beras itu dalam Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992 yang lima kali dipinda selepas krisis 2008 itu, ruang itu digunakan oleh pemborong dan peniaga untuk memasukkan itu.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya, faham.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Jadi saya hendak tanya dari segi aspek kawal selia kementerian, bagaimana kementerian menangani isu ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya dah kata tadi. Kalau Yang Berhormat hendak pergi takrif kata beras ini bukan sahaja beras hancur, beras hancur buat mihun itu pun kena melalui AP dari BERNAS, ia punya tafsiran. Setiap kali beras yang dibuat. Jadi sebab itu saya dah kata tadi bahawa kita menguatkuasakan kawalan. Jadi kalau kita dapati ada pegawai BERNAS sekali pun, kalau dia melanggar peraturan, kita, dia langgar tukar baju dan sebagainya, tindakan kita ambil. Sekarang ada lapan kes, kita saman juga Bernas, kita ambil tindakan.

Jadi persoalan Yang Berhormat kata tadi bahawa bimbang bahawa kesan kepada beras-beras tempatan. Saya hendak ambil satu contoh Yang Berhormat ya, macam mana apabila beras-beras tempatan, saya ambil satu contoh pada tahun 2012, macam mana bila kita hendak memberi pemilihan kepada swasta, tempatan tetapi mereka tolak. Macam tahun 2011, kerajaan pernah menawarkan kilang swasta untuk membekal beras ST15 kepada BERNAS tetapi kilang swasta tidak bersetuju untuk membekalkan beras ST15 atas sebab harga pasaran beras yang ada lebih tinggi.

Jadi ertinya kalau harga pasaran, swasta tidak mahu tidak apalah. Jadi kalau kita tidak cukup, itu yang kita ambil daripada Vietnam tetapi saya katakan tadi kalau beras Vietnam ia tidak boleh ST15, ia mesti 15, standardnya baru sama. Untuk beras Vietnam Yang Berhormat bangkitkan tadi itu, ia tidak boleh kurang dari ST5 kalau hendak jadikan ST15 tetapi kalau hendak jual di dalam pasaran, harganya mesti lebih mahal daripada harga tempatan.

Jadi saya pergi ke Yang Berhormat Pokok Sena, ini mengenai rungutan benih ditanam tidak tumbuh. Ini kualiti benih memang dah selalu kita bincang tetapi perkara ini saya dah kata bahawa Jabatan Pertanian, dulu kalau sejarah benih padi Yang Berhormat pun faham. Dulu Jabatan Pertanian salah satu pengeluar. Jadi bila jabatan sebagai pengeluar, bagaimana jabatan sebagai *regulator* untuk memastikan kualitinya cukup. Manakala, untuk kita hendak memastikan kualiti benih ini cukup syarat, Yang Berhormat mesti dah faham, bukannya sekali, empat peringkat yang saya dah terangkan secara detil hari ini.

Akan tetapi kalau ada Yang Berhormat kata, kita pun ada dapat aduan bahawa perkara yang dibangkitkan di dalam kawasan Timbalan Menteri saya pun yang sebagai Timbalan

Menteri dari Kubang Pasu. Dia pun bangkit dan kita telah pun pergi siasat dan tengok. Bila kita tengok, benda ini kita tidak boleh salah seratus peratus kepada benih ini, caranya lambat tabur dan sebagainya. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, ramai juga tadi Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan apakah hasil kerajaan apabila begitu banyak bantuan yang diberikan kepada penanam-penanam padi termasuklah benih padi, baja dan sebagainya?

Daripada perangkaan yang ada pada saya, pengeluaran padi pada tahun 2007 bila kita mulakan Dasar Jaminan Makanan Negara 2007. Pada 2007, pengeluaran padi kita dalam tan metrik adalah 2.3 juta tetapi sampai tahun 2011, tahun lepas, ia naik ke-2.5 juta, ada peningkatan. Selain itu juga kalau daripada peratus hasil padi, dulu kita ada 3.5 pada tahun 2007 tetapi sekarang dalam tempoh empat tahun ia naik ke 3.7 tan, bermakna peningkatan ini ada. Tadi ada rakan-rakan kata kenapa di Thailand lebih banyak? Kita dah buat kajian, purata hasil *yield* padi di Thailand berbanding dengan Malaysia, kita lebih tinggi lagi. Tinggal lagi di Thailand kerana sawah padinya luas, itu bezanya.

Jadi bermakna hasilnya memang ada. Malah daripada rekod yang kita dapat bahawa itu purata tetapi ada kawasan-kawasan tertentu, ia dah sampai 12 tan pun ada. Ini purata seluruh negara yang kita ambil Sabah, Sarawak dan semuanya. Jadi bermakna memang ada peningkatan hasil padi daripada bantuan-bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, sedikit sahaja penjelasan saya. Saya setuju dengan data yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat, Menteri Pertanian, berlaku peningkatan hasil dalam industri padi. Akan tetapi Yang Berhormat sedarkah bahawa kos operasi juga meningkat menyebabkan pendapatan petani tidak berubah, harga padi masih lagi malar, tidak berganjak. Betul berlaku peningkatan tetapi kos operasi juga meningkat, kos baja, kos racun dan kos-kos yang lain. Jadi tidak ada makna juga dengan peningkatan hasil padi ini.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Okey Yang Berhormat. Kita dah buat kajian, sebelum ini satu hektar tanah petani dapat RM2,700, Yang Berhormat boleh balik kira, tinggal lagi kita ini tidak bagi *cash money* saja, kita bagi bentuk input. Apabila kita ada insentif-insentif yang baru di bawah Dasar Bekalan Makanan, hari ini petani mendapat insentif dan subsidi ini ialah RM4,000 per hektar. Sebab apa, hari ini macam, PAS hari itu ada resolusi kata naikkan subsidi padi. Sekarang ini subsidi padi kita belanja RM480 juta sahaja setahun.

■1820

Insentif pengeluaran padi, kita belanja dekat RM650 juta, menunjukkan lebih banyak. Sebab apa kita tidak naikkan subsidi, kerana apa guna naikkan subsidi? Kalau subsidi, semua orang dapat RM248.10. Dia dapat dua tan, itu juga dapat, dapat satu tan itu juga dapat, 10 tan itu juga dapat. Sebab itu kita bagi insentif, satu. Kemudian *on top of that*, insentif daripada baja, tanah, kapur, semua ini yang saya kata tadi, kita bagi pula insentif peningkatan hasil padi. Insentif peningkatan hasil padi ini pula apa tujuan dia? Lebih baik. Kalau musim lepas dia dapat lima tan, musim ini dapat enam, dia naik satu tan. Satu tan peningkatan hasilnya,

kerajaan bayar RM630 satu tan. Bermakna, kalau dia hendak hasil lebih, dia tambah padi dia, tiap-tiap tan yang ditambah dia dapat RM630 satu tan. Kalau musim lepas dia dapat 9.5 tan, musim ini dia dapat 10.5 tan, naik satu tan. Lebih 10 tan, maksudnya 9.5 musim lepas, musim ini dia naik dapat 10.5 tan. Tambah satu tan. Bila tambah satu tan dia dapat dua bonus. Yang pertama, penambahan daripada 9.5 kepada 10.5, dia dapat RM630 satu tan. Oleh kerana dia capai 10 tan, dia dapat lagi bonus RM630. Sebanyak RM1,300 dia dapat, satu tan sahaja tambah.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat, kita kena ingat juga, Yang Berhormat pun lama kerja dengan MADA. Yang Berhormat boleh perhati, kadang-kadang dalam satu plot yang sama. Baru-baru ini saya pergi sawah, dalam plot yang sama mengapa ada sawah yang boleh dapat 10 tan. Jiran dia dapat enam tan. Sebab apa? Dapat bantuan yang sama, dapat bekalan yang sama. Soalnya, bagaimana sawah padi diuruskan dengan cara yang betul. Ada orang dapat 10 tan kerana hari ini dapat baja, dia tabur hari ini. Jiran dia dapat hari ini, dia tunggu minggu depan baru dia hendak tabur baja. Tentulah tidak sama.

Jadi, apa juga peningkatan ataupun *output* Yang Berhormat cakap, kerajaan berikan penghargaan. Dengan penambahan hasil padi, kita bagi dua insentif. Peningkatan hasil padi dan insentif pengeluaran padi, yang jumlahnya hari ini lebih tinggi daripada subsidi padi. Jadi, hari ini kalau kita bagi duit *cash* kepada petani, satu hektar petani, dia boleh dapat duit lebih RM4,000 satu hektar, daripada RM2,700 sebelum ini, naik dalam RM4,000. Sebab itu subsidi padi Yang Berhormat tengok hari ini berbanding dengan yang lepas, tahun ini naik dekat 2.2 bilion. Berbanding dengan bajet tahun lepas, baru RM1.6 bilion. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat. Jadi, kita pun kena *educate* pesawah-pesawah kita ini dan kita juga sudah tahu, buat secara individu tidak mendatangkan hasil, kurang hasil. Sebab itu kita buat secara kelompok supaya bila tabur baja, tabur sama-sama, bubuh racun, racun sama-sama. Jadi, baru tikus sebelah itu dia tidak lari kepada sebelah sini, kepada jiran yang mengamalkan 3T ini.

Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat, saya amat yakin dengan perancangan kerajaan kemudian kita tambah lagi jelapang padi. Kita tambah empat lagi jelapang padi yang telah diumumkan baru-baru ini, maka peningkatan hasil padi ini akan meningkat. Walaupun pada dasarnya ada dua pendapat mengatakan tidak perlu hendak buat *self-efficient*. Hendak *self-efficient* untuk apa? Kata hendak buat jelapang padi belanja beratus juta. Lebih baik kita beli beras import, lebih murah daripada kita keluarkan beras padi sendiri. Akan tetapi macam mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum melalui *food security*, kita kena usaha juga hendak mencapai *self-efficient* kita.

Jadi, saya ingat usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan ini saya rasa cukup dapat memberikan pertolongan kepada petani-petani. *Alhamdulillah*, hari ini saya tengok peningkatan petani-petani semakin meningkat. Melainkan kalau ada diserang penyakit, kalau ada banjir. Yang itu kita tidak boleh buat apa. Itu pun kerajaan ambil prihatin. Beli pula

insurans sekarang ini, diumumkan RM50 juta insurans. Supaya kalau diserang penyakit, kena banjir, kalau dahulu dapat RM500 sahaja ganti rugi. Dengan adanya insurans, *insya-Allah* dapat *cover* kerugian apa yang petani-petani hadapi. Saya ingat langkah yang kerajaan buat untuk membina petani ini sudah cukup baiklah. Saya tengok hanya lagi bagaimana cara kita hendak menggerakkan petani ini supaya menerima apa yang kita telah cadangkan Yang Berhormat. Saya ingat itu sahaja.

Perbekalan baja mengikut zon tanah. Ini tadi Yang Berhormat Kuala Kedah ada bangkit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sat, saya ingat Yang Berhormat hendak jawab lagi fasal benih itu.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Pasal benih apa? Habis sudah, apa lagi?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak. Fasal saya dengar Yang Berhormat tadi pergi ikut lain dahulu. Jadi, saya hendak bangkit fasal benihlah. Minta maafilah.

Baik, baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal benih ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya difahamkan bahawa MARDI ada juga keluarkan benih-benih baru yang saya tidak tahu bagaimana kedudukan benih-benih baru ini. Ini kerana ada petani-petani merungut bahawa benih 219 ini sudah lama, 15 tahun. Kalau tidak silap saya 15 tahun lebih, mungkin 15 tahun lebih. Ia antara benih yang ada ketahanan dari segi penyakit dan sebagainya berbanding dengan benih-benih yang lain. Akan tetapi mereka mengatakan bahawa sepatutnya sekarang ini sudah ada teknologi baru, penemuan baru, benih-benih baru yang mampu menggantikan benih 219 ini. Ini kerana kalau dilihat benih *clear field*, CL1, CL2 yang berasal dari benih MARDI juga 220. Akan tetapi ini hanya untuk padi angin tetapi hasilnya sangat baik untuk mengatasi angin tetapi sebaliknya ia dibolot. Ia hanya dikuasai oleh syarikat Sri Merbok ini. Jadi, ini bagi mereka yang mengatakan beban kepada mereka kerana mereka hendak beli daripada Sri Merbok ini, kena beli sekali dengan racun. Bagi mereka bahawa kalau ada kaedah boleh beli benih sahaja, racun *depa* boleh beli di luar, kos *depa* akan lagi murah. Jadi, yang ini saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, CL ini kita sudah cakap panjang lebar dah yang lepas. Dia punya kajian bahawa benih padi ini kalau hendak beli, ia padi kebal, orang kampung cakap padi kebal. Dia mesti datang dengan racun sekali. Dia tidak boleh asing. Kalau dia asing, ia tidak akan menjadi sebab yang ini kajian yang dibuat oleh MARDI dan BSL. Kemudian benih kebal ini tidak dimasukkan dalam senarai benih padi sah, tidak ada. Jadi, mana-mana pihak yang petani seperti Tanjong Karang pun ramai. Mereka pergi beli, dia pergi beli sendirilah. Dia pergi beli sendiri kerana hasilnya memang betul. Hasilnya agak tinggi. Padi angin boleh kita bunuh tetapi ia tidak boleh pergi lebih daripada dua kali, dua musim. Sebab itu sekarang ini pun saya telah minta kementerian, MARDI dan juga petani, kaji kalau betul benih padi sah ini kosnya mahal, sebab satu hektar dia kena belanja RM780 per hektar.

Benih padi sah ini baru RM28. Yang mahal ini racun dia itu. Dia mesti datang sekali. Jadi, kalau Yang Berhormat kata pakai benih padi lain, pakai racun lain, dia tidak boleh jadi sebab racun itu dia memang khusus untuk penanaman itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak. Pengusaha padi beritahu, mereka boleh dapat racun yang sama jenis dengan yang dikeluarkan oleh...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak boleh, tidak boleh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, mereka dapat daripada Siam, cuma nama sahaja berlainan tetapi boleh dapat daripada Siam.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apalah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ramai petani *depa* kata boleh dapat racun itu daripada Siam.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Beginilah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, sebab itu *depa* kata kosnya akan lebih murah.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak apa. Kalau Yang Berhormat kata yang boleh pakai sebab kita ada peraturan. Yang baja mesti dapat kelulusan jawatankuasa teknikal. Racun kita ada akta racun. Memanglah kalau Yang Berhormat tanya orang kampung, racun yang paling berkesan, bukan yang racun kerajaan bagi ini. *Depa* pergi beli sendiri jual dekat kedai-kedai tertentu yang import, kita pun tidak ada kelulusan. Itu cukup berkesan. Gerenti punya. Bila tabur racun, bukan sahaja rumput mati, orang pun mati sekali. Yang Berhormat, ini cerita betul. Bapa saudara saya sendiri, Pak Long saya, meninggal dalam sawah padi sebab dia pergi ambil racun, dia pergi beli di kedai. Ini cerita betul. Sebab itu saya cukup - di hati saya mengenai petani-petani.

Jadi Yang Berhormat, saya sudah panjang lebar saya bercakap benda ini. Saya cakap panjang lebar macam mana pun, DAP dekat Sekinchan hari ini buat juga demonstrasi fasal isu padi. Ini DAP ini, pagi tadi. Tidak ramailah 35 orang tetapi penting, dia dapat naikkan suruh saya letak jawatan dan sebagainya. Apa juga saya jawab, DAP akan pusing-pusing. Akan tetapi saya ingat sudah cukuplah Yang Berhormat, panjang lebar. Ramai lagi kawan yang sedang menunggu untuk mendengar apa yang mereka bangkitkan.

Yang Berhormat Ranau, bangkitkan hasil penyelidikan buah-buahan MARDI untuk sampai ke Sabah. MARDI banyak menjalankan R&D dalam buah-buahan dari segi pembangunan *varities*, sistem pengeluaran, kawalan perosak dan juga penyakit dan juga pengendalian lepas tuai serta produk-produk yang berasaskan buah-buahan.

■1830

Maklumat dan juga teknologi ini boleh diperolehi dari pejabat MARDI negeri Sabah dan juga di Kota Kinabalu. MARDI juga menganjurkan latihan dan juga khidmat nasihat teknikal tanaman buah-buahan yang melibatkan keseluruhan rantaian nilai pengeluaran. Tadi ada

beberapa Ahli Yang Berhormat juga bangkit mengenai MARDI dan betul ada yang MARDI kenakan sedikit bayaran untuk menghadiri kursus-kursus. Ada juga yang MARDI tidak kenakan bayaran. Kalau kata dijemput memberikan taklimat dan juga ceramah tetapi kalau duduk sampai seminggu ataupun lebih dan datang kepada tempat MARDI dan juga ada menggunakan kemudahan-kemudahan MARDI, yang ini selalunya MARDI kenakan sedikit bayaran kerana itu lebih baik. Kadang-kadang kalau kita bagi percuma semua pun, takut orang tidak menghargai apabila barang yang kita bagi hanya percuma.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Jawapan Kuala Kedah tadi yang sebelum Yang Berhormat Pokok Sena ganggu tadi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Apa dia?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Siri tanah tadi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Oh, tanah. Ya. Saya boleh jawablah. Yang tanah Yang Berhormat, memang mula-mula saya jadi Menteri pun itulah arahan saya yang pertama sebab sebelum ini satu jenis racun, semua jenis baja, dia pakai seluruh negara. Sebab itu kalau Yang Berhormat tengok mulai tahun 2009 kalau saya tak silap, kita dah pecahkan enam zon atau lapan zon. Enam zon kerana saya pun tahu bahawa mesti mengikut jenis tanah. Macam tanah di Tanjung Karang tak sama dengan tanah di Kedah tetapi mereka menggunakan baja yang sama. Sebab itu Mardi telah pun diminta membuat kajian supaya racun dan baja ini diberi mengikut kesesuaian tanah.

Kerana itu kalau Yang Berhormat tengok bantuan yang kita bagi, berjenis-jenis baja. Ada baja organik, ada *enhancer*, saya dah lupa lagi satu ini yang cecair ini. Jadi sebab itu kita buat zon-zon dan terima kasihlah Yang Berhormat ingatkan tetapi walau bagaimanapun mengikut kajian daripada pakar-pakar tanah, di dalam satu-satu kawasan pun baja ini tak boleh sama. Dia kena menggunakan baja yang berbeza. Misal katalah macam dekat kawasan saya, Tanjung Karang, tanah gambut tempat batu permukaan gambut. Dia punya baja tanah dia tak sama dengan tanah yang dekat ban satu kalau nak kira. Jadi, untuk permulaan ini yang kita mampu ikut zon dulu dan saya percaya lepas ini kita akan lebih *zoning* lagi dan kita juga sedang bercadang supaya baja-baja ini kalau kita nak tender, kita buat macam racun.

Macam racun sekarang ini, cara kita ialah kita letak 44 jenama racun, terpulang kepada petani. Kalau petani nak kata jenama A, dia pergi beli jenama A. Dia boleh pilih. Racun dia pun kita sedang merancang. Kita senaraikan nama-nama baja ini ada berapa jenis, 10, 13, 15, senaraikan. Terpulanglah kepada petani apa jenis baja yang dia rasa sesuai yang dia nak letak dekat tanah dia. Racun kita dah buat, baja di dalam proses kerana untuk baja ini kita ambil masa dalam enam bulan. Enam bulan sebelum order baja kita kena buat kajian sebab baja kita dapat tahu mesti sampai pada waktu dia. Jadi memang langkah pertama kita dah bagi *zoning* dan langkah yang kedua kemungkinan kita akan buat macam saya kata senarai nama-nama baja dan terpulang kepada petani apa jenis baja yang mereka nak beli ikut sesuai tanah

masing-masing. Bukan sahaja tiap-tiap negeri, dalam kawasan satu-satu jelapang padi pun, *soil condition* adalah berbeza.

Jadi saya nak pergi kepada soalan Yang Berhormat Arau.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Mohon penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Pasal padi kah?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Bukan. Yang Berhormat Menteri, ada saya menyentuh tentang sama ada sudah dimulakan terutama sekali penyelidikan daripada segi penternakan ikan tawar terutama sekali jenis ikan yang bermutu tinggi ataupun bernilai tinggi. Sudah adakah ataupun belum lagi. Kalau belum, kenapa belum lagi.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih ingatkan saya. Sebenarnya kita memang sedang buat kajian macam di Sarawak ada empurau. Empurau ini kita ada bagi peruntukan, saya dah lupa berapa peruntukan tapi kita dah pun bagi dan saya sendiri telah pun melawat satu kolam semuanya empurau dan kita bagi RM6 juta kalau saya tak silap untuk sebagai tempat pembenihan empurau. Tapi empurau ini Yang Berhormat pun faham dia tak boleh bela di semua tempat, dia kena air yang baik. Begitu juga ikan kelah. Kita ada juga pusat perniagaan kita di Kuala Lipis ataupun Raub, saya dah lupa tapi ada. Jadi memang kita ada membuat kajian untuk memastikan jenis-jenis harga spesies-spesies ikan ini untuk kita kekalkan dan memang ikan-ikan ini agak mahal harga dia. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Arau membangkitkan status perusahaan tuna, tadi saya dah jawab. Yang Berhormat Arau membangkitkan sama ada kita ada kerjasama industri perikanan di peringkat ASEAN dan melalui agensi di peringkat antarabangsa. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa stok ikan dikategorikan sebagai stok yang bergerak yang mana kawalan yang berkesan perlu melibatkan negara-negara yang berjiran. Bagi Asia Tenggara, **SeaTech** merupakan satu badan serantau yang antara lain mengawal sumber ikan di Asia Tenggara. Melalui pelan tindakan perikanan serantau. Negara yang menyertai *Bay of Bengal Large Marine Ecosystem* bersama lapan buah negara yang bersempadan dengan Lautan Hindi untuk mengurus sumber perikanan di Lautan Hindi serta ikan kembung.

Jabatan juga terlibat dalam Program Sulu-Sulawesi untuk menguruskan sumber perikanan di Segi Tiga Sulu-Sulawesi melibatkan negara Filipina, Indonesia dan juga Malaysia. Jabatan juga mempunyai kerjasama di peringkat antarabangsa dengan banyak negara seperti negara Norway, Belanda, Jepun, Korea Selatan dan lain-lain.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, dari Bakri. Nak tanya satu soalan tentang perikanan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Belum sampai tak?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tak, bukan. Tadi Speaker tak beri peluang tanya soalan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tunggu dulu boleh tak? Mungkin Yang Berhormat nak tanya ini dah saya nak jawab ini.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tak, sebab saya tak dapat berbahas. Nak tanya satu soalan tentang perikanan sahaja, pendek sahaja.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Sila.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih menteri memberi peluang. Di sini saya nak tanya, adakah pihak kementerian telah melakukan siasatan terhadap punca kejadian kematian ikan-ikan di kawasan Pantai Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor. Sekiranya telah disiasat, bilakah laporan akan didedahkan kepada umum? Adakah sebelum ini fenomena ini pernah berlaku di kawasan sekitar Pantai Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana-mana pun ada matilah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Apakah perancangan kementerian untuk membantu nelayan-nelayan di sekitar kawasan terlibat yang telah mengalami kesan dalam mata pencarian mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Itu bahagian Pengerang, tanyalah Ahli Parlimen Pengerang. Tanya nantilah tapi saya tak boleh jawab sekaranglah sebab Yang Berhormat tanya *on the spot* macam ini, tapi saya percaya apabila kita jumpa perkara-perkara tersebut, tentulah jabatan akan turun ke padang untuk melihat sebab-sebab apa punca kematian ikan tersebutlah.

Yang Berhormat Kota Belud bertanyakan mengenai peruntukan jelapang padi di Kota Belud. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa peruntukan yang telah pun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan di Kota Belud ialah sebanyak RM116.2 juta yang telah pun dibelanjakan di bawah RMKe-9 untuk membangunkan infrastruktur pengairan dan juga saliran. Sementara itu di bawah RMKe-10, sejumlah RM23.4 juta telah diluluskan dan status projek setakat ini adalah pembangunan infrastruktur pengairan dan juga saliran pertanian di kawasan seluas 400 hektar meliputi menaik taraf sistem pengairan dan juga saliran sedia ada.

Pemasangan pam dan juga sistem automasi pintu air pasang surut juga dilaksanakan. Sementara itu, di bawah pelaksanaan projek NKEA pula, sebanyak RM14.3 juta telah diperuntukkan pada tahun 2012 yang akan melibatkan kawasan 800 hektar dan baru-baru ini kalau tak silap saya, kita meluluskan ada lagi RM16 juta lagi sebagai tambahan dan projek di bawah Kota Belud ini diletakkan di bawah projek NKEA. Jadi peruntukan itu *insya-Allah* akan sentiasa ada.

Yang Berhormat Tenom mengenai pengimportan ayam. Pengimportan ayam tidak menjejaskan pasaran tempatan daging ayam dan penternak tempatan kerana hanya daging ayam tanpa tulang dibenarkan import. Kebenaran hanya diberikan kepada pengilang yang memproses produk ayam. Pengimportan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Mengikut data jabatan pengimport mengikut tahun, tahun 2011 sebanyak 39,500 metrik tan diimport dan juga pada tahun 2012 sebanyak 31,711 metrik tan ayam telah diimport iaitu keratan ayam. Kawalan mengenai bahan makanan, ini kita tidak nafikan bahawa isu global menyebabkan kenaikan harga makanan ternakan oleh kenaikan harga bahan mentah yang diimport terutamanya jagung.

Usaha kerajaan dalam menangani isu ini ialah selain daripada kajian oleh MARDI dan juga institusi lain-lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Pertanian Malaysia dan juga Malaysia Palm Oil Board dalam mencari bahan alternatif kepada jagung, kementerian juga sedang menggalakkan dan juga meneruskan usaha pelaburan luar negara terutamanya di Indonesia dan juga di India. Baru-baru ini satu perjanjian telah ditandatangani oleh NAFAS dengan syarikat daripada India di mana NAFAS akan memainkan peranan untuk mengimport jagung untuk dijadikan bahan makanan.

Yang Berhormat Tenom juga membangkitkan mengenai perkhidmatan dan peranan LPP dalam memastikan industri ternakan ayam diperkasakan di bawah perancangan Pelan Korporat LPP. Saya ingin memaklumkan bahawa program ternakan ayam di bawah LPP melibatkan dua kategori iaitu penternak individu dan juga PPK terlibat sendiri dalam projek korporat. Sehingga kini yang pasti pengeluaran ayam hidup di bawah kendali Pertubuhan Peladang adalah berjumlah 51 juta ekor setahun dan akan dipertingkatkan kepada 7 juta hingga 9 juta menjelang tahun 2015. Pelbagai program telah pun disusun termasuk program ternakan Pertubuhan Peladang secara usaha sama dengan pihak swasta bagi membolehkan PPP sebagai salah satu pengeluar ayam di negara ini.

Yang Berhormat daripada Jempol membangkitkan mengenai pinjaman TEKUN dan juga ramai Yang Berhormat membangkitkan juga mengenai TEKUN. Saya ingin nyatakan bahawa TEKUN menyedari masalah yang dihadapi oleh usahawan yang *blacklist* ini tidak boleh mendapat pinjaman daripada institusi kewangan. TEKUN membenarkan usahawan yang telah disenaraikan hitam ini untuk mendapatkan pinjaman TEKUN. Ini adalah satu inisiatif kerajaan untuk membantu usahawan yang pernah gagal dan disenaraikan hitam sebagai peluang kedua mereka untuk mereka menjalankan perniagaan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: TEKUN.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Nantilah, tidak habis TEKUN lagi ini. Mengenai masyarakat India bahawa boleh mendapatkan pinjaman daripada TEKUN melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India untuk menjalankan perniagaan. Permohonan pinjaman ini boleh dibuat dan boleh dihantar terus kepada Pejabat TEKUN di kawasan Parlimen di mana usahawan itu berniaga. Kerjasama strategik juga telah pun dijalinkan dengan Unit Special Secretariat for Empowerment of India Entrepreneurs (SEED), Jabatan Perdana Menteri dan ia turut membantu usahawan India untuk mendapatkan pinjaman dan maklumat mengenai TEKUN Nasional.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya rasa Yang Berhormat Menteri patut dapat pujian hari ini kerana boleh jawab dengan lancar. Akan tetapi saya rasa kasihan macam Yang Berhormat Menteri macam kena tindakan sesuatulah sebab dua minggu kena jawab benda ini daripada minggu lepas. Satu kementerian sehari sahaja. Kira rekod jugalah. Saya bimbang sahaja kalau-kalau ada - macam kena dera. *[Ketawa]*. Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan marah Yang Berhormat, petang-petang. Jangan marah, jangan marah. Saya hendak tanya pasal TEKUN...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mantap, mantap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tahun ini nampak gaya macam tidak ada langsung peruntukan. Ada disebut ditulis itu RM180 juta secara pinjaman untuk program TEKUN. Saya hendak tahu kalau *allocation* ini berbentuk pinjaman, adakah kementerian Yang Berhormat terpaksa fikirkan macam mana hendak menggabungkan *revolving fund* itu dengan bentuk pinjaman. Ini kerana pinjaman ini maksudnya akan *diimposed* kepada peminjam-peminjam program TEKUN yang sama sekali kita tidak mahu berhenti, kita hendak teruskan juga. Akan tetapi tahun ini tidak ada, kosong peruntukannya kecuali dalam buku inilah, Yang Berhormat. Dalam buku ini memang dikatakan kosong program TEKUN tahun ini. Tidak ada langsung kecuali dalam bentuk pinjaman sahaja. Bukan secara langsung.

Ini bermakna kementerian terpaksa mengguna kaedah lain untuk menjayakan program TEKUN. Daripada jawapan tadi, tergambar kepada saya seolah-olah program TEKUN ini akan tersusun dan akan membolehkan pembiayaan ini diteruskan tetapi sebenarnya kosong. Kalau Yang Berhormat tengok kecuali secara pinjaman. Tahniah sekali lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Memang daripada dahulu pun waktu TEKUN ini diperkenalkan, memang diberikan pinjaman malah waktu kita mula-mula perkenalkan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak, kerajaan mempunyai peruntukan tahun ini kosong.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ada, RM350 juta. Ada Yang Berhormat, RM350 juta. Tahun lepas RM200 juta.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tahun ini secara pinjaman Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Pinjamanlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pinjaman itu lain, bukan peruntukan kerajaan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Dia memang daripada mula Yang Berhormat, memang kerajaan bagi pinjaman pun. Memang bagi pinjaman dan memang TEKUN nanti dia akan bayar balik kepada kerajaan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul, tahun lepas secara langsung. Tahun ini sahaja secara pinjaman.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak. Tidak ada Yang Berhormat, memang daripada dahulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya berdasarkan daripada buku ini Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Daripada dahulu, daripada mula diperkenalkan memang diberikan pinjaman. Pinjaman daripada sejarahnya, pinjaman ini pada mula-mula dahulu ia termasuk pengurusan. Itu sebab mula-mula TEKUN terpaksa dikenakan 8% untuk urusan pengurusan. Akan tetapi sekarang kita turun kepada 4%. Jadi tadi dibangkitkan pasal TEKUN, saya hendak nyatakan kepada TEKUN walaupun kita punya peruntukan macam tahun lepas RM200 juta, tetapi jumlah yang diberikan pinjaman kepada peminjam-peminjam lebih daripada peruntukan tahunan yang diberikan.

Ini menunjukkan bahawa kutipan yang dibuat oleh TEKUN, hasil kutipan ini dia boleh pelau, dia boleh pusing balik dan dia boleh bagi pinjaman lebih daripada peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Jadi kerana itu kerajaan berpuas hati dengan cara urusan TEKUN ini dilaksanakan. Oleh sebab itu tahun ini diberikan tambahan lebih daripada tahun lepas.

Yang Berhormat juga ada bangkitkan mengenai lembu korban. Yang Berhormat sahabat saya Sri Gading juga sebut lembu korban. Yang Berhormat Jempol pun ada lembu korban. Saya hendak nyatakan bahawa mengenai bekalan lembu korban, bekalan lembu korban mencukupi kerana kebanyakan penternak telah pun bersedia sejak 6 bulan lalu dalam menyediakan bekalan lembu korban. Cuma diperhatikan permintaan agak merosot sedikit tahun ini, mungkin disebabkan harga pasaran yang sedikit meningkat.

Sistem pawah masih juga diteruskan, ditanya sistem pawah masih lagi diteruskan dan diubahsuai kepada sistem teras skim pawah sektor ternakan yang memberikan jumlah ternakan yang lebih banyak. Skim ini mendapat sambutan baik daripada pengusaha-pengusaha dan juga peladang kelapa sawit yang merupakan *target* utama skim ini.

Tadi dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Sri Gading yang mengatakan bahawa lembu agak mahal. Jadi sebenarnya untuk lembu mahal ini ada beberapa sebab. Kedua, lembu yang kita boleh korban ini mestilah lembu yang cukup syarat dan juga lembu jantan. Jadi kita hendak import lembu daripada Thailand mengambil masa sekurang-kurangnya mesti 20 hari sebab lembu ini mesti dikuarantinkan 10 hari di sebelah Thailand, masuk ke Malaysia tambah lagi 10 hari kuarantin, dia kena kuarantin lagi di Malaysia. Jadi kerana itu kali ini harganya agak naik sedikit kerana kita tidak dapat lembu daripada Australia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Ini kerana ini ialah Australia punya peraturan bukan sahaja kita.

Indonesia, kalau Yang Berhormat baca surat khabar kerana *Australian* tengok orang sembelih lembu melalui *Youtube*, maka kerajaan Australia telah pun membatalkan tidak

membenarkan lembu-lembu hidup dieksport ke Indonesia pada tahun lepas kalau saya tidak silap sampai mereka terpaksa membuat rayuan. Kita juga telah pun diberikan amaran bahawa kalau kita didapati menyembelih lembu daripada Australia tidak mengikut syarat-syarat, garis panduan yang telah dikenakan oleh pihak Australia, maka kita juga mungkin tidak boleh mengimport lembu daripada Australia. Ini kerana Australia ini bila sudah ada *welfare aid* ini, dia ada pendaftar kebajikan haiwan yang kita juga akan kena juga akta ini.

Jadi oleh sebab itu cara sembelihan yang kita buat mesti melalui rumah sembelihan (*abattoir*). Kalau sembelih dekat rumah sembelihan *it is okay*. Dia tidak boleh tengok sembelih dekat luar ini, dekat belakang rumah, dekat tepi masjid.

■1850

Akan tetapi inilah kebudayaan kita kerana itu kali ini kita tidak sembelih, kita tidak gunakan lembu-lembu Australia untuk korban tetapi hanya lembu daripada Thailand dan juga lembu-lembu tempatan. Satu cadangan tadi yang ditanya apa perancangan kerajaan, kementerian untuk memastikan tahun hadapan dijangka lembu akan naik.

Jadi kementerian akan merancang untuk memastikan bahawa lembu untuk korban tahun hadapan mesti dirancang mulai tahun ini dengan menggunakan sistem teras ataupun sistem pawah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol tadi. Yang Berhormat Ampang mengenai keselamatan makanan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, cadangan itu baik. Apakah kemungkinan kita cukup lembu untuk korban untuk tahun depan kalau apa yang telah dicadangkan itu dapat kita sediakan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ikut perancangan di bawah NKEA kita, kita akan buat tambahan lembu lebih kurang 2,000 ekor, kalau tidak silap saya dalam 2,000 ekor, di mana lembu ini kita akan ternak bukan di bawah ladang. Kita telah pun dapat kerjasama dengan FELCRA, dengan FELDA di bawah program integrasi.

Dalam masa yang sama, kita juga akan mempertingkatkan ternakan lembu secara fidlot yang tadi yang dibangkit mengenai *select farm* tadi. Saya sudah beritahu *select farm* yang dibangkitkan, bahawa *select farm* ini sebenarnya kita sedang berjalan dan hari ini di *select farm* kita ada lebih kurang 2,500 ekor lembu di seluruh negara.

Jadi kita akan membuat perancangan-perancangan ini dan dalam tahun hadapan kita tidak boleh nafikan kita kena import, tetapi kita kena pastikan bahawa bekalannya mesti mencukupi Yang Berhormat.

Yang Berhormat Ampang dia keselamatan makanan tahap mencapai sara diri. Seperti saya kata tadi bahawa beras negara kita telah pun capai 72.2% dan selebihnya ditampung oleh bahan import tetapi *self-sufficient* nya Yang Berhormat, kita susah hendak agak sebab kajian kita, unjuran kita berdasarkan kepada penduduk tempatan tetapi hari ini kita kata kita ada 28

juta tetapi hari ini kita tengok penduduk kita lebih 28 juta. Pemandang asing sahaja dekat berapa juta, dekat 3 juta lebih dan kajian dibuat mereka ini makan nasi lebih banyak daripada kita.
[Ketawa]

Itu yang kadang-kadang susah ini betul. Dia kira pagi, malam, siang makan nasi dan dia makan pun banyak. Jadi sebab itu *self-sufficient* ini kita agak sukar kita hendak rancang kerana pendatang-pendatang luar ini tetapi walau bagaimanapun seperti yang saya terangkan panjang lebar tadi bahawa kita akan pastikan bahawa bekalan makanan negara akan mencukupi. Isu jelapang baru ...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit, celah sedikit Menteri.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Pengerusi, adakah Menteri rasa sekiranya sistem monopoli yang ada sekarang ini kalau kita longgarkan ataupun kita hapuskan akan membantu kementerian untuk mempercepatkan lagi bekalan untuk cukup dalam negara dan juga menjadi pengeksport di masa akan datang.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Tidak ada. Bekalan ini Yang Berhormat, ia tidak ada kaitan dengan monopoli. Dia hendak tambah beras, dia kena dapat kelulusan, letak sepuluh syarikat pun, terpulang kepada kementerian. Kementerian yang akan menentukan berapa tan dia boleh import kali ini.

Setiap kali dia hendak import, dia kena minta kebenaran kita. Jadi tidak timbul daripada segi kawalan beras memang dikawal oleh kementerian. Ini macam kena kelulusan Menteri lah, saya tahulah. Saya yang memberikan kelulusan itu sebab sampai kepada Menteri.

Jadi sebab itu bukannya soal monopoli. Soalnya bagaimana kita hendak menambahkan *yield* kita di dalam negara kita supaya satu masa nanti kita sudah cukup beras kita untuk kita tidak lagi bergantung daripada negara luar. Itu sebab kita buatkan jelapang padi Yang Berhormat bangkit tadi ini, jelapang padi baru, perancangan Malaysia sebagai negara pengeksport beras.

Saya ingat kita telah pun tambah lagi empat di bawah NKEA. Kita juga ada peruntukan khas bukan sahaja jelapang padi, kita juga ada program untuk membangunkan sawah-sawah terbiar dan sawah-sawah terbiar ini pula kita galakkan bukan tanam beras biasa, dia boleh tanam basmati, beras wangi supaya tanah-tanah yang terbiar ini kita naikkan dia punya taraf pengairan dan di bawah NKEA ini, kerajaan tidak bagi 100%. Kalau ada mana-mana syarikat yang berminat hendak membangunkan sawah terbiar, dia boleh gunakan peruntukan dia. Katakanlah dia belanja RM1 juta, kerajaan hanya bagi RM300,000 sahaja, 30% daripada kos yang dibuat oleh sesuatu syarikat.

Jadi kerana itu, kita kena ada kerjasama dan kerajaan juga sedar untuk membangunkan pertanian ini tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata. Kosnya cukup tinggi. Kita kena melibatkan pihak-pihak swasta.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: BERNAS saya sudah cakap panjang lebar. Isu *National Feedlot* Yang Berhormat dan saya ingat Yang Berhormat pun sudah sedia maklum bahawa isu ini sedang di dalam mahkamah, tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat hendak tahu bagaimana langkah kerajaan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat sekarang ini memang langkah kerajaan sedang, kita sedang berbincang dengan syarikat untuk mengambil alih syarikat bukan *National Feedlot* ini. Kita hendak ambil alih pengurusan dan juga yang pentingnya duit kerajaan ini kita dapat balik.

Jadi kerana itu, Kabinet telah pun melantik Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai pengerusi untuk memastikan pengambilalihan ini berlaku. Hari ini ada beberapa syarikat yang datang untuk memberikan beberapa cadangan dan daripada cadangan-cadangan yang dibuat saya tengok bukannya, ialah kena mengambil masa. Seperti yang saya kata MITP tadi, macam Tuna Port setahun lebih *ding dong ding dong* sahajalah sebab dia kena ambil kerugian, dia hendak bayar berapa banyak pula kepada kerajaan dan sebagainya.

Akan tetapi kerajaan telah seperti yang diumumkan oleh pihak kerajaan bahawa kita hendak pastikan bahawa duit kerajaan ini macam mana kita hendak boleh dapat balik. Begitu juga projek ini akan berjalan lancar kerana *National Feedlot* ini amat penting untuk masa depan industri daging kita dan juga seperti mana yang saya kata tadi bahawa ladang-ladang *select* Yang Berhormat, walaupun *National Feedlot* ini ada masalah tetapi ladang *select* ini terus beroperasi kerana ianya diuruskan oleh syarikat-syarikat tertentu yang lain.

Daripada 57 buah ladang *select*, sekarang ini beroperasi lapan buah dan jumlah lembu yang dipelihara di ladang-ladang *select* ini sekarang ini ada 12,000 ekor. Yang Berhormat ...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit Tuan Pengerusi. Bagaimana tentang pengurusan kewangan ini kerana kewangan daripada NFC telah dibekukan dan pembayaran tidak bayar balik dan sebagainya.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Jadi, bagaimana operasi itu boleh *go on*, selepas itu gaji *director* pun berjalan dan boleh. Jadi kita perlukan penjelasan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat, saya tidak mahu cakap lebih sebab itu kes ini masih berada di mahkamah. Akan tetapi memanglah syarikat ini memang dia pernah merayu untuk dicairkan setelah asetnya dibekukan, mereka juga merayu tetapi tidak dapat kelulusan. Sebab inilah macam Yang Berhormat tahulah apabila sudah dibekukan dia mengalami masalah berbagai-bagai. Jadi mereka terpaksa cari unsur-unsur yang lainlah untuk mereka meneruskan usaha.

Oleh sebab itu dalam kita membuat perbincangan macam mana kita hendak ambil alih ini kita tengok bukan sahaja dari segi kewangan, daripada segi undang-undang, dari segi

teknikalnya macam mana, daripada segi teknikalnya kita hendak boleh ambil daripada segi undang-undangnya bagaimana. Jadi mengenai operasi *National Feedlot* ini, yang dibekukan, bekulah. Jadi mungkin mereka ada cara mereka untuk mereka meneruskan usaha, tetapi saya tengok tidak sehebat dahululah kerana mereka menghadapi kekangan-kekangan dengan modal ini tadi.

Jadi Yang Berhormat, banyak lagi Yang Berhormat ini. Saya daripada Yang Berhormat Silam, peranan FAMA dalam pembangunan pemasaran di luar bandar saya hendak nyatakan bahawa dalam membantu membangun pemasaran kepada petani kecil di luar bandar, kita telah pun memperbanyakkan capaian pasaran dengan menyediakan infrastruktur yang mudah jika kita bangunkan fokus...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Sampai pukul berapa Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tujuh.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Pukul 7? Jadi masa. Jadi saya Yang Berhormat, saya ingat yang lain-lain Yang Berhormat yang mungkin saya tidak dapat jawab saya akan bagi jawapan bertulis. Jawapan bertulis sudah ada tetapi saya tidak sempat hendak baca, itu satu. Jadi *insya-Allah* saya akan beri jawapan bertulis dan akhir sekali mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan pertanian dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,175,175,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM4,175,175,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,681,993,500 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,681,993,500 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 30 Oktober 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam]